

Jilid II
Bil. 2



Hari Rabu
29hb April, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang) [Ruangan 245]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 245]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18:

Sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan—Subjudice—Y.B. Tuan Haji
Ibrahim bin Ali [Ruangan 354]

USUL:

Ucapan Terima kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota
Setar) [Ruangan 359]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.. P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADARUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO TIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJIAH ILANI BINTI DATO HAJI ISHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAIM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN MAT HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zaman bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 29hb April, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN

**Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin
Datu Harun (Limbawang)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ahli Parlimen bagi Kawasan Limbawang dari 28hb April hingga 7hb Mei, 1992.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KERETAPI TANAH MELAYU—
KELEWATAN PERJALANAN

1. **Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk

mengatasi masalah kelewatan keretapi bertolak dan ketibaan keretapi pada jangka masa yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Keretapi Tanah Melayu sekarang sedang giat menjalankan beberapa perubahan terhadap infrastrukturnya khususnya ke atas landasan bagi maksud memberikan perkhidmatan yang lebih selesa, cepat dan selamat kepada para penumpang serta pelanggan.

Projek-projek yang sedang diselenggarakan ke atas landasan adalah kerja-kerja membaikpulih dan pembaharuan landasan mengikut peringkat di seluruh rangkaian KTM dan pembinaan landasan berkembar antara Seremban-Kuala Lumpur-Rawang dan Kuala Lumpur-Pelabuhan Klang.

Hasrat Pentadbiran KTM untuk memenuhi kehendak serta harapan rakyat memerlukan kerja-kerja tersebut di atas dilaksanakan supaya perjalanan tren akan menjadi lebih sempurna dan dalam usaha ini kelewatan ke atas tren-tren tidak dapat dielakkan. Namun demikian, KTM berusaha sedaya upaya untuk mengawal serta mengurangkan kelewatan tren, terutama sekali terhadap tren-tren ekspres dan Penumpang Mel/Biasa.

Dalam hubungan ini, KTM telah menyusun semula Jadual Waktu Tren dengan mengubah waktu bertolak kepada yang lebih awal.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, adakah kelewatan keretapi ini disebabkan oleh kerosakan rel ataupun talian perjalanan keretapi? Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, adakah kerosakan ini adalah kerosakan biasa ataupun ianya merupakan satu sabotaj?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kerosakan ataupun kelewatan sebenarnya disebabkan oleh banyak perkara iaitu salah satu daripadanya kegelinciran, kemalangan dengan sebab pencerobohan manusia ataupun lembu dan sebagainya dan juga baru-baru ini ada kejadian sabotaj. Kejadian sabotaj ini adalah yang terbaharu sekalilah. Sebab-sebab yang lain itu, salah satu sebab yang saya katakan tadi bukan kerosakan rel tetapi kerja-kerja mengganti rel, membaharui rel dan juga kerja menambah iaitu rel berkembar seperti yang saya sebutkan bagi sektor-sektor tadi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri, adakah sebab-sebab yang lain seperti landasan keretapi itu sangat-sangat sesak dan juga jadual untuk sesuatu tren itu bertolak, maka kerana kesesakan itu terpaksa dilewat-lewatkan.

Yang kedua, adakah benar bahawa perkhidmatan pengurusan Keretapi Tanah Melayu itu tidak begitu licin dan didapati selain daripada kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan itu, pun ada pula kelemahan-kelemahan yang lain. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan sedikit sebanyak tentang perkara itu?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju kalau beliau mengatakan kelemahan-kelemahan; yang saya

sebutkan tadi itu ialah sebab-sebab kelewatan dan jadualnya seperti saya katakan tadi mengikut jadual asal, apabila ada kerja-kerja membaharui rel, maka kita terpaksa menjadualkan semula tren-tren ini, mengubah waktunya supaya tidak tergendala, dan seboleh-bolehnya kerja-kerja membaharui rel ini dibuat di waktu malam iaitu selepas tren yang terakhir lalu di tempat-tempat tertentu.

Jadualnya seperti saya katakan tadi sudah disusun semula supaya tidak terjadi kelewatan ataupun kalau ada kelewatan tidak terlalu lama sangat kelewatan tersebut.

KEDUTAAN MALAYSIA DI PRETORIA—PENUBUHAN

2. Dr V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan masalah "Apartheid" di Afrika Selatan adalah lebih kurang di peringkat penyelesaian tetap di antara pihak Kerajaan Afrika Selatan dan Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), adakah Malaysia berhasrat menubuhkan pejabat Kedutaan Malaysia di ibu kota pentadbiran Afrika Selatan, Pretoria; dan
- (b) jika benar, bilakah Kedutaan Malaysia ini akan ditubuhkan di Pretoria.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Walaupun terdapat beberapa perkembangan positif yang berlaku di Afrika Selatan seperti rundingan CODESA tetapi Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa perkembangan-perkembangan tersebut masih belum lagi menjamin penubuhan sebuah kerajaan demokratik dan non-racial, dengan izin, di Afrika

Selatan. Oleh yang demikian, buat masa kini Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk menubuhkan pejabat Kedutaan Malaysia di ibu kota pentadbiran Afrika Selatan, Pretoria.

- (b) Oleh kerana Malaysia belum lagi bercadang untuk menubuhkan kedutaan kita di Pretoria, maka tidaklah dapat saya memberikan tarikh penubuhannya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat mengatakan tidak ada niat untuk menubuhkan satu Kedutaan di Afrika Selatan, tetapi nampaknya aktiviti-aktiviti yang lain masih berjalan termasuk baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah pergi ke Afrika Selatan untuk membuat perjanjian-perjanjian untuk MAS dan sebagainya. Adakah ini satu cara dengan senyap-senyap untuk membuat apa sahaja tanpa ada Kedutaan? Adakah ini satu langkah yang diambil untuk mengelakkan kritikan daripada pihak-pihak yang tertentu?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita lihat perkembangan positif yang berlaku di Afrika Selatan, maka Kerajaan telah melonggarkan sedikit dari segi hubungan terutamanya di antara rakyat dengan pihak-pihak swasta untuk pergi balik ke Afrika Selatan, kalau adapun apa-apa perhubungan di antara rakyat kita dengan rakyat Afrika Selatan adalah di atas cara ataupun dasar tidak rasmi dan tidaklah melalui Kementerian Luar Negeri ataupun melalui Kerajaan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada penentangan kita yang sungguh-sungguh ke atas sistem Apartheid apakah sebenarnya peranan Malaysia secara langsung yang positif ke arah penyelesaian ataupun dismantling of the Apartheid system ini.

Yang kedua, dalam sidang CHOGM di Harare yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah dipilih mempengerusikan satu Jawatankuasa untuk menilai penyelesaian masalah Apartheid di Afrika Selatan. Setakat ini apakah peranan Jawatankuasa ini, dan setakat manakah tugas dan perkembangannya? Adakah telah membuat laporan dan sebagainya mengenai kedudukan yang terakhir disegi Jawatankuasa ini menjalankan tugasnya?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, secara tersendiri Malaysia tidaklah membuat apa-apa program secara langsung untuk kita hendak bubarkan sistem Apartheid di Afrika Selatan, kecuali melalui badan-badan seperti Komanwel, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagainya. Dan nampaknya dengan adanya sekatan-sekatan ekonomi iaitu sanctions yang pada Afrika Selatan yang dibuat oleh masyarakat dunia umumnya termasuk Malaysia, maka ada banyak perubahan yang positif, yang sedang berlaku di sana.

Yang keduanya, Jawatankuasa untuk memastikan yang Apartheid ini dapat dibubarkan di Afrika Selatan telahpun diketuai oleh Perdana Menteri seperti yang telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan kini sebuah Jawatankuasa Penyiasat yang dianggotai oleh pegawai-pegawai tertentu yang menganggotai Jawatankuasa tersebut telahpun pergi untuk membuat penyiasatan tentang keadaan yang berlaku di Afrika Selatan. Jawatankuasa bertaraf pegawai ini akan membentangkan laporan mereka kepada Jawatankuasa peringkat Menteri ataupun peringkat Ketua Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri. Dan sekiranya tiba masanya untuk mereka berbincang, maka akan dinasihatkan oleh pegawai-pegawai tersebut pada Ketua-ketua Kerajaan yang menganggotai Jawatankuasa tersebut.

AJARAN SESAT

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung ajaran sesat yang terdapat dalam negara kita sekarang ini; dan
- (b) berapa banyakkah ajaran sesat yang telah dikenalpasti di seluruh negara sejak dari tahun 1970—1990 dan berapakah bilangan yang telah diharamkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk membendung ajaran sesat di negara kita, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:
 - (i) Memberikan penjelasan kepada orang ramai melalui ceramah, penyebaran risalah, geraksaraf dan perangsaraf;
 - (ii) menguatkuasakan tindakan undang-undang melalui enakmen Jabatan Agama Islam Negeri-negeri;
 - (iii) mengawasi secara ketat kepada kumpulan/gerakan ajaran sesat dari luar negeri. Dengan demikian kumpulan ini tidak dapat bergerak dengan bebas untuk menyebarkan fahaman sesat mereka kepada orang ramai di negara ini;
 - (iv) Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pusat Pemulihan Ajaran Sesat. Tujuannya adalah untuk memulihkan bekas penganut-penganut ajaran sesat supaya bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya.

- (b) Di antara tahun 1970 hingga tahun 1990, terdapat sebanyak 70 ajaran sesat di negara kita. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 50 kumpulan telah diharamkan oleh Kerajaan.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Soalan tambahan. Pertama saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menyatakan pengertian yang dimaksudkan sebagai ajaran sesat.

Soalan yang kedua, saya sedia termaklum bahawa satu gerakan dakwah yang dikenali sebagai Darul Arqam yang telahpun diharamkan oleh Kerajaan, apakah Darul Arqam ini termasuk dalam ajaran sesat?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, mengenai tafsiran itu sesuatu kumpulan yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenarnya yang telah dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh para ulama, cerdik pandai Islam, iaitu penyimpangan yang jauh ataupun sedikit kita menyebutkan bahawa ianya boleh menyesatkan akidah umat Islam. Ini adalah tafsiran yang paling mudah yang boleh difahami oleh semua orang, iaitu ajaran yang memesongkan akidah umat Islam maka ianya adalah tergolong dalam kumpulan ajaran sesat.

Yang keduanya mengenai Darul Arqam yang telahpun diharamkan pergerakannya. Pergerakan Darul Arqam itu diharamkan oleh Kerajaan kerana pegangan Darul Arqam itu, iaitu mengenai Aurad Muhammadiyah Pegangan Arqam yang telah diputuskan oleh Majlis Ulama, Majlis Fatwa mengatakan bahawa ajaran atau Aurad Muhammadiyah Pegangan Arqam itu adalah salah, dengan sebab itu kegiatan Darul Arqam ini telah diharamkan di kalangan masyarakat Islam.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada ajaran sesat ini hanya

terdapat dalam agama Islam, adakah ianya juga terdapat dalam agama-agama lain, dan kalau sekiranya ada apakah tindakan Kerajaan? (*Ketawa*)

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kita mengambilkira ajaran sesat dalam agama Islam di kalangan masyarakat Islam kerana agama Islam adalah agama yang maha suci. Jadi, yang memesongkan akidah Islam akan menyebabkan dia terkeluar daripada Islam, dengan sebab itu kita mengambilkira soal penyelewengan akidah dalam agama Islam sahaja. Di kalangan agama lain itu mungkin ada orang cerdik pandai agama lain yang mengkajinya.

JAWATANKUASA KHAS MENGKAJI PROSES PENGAJARAN

4. Dr T. Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan peningkatan hampir 100% calon SPM yang gagal mencapai Gred Satu oleh sebab tiada Kredit dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan memandangkan juga kemerosotan sebanyak 0.9% kelulusan dalam mata pelajaran tersebut dibandingkan dengan keputusan tahun 1990, adakah beliau akan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji proses pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia termasuk kurikulum dan buku teks. Jika kajian tersebut telah selesai apakah hasil kajian yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, turun naik prestasi keputusan peperiksaan dalam lingkungan 1% hingga 5% itu adalah satu perkara biasa bagi peperiksaan awam yang ramai seperti peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

Oleh itu, Kementerian Pendidikan berpendapat adalah tidak perlu diwujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji perkara tersebut. Sebenarnya Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat dengan perkara itu dalam usaha kita untuk mempertingkatkan lagi mutu pencapaian Bahasa Malaysia di peringkat SPM ini. Pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan dan di antaranya ialah dengan meningkatkan penggunaan alat bantu mengajar, mengadakan kursus-kursus peningkatan pengajaran dan pembelajaran, mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran, penggunaan pusat sumber serta menambahkan lagi bilangan guru terlatih di sekolah-sekolah.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pengajaran bahasa adalah memerlukan satu kemahiran yang tinggi, walaupun sekarang bilangan pelajar di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah telah meningkat dengan pesatnya setelah kita mencapai kemerdekaan tetapi pada pengetahuan saya hanya terdapat sebuah sahaja Maktab Perguruan yang khusus untuk Kursus Pengajaran Bahasa Malaysia, itupun Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Jadi, adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menambahkan bilangan Maktab Perguruan yang mengajurkan Kursus Pengajaran Bahasa Malaysia?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita memang berusaha untuk meningkatkan lagi taraf pendidikan Bahasa Malaysia di sekolah. Walaupun cadangan dari Ahli Yang Berhormat tadi supaya dibina lebih banyak lagi Maktab Perguruan, kita memang mengadakan banyak Maktab Perguruan, tetapi yang mengatakan satu maktab sahaja yang khusus untuk Bahasa Malaysia tidak benar kerana pengajian Bahasa Malaysia adalah menjadi satu pengajian khas dalam pendidikan guru dan dijalankan di semua Maktab Perguruan kita dan pusat

bahasa adalah terletak di institut bahasa di Lembah Pantai dan dalam usaha meningkatkan dalam pengajian dan juga pembelajaran ini Kementerian telah setuju untuk memperluaskan lagi kemudahan dan usaha untuk memberi research and development, dengan izin, dalam pengajian ini di pusat institusi bahasa kita.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Terima kasih. Ramai pelajar SPM 1991 yang tidak mendapat kepujian dalam matapelajaran bahasa Malaysia telah memohon untuk diperiksa semula kertas-kertas mereka. Jadi, saya ingin tahu berapa ramaikah yang memohon dan bagaimanakah kedudukan permohonan mereka sampai sekarang?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat di sini. Anggaran antara 4,000—6,000 permohonan untuk rayuan dalam bahasa Malaysia ini dan kertas mereka ini pun telah dikaji semula.

RUMAH SEMBELIH SHAH ALAM—PEMINDAHAN TAPAK

5. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan akan mencari tapak yang sesuai untuk memindahkan Rumah Penyembelihan di Shah Alam yang pada masa ini terletak di dalam kawasan perumahan yang mana adalah tidak wajar dari segi kesihatan dan boleh mencemarkan keadaan kawasan persekitaran kawasan perumahan itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Rumah Sembelih Shah Alam terletak di Seksyen 15 kawasan perindustrian Shah Alam. Di kawasan perindustrian ini di samping rumah sembelih terdapat beberapa kilang pemprosesan makanan yang lain. Kawasan perumahan yang terdekat

sekali ialah Seksyen 18. Rumah sembelih ini mempunyai sistem rawatan aliran (effluence treatment system) yang sesuai dan memuaskan. Pada masa sekarang pencemaran telah dapat dikawal.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa rumah penyembelihan ini tidak mempunyai tahap yang tinggi tidak boleh berbanding dengan standard antarabangsa dan sehingga ada penyembelihan di situ misalnya khinzir dan sebagainya tidak dapat dieksport ke Jepun. Adakah cadangan untuk membina semula ataupun membina rumah penyembelihan yang baru untuk mengatasi masalah-masalah tersebut?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, rumah sembelih yang terdapat di Shah Alam itu buat sekarang memuaskan dari segi kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Tetapi bagi maksud jangka masa panjang untuk eksport ke negara-negara yang telah membangun adalah disedari oleh Kementerian bahawa tahapnya perlu ditingkatkan. Ini adalah satu perkara yang ada dalam pertimbangan Kementerian bagi masa hadapan untuk tujuan jangka masa panjang. Buat sementara, kemudahan yang sedia adalah mencukupi.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kurang berpuas hati dengan jawapan itu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bau busuk ini berlaku ketika udara lembab malam hari dan semasa hujan? Aduan-aduan telahpun dibuat sejak tahun 1990 lagi dan perumahan di kawasan sekitar ialah bukan Seksyen 18 sahaja, tetapi Seksyen sekitar 16, 17, 18 dan 19 ini melebihi 30,000 orang penduduk dan satu kawasan yang padat. Diharap ada tindakan untuk dialihkan rumah penyembelihan yang dimaksudkan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah sembelih ini telah didirikan pada tahun 1974 i.e. itu di masa itu kawasan-kawasan yang berhampiran tidak dimajukan sebagai taman perumahan. Dan taman perumahan yang terdekat yang telahpun dimajukan lebih kurang empat, lima tahun lalu, lain-lain perumahan itu dibina kemudian. Maka dalam hal itu, seperti saya jelaskan kawasan ini atau rumah sembelih ini terdapat dalam kawasan perindustrian di Shah Alam.

Walau bagaimanapun, kita sedar tentang masalah dari segi pencemaran dan kita telah mengambil beberapa tindakan yang perlu untuk mengatasi masalah pencemaran. Sukalah saya menerangkan bahawa loji rendering plant bagi rumah sembelih ini baru siap dibina dalam tempoh satu bulan untuk mengatasi bau dan sebagainya. Begitu juga seperti saya terangkan tadi sistem rawatan aliran atau effluent treatment system pun baru juga siap dibina untuk mengatasi masalah. Dan kita juga ada cadangan untuk menanam barisan pokok di kawasan itu untuk menapis bau yang mungkin ada, tetapi buat masa sekarang sukalah saya menafikan bahawa aduan itu tidak satu pun yang diterima oleh pihak Jabatan sehingga rumah sembelih itu didirikan. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian dan akan membuat segala yang boleh untuk mengatasi masalah pencemaran.

AKTA KESALAHAN PILIHANRAYA—RAYUAN

6. **Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda undang-undang yang ada bagi membolehkan rayuan dibuat terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi berkait dengan kes-kes petisyen pilihanraya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 33 di dalam Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Akta 5 Undang-undang Malaysia memperuntukkan bahawa petisyen pilihanraya hendaklah dibicarakan oleh Hakim Besar atau oleh seorang Hakim mana-mana Mahkamah Tinggi yang dinamakan oleh Hakim Besar. Mengikut peruntukan Sub-seksyen 4, Seksyen 33 yang sama segala perkara yang berhubung dengan sesuatu petisyen pilihanraya boleh diuruskan dan diputuskan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan keputusannya adalah muktamad. Didapati adalah wajar perkara-perkara yang serius seperti ini diuruskan dan diputuskan oleh seorang Hakim. Sekiranya keputusan itu tidak dibuat muktamad dan dibenarkan pula dibuat rayuan terhadap sebarang keputusan adalah dijangka prosedurnya boleh melewati sebarang keputusan muktamad yang hendak dicapai. Adalah wajar sesuatu petisyen mengenai pilihanraya diselesaikan tanpa menghadapi apa-apa kelewatan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi nampaknya Kerajaan berpuas hati dengan undang-undang yang sedia ada. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan berpuas hati dengan terdapatnya beberapa keputusan yang bercanggah oleh beberapa orang hakim di atas isu yang sama. Misalnya dalam kes Bukit Payong berhubung dengan disputed vote yang telah diputuskan oleh mahkamah juga dalam dua kes sebelum daripada ini kalau tidak silap saya berhubung dengan isu yang sama, tetapi keputusannya adalah berlainan. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan keadaan dan tahap yang sedia ada sekarang ini?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hakim mempunyai budibicara

tersendiri di dalam menafsirkan undang-undang dan fakta-fakta yang dibentangkan, tidak ada sebab untuk Kerajaan tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh hakim-hakim.

TELEFON—JUMLAH PERMOHONAN

7. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan telefon di negara ini sehingga 1991 mengikut negeri;
- (b) dari jumlah tersebut berapakah yang telah berjaya;
- (c) sehingga 1991 berapa banyakkah perkhidmatan telefon awam yang telah disediakan; dan
- (d) apakah usaha-usaha yang telah dan akan dibuat bagi menentukan bahawa setiap permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan telefon dipenuhi dengan segera di negara ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a) dan (b),

Jumlah permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan telefon di negara ini di antara tahun 1987 sehingga 1991 dan jumlah yang telah diberi perkhidmatan telefon adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan	Bilangan Diberi Perkhidmatan	Peratusan
1987	242,159	210,359	86.9
1988	266,973	238,493	89.3
1989	307,171	252,636	82.2
1990	386,438	322,155	83.4
1991	476,880	408,847	85.5

(Pada akhir tahun 1991, masih terdapat 139,959 penunggu yang belum diberi perkhidmatan)

(c) Sehingga Disember 1991, terdapat 9,386 unit telefon awam luar bandar telah dipasang dan untuk tahun 1992 sebanyak 2,276 unit lagi akan dipasang. Dengan ini menjadikan jumlah telefon awam luar bandar sebanyak 11,562 unit dipasang menjelang akhir tahun 1992.

(d) Bagi memenuhi permintaan telefon, Telekom Malaysia telah memperuntukan sebanyak \$10.7 ribu juta dalam tahun 1991 hingga 1995 untuk menambah infrastruktur telekomunikasi di seluruh negara. Rancangan ini bukan sahaja meliputi kawasan bandar tetapi merangkumi kawasan luar bandar. Sebanyak \$1.7 ribu juta telah diperuntukan untuk pembangunan rangkaian telekomunikasi di luar bandar.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah syarat-syarat ataupun garis panduan yang ditetapkan oleh STMB tentang permohonan ataupun permintaan dan kelulusan perkhidmatan telefon awam ataupun sebelum telefon awam dapat diberikan oleh STMB?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah STMB mempunyai satu badan ataupun jawatankuasa untuk mengkaji secara mendalam keperluan telefon awam di peringkat daerah atau luar bandar apabila menerima permohonan dari kawasan tersebut dan permohonan-permohonan itu telahpun mendapat sokongan dari pihak berkuasa daerah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kandungan soalan Ahli Yang Berhormat telah dijawab oleh saya di dalam Dewan yang mulia ini semalam. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan

kepada Yang Berhormat Menteri. Kita mengalu-alukan Kerajaan menyediakan telefon ke kawasan-kawasan luar bandar. Soalan saya ialah bagaimanakah pula kawasan-kawasan yang jauh di dalam, kawasan-kawasan pendalaman, kepulauan yang mana kawasan ini ada potensi industri pelancongan? Kita masih lagi dengar bahawa kawasan-kawasan ini masih lagi belum mendapat sambungan telefon yang tinggi dari segi kualitinya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi, Kerajaan mengambil berat atas pemberian komunikasi telefon di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh kerana itu Kerajaan telah mengarah Telekom Malaysia untuk mengadakan rancangan luar bandar berharga lebih dari \$1.7 ribu juta. Jadi, setengah permohonan itu dan juga setengah tender telah dipanggil dan tender hendak ditawarkan kepada beberapa buah kontraktor.

Saya percaya dalam tempoh tiga atau empat tahun akan datang, seluruh tanah air kita akan mempunyai rangkaian sistem dan juga infrastruktur untuk mengadakan telefon-telefon seperti yang saya katakan tadi.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi butir-butir daripada jumlah yang telah diluluskan untuk tahun ini bagi

perkhidmatan telefon luar bandar, berapa banyakkah diperuntukan kepada negeri Sabah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak ada angka-angka berkenaan dengan negeri Sabah tetapi saya boleh beri kepada Yang Berhormat esok.

DOKTOR DAN JURURAWAT— KEKOSONGAN JAWATAN

8. Datuk Monggoh Orow minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah jawatan-jawatan kosong, pada 10hb April 1992 yang belum diisi, bagi doktor-doktor perubatan dan jururawat-jururawat yang berkelayakan, bagi hospital-hospital berikut:

- (a) Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu;
- (b) Duchess of Kent, Sandakan; dan
- (c) Hospital Besar, Tawau.

Jika terdapat kekosongan bagi jawatan-jawatan tersebut, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengisi kekosongan tersebut?

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kekosongan bagi jawatan-jawatan doktor iaitu doktor perubatan dan jururawat pada 10hb April 1992 adalah seperti berikut:

NAMA HOSPITAL	NAMA JAWATAN	JAWATAN	ISI	KOSONG
Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Pegawai Pentadbir Perubatan T/T'G'	1	—	1
	Pegawai Pakar Perubatan T/T'E'	1	—	1
	Pegawai Pakar Perubatan T/T'G'	10	6	4
	Pegawai Perubatan T/Biasa/ Kanan (A15/A11)	124	65	59
	Penyelia Jururawat Tkt.I (B03)	1	1	—
	Penyelia Jururawat Tkt.II (B305)	2	1	1

<i>NAMA HOSPITAL</i>	<i>NAMA JAWATAN</i>	<i>JAWATAN</i>	<i>ISI</i>	<i>KOSONG</i>
	Ketua Jururawat (B12)	29	29	—
	Jururawat	290	281	9
	Pen. Jururawat T/Kanan	5	5	—
	Pen. Jururawat T/Biasa	250	250	—
Duchess of Kent Sandakan	Pegawai Pakar Perubatan T/T'G'	7	6	1
	Penolong Pentadbir Perubatan T/T'G'	1	1	—
	Pegawai Perubatan T/Biasa/Kanan	49	14	35
	Penyelia Jururawat T/I (B03)	1	—	1
	Penyelia Jururawat T/II (B05)	1	1	—
	Ketua Jururawat	11	10	1
	Jururawat	126	115	11
	Penolong Jururawat T/Kanan	4	4	—
	Penolong Jururawat T/Biasa	108	108	—
Hospital Daerah Tawau	Pegawai Pakar Perubatan T/T'G'	6	5	1
	Pegawai Pentadbir Perubatan T/T'G'	1	1	—
	Pegawai Perubatan T/Biasa/Kanan	40	15	35
	Penyelia Jururawat T/I (B01)	1	1	—
	Penyelia Jururawat T/II (B05)	1	—	1
	Ketua Jururawat	10	9	1
	Jururawat	103	95	8
	Penolong Jururawat T/Kanan	4	3	1
	Penolong Jururawat T/Biasa	105	105	—

Tuan Yang di-Pertua, urusan pengisian Pegawai Perubatan adalah merupakan urusan yang berterusan kerana setengah pengisian melibatkan urusan kenaikan pangkat yang bergantung kepada kesesuaian calon dan setiap urusan sama ada untuk pengisian jawatan di peringkat Tingkatan Biasa ataupun kenaikan pangkat adalah juga melibatkan agensi-agensi Pusat di luar Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk jangka pendek, Kementerian Kesihatan juga sedang mengambil tindakan dengan Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam untuk membuat pengisian secara kontrak ataupun running exercise, dengan izin.

Kekosongan jawatan tersebut akan diisi melalui urusan kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan kenaikan pangkat dan bagi jawatan Tingkatan Biasa dalam jangka pendeknya akan diisi dengan pengambilan jururawat terlatih secara kontrak dan pelatih-pelatih jururawat yang telah tamat latihan. Bagi jangka panjangnya pula ialah dengan meningkatkan lagi pengambilan jururawat pelatih.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi penjelasan kenapakah ada beberapa doktor perubatan warganegara Malaysia ataupun jururawat warganegara Malaysia yang mempunyai pengalaman di luar negeri apabila mereka diambil bekerja di hospital-hospital Kerajaan, mereka diperlukan lulus dalam peperiksaan Kerajaan termasuk mata pelajaran Bahasa Malaysia manakala doktor-doktor warganegara asing tidak diperlukan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kehendak JPA dan doktor-doktor asing yang bekerja dengan kita ialah doktor-doktor kontrak.

Tuan George Sangkin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri atas dakwaan yang mengatakan bahawa terlalu ramai pemohon dari negeri Sabah untuk jawatan jururawat tidak diberikan pertimbangan. Saya juga ingin tahu sama ada Kementerian ini bercadang untuk membuka lebih banyak peluang untuk permohonan dari negeri Sabah bagi jawatan jururawat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Insyallah.

LEBUHRAYA DI SUNGAI SLIM— KOS PEMBINAAN

9. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan untuk membina lebuh raya di Sungai Slim;
- (b) sama ada jumlah bayaran tol yang dipungut sejak siap pembinaan lebuh raya itu melebihi jumlah kos pembinaan dan jumlah pungutan tol setakat ini; dan

- (c) setelah siap pembinaan lebuh-raya Utara-Selatan, bagaimana Kerajaan mengenalpasti pungutan tol untuk kegunaannya tidak tinggi dan membebani pengguna lebuh raya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Jumlah perbelanjaan yang sebenar untuk pembinaan lebuh raya di Sungai Slim tidak dapat dikemukakan oleh kerana projek ini telah siap 26 tahun dahulu oleh JKR sendiri. Lebuh raya ini adalah sepanjang 20 km dan disiapkan pada tahun 1966. Berdasarkan kos purata sebanyak \$1.0 juta/km bagi pembinaan jalan pada masa itu, jumlah perbelanjaan bagi lebuh raya di Sungai Slim adalah dianggarkan sebanyak \$20 juta.
- (b) Jumlah pungutan tol semenjak tol dilaksanakan dalam tahun 1966 sehingga kini iaitu lebih kurang \$57.9 juta memang melebihi jumlah kos pembinaan.
- (c) Mengikut Perjanjian Konsesi Lebuh raya Utara-Selatan, jalan bertol Slim River-Tanjung Malim akan diserahkan balik ke Kerajaan apabila bahagian Lebuh raya Utara—Selatan di antara Tanjung Malim dan Bidor disiapkan dan dibuka kepada lalulintas pada tahun 1993. Kerajaan akan menimbangkan sama ada tol akan diteruskan di bahagian jalan Slim River ke Tanjung Malim. Sekiranya pungutan tol diteruskan, Kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya supaya kadar tol yang dikenakan tidak membebani pengguna-pengguna jalan Slim River—Tanjung Malim.

**INDUSTRI KECIL DAN
SEDERHANA—PENGLIBATAN
BUMIPUTERA**

10. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang diambil untuk memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS);
- (b) penglibatan Bumiputera di dalam sektor IKS;
- (c) sumbangan IKS kepada ekonomi negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Pihak kerajaan memang menyedari hakikat bahawa sektor industri kecil dan sederhana (IKS) adalah penting kepada proses perindustrian negara.

Ke arah ini Majlis Pembangunan Negara (MPN) telah menetapkan dasar dan strategi yang menyeluruh dan bersepadu bagi pembangunan perusahaan kecil dan sederhana meliputi sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian. Sebanyak lima buah agensi utama telah diberi tanggungjawab untuk menentukan bahawa program-program bantuan oleh Kerajaan kepada IKS dilaksanakan secara berkesan. Sayugia dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan telahpun melaksanakan banyak program pembangunan perusahaan kecil dan sederhana seperti Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana (ITAF), Program Pemasaran Bersepadu Konsep Payung, Program Subcontracting, Skim Komponen Proton dan pembangunan kawasan perindustrian IKS. Dari segi bantuan teknikal, IKS mendapat khidmat nasihat

daripada agensi-agensi teknikal seperti MARDI, SIRIM, FRIM dan Pusat Rujukan Teknologi di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Di samping program-program di atas, beberapa program baru akan dilaksanakan seperti Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi dan Pinjaman Mudah Mempertingkatkan Kualiti Industri Perabot dan Makanan.

- (b) Mengikut kajian oleh Survey Research of Malaysia (SRM) bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke atas industri kecil (iaitu industri yang mempunyai modal kurang dari \$0.5 juta) daripada 13,992 buah enterprise industri kecil pada tahun 1989, sebanyak 4,642 buah atau 33% adalah dipunyai oleh bumiputera. Walau bagaimanapun, penglibatan bumiputera adalah tertumpu dalam bidang-bidang makanan, minuman dan tembakau sebanyak 2,091 buah, kayu dan berasaskan kayu sebanyak 1,170 buah. Penglibatan bumiputera dijangka akan terus meningkat dengan adanya program-program yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan memang mengakui pentingnya sumbangan IKS kepada ekonomi negara dan akan terus melaksanakan program-program pembangunan untuk mewujudkan asas yang kukuh bagi pertumbuhan IKS. Mengikut Penyiasatan Perindustrian Malaysia 1989 oleh Jabatan Perangkaan dan kajian-kajian yang berkaitan dengannya, didapati bahawa IKS telah memberi sumbangan

penting kepada sektor pembuatan iaitu 40% dari segi gunatenggara, 20% nilai ditambah dan 93% dari segi bilangan pertubuhan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sekurang-kurangnya 37 agensi dan 14 Kementerian yang terbabit di dalam IKS ini, adakah hasrat Kerajaan untuk menubuhkan satu Pusat Serenti atau Single Agency dan setakat ini dengan Lead Agencies yang telahpun disebutkan tadi 5 buah agensi utama, apakah program-program tindakannya untuk membantu IKS ini dan berapa kawasan dipilih untuk menempatkan semula IKS setakat ini? Tuan Yang di Pertua, apakah kejayaannya di dalam rancangan Subcontractor barangan komponen untuk IKS dan juga peranan sektor swasta untuk IKS?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di Pertua, banyak soalan tadi dalam beberapa bahagian. Saya cuba menjawab semua. Mengenai Pusat Serenti, tadi saya sudah umumkan Majlis Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri akan menyelaraskan semua program-program untuk sektor kecil dan sederhana bukan sahaja dalam perusahaan kecil dan sederhana tetapi meliputi juga dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pertanian. Mengenai program-program tindakan yang tertentu, ini akan dilaksanakan oleh semua agensi utama di bawah Majlis Pembangunan Negara dan belum ada lagi program-program tindakan yang dikeluarkan dan diumumkan pada setakat ini.

Mengenai skim subcontractor, ini adalah satu skim yang amat mustahak untuk kita menggalakkan pertumbuhan sektor-sektor IKS di dalam sektor pembuatan dan Kerajaan amat serius dan sedar dan kalau kita hendak membangunkan IKS di negara kita perlulah menggalakkan mereka membuat program-program untuk

menggalakkan mereka menyumbang di dalam sektor industri besar, supply of components, dengan izin, kepada industri besar dan dengan itu kita dapat membangunkan sektor-sektor yang saya sebutkan tadi. Daripada sektor ini satu yang amat berjaya ialah sub-sektor yang menyumbangkan komponen kepada Proton dan ini sudah diumumkan banyak kali, seringkali di Dewan yang mulia ini. Mengenai peranan swasta, sukalah saya katakan di sini iaitu sudah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan Dasar Pembangunan Nasional yang baru di mana Kerajaan katakan pihak swasta akan menjadi engine of growth, dengan izin, di dalam sektor pembuatan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau apa yang dimaksudkan oleh Timbalan Menteri mengenai dengan bantuan teknikal ini ialah research and development seperti mana yang disebutkan tadi dibuat oleh agensi-agensi seperti SIRIM dan lain-lain lagi, apakah ini satu petanda tidak ada dasar di dalam research and development mengenai IKS ini, sebab ianya bertabur di banyak agensi-agensi.

Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu badan yang hanya menjalankan kerja-kerja R&D untuk ditumpukan kepada pembangunan IKS yang telah diakui oleh pihak Kerajaan sebagai satu faktor yang penting di dalam pembangunan industri negara?

Jikalau di dalam pembangunan pertanian dahulu kita mewujudkan MARDI, PORIM dan kita wujudkan RRI, mengapa tidak kita wujudkan satu badan yang sama untuk R&D bagi satu sektor yang sedang membangun yang akan merupakan asas pembangunan industri negara di hari muka?

Tuan Chua Jui Meng: Bagi pihak Kementerian saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Terap. Memang

apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, adalah satu perkara yang benar dan betul iaitu asas teknologi di negara kita adalah asas teknologi domestik atau tempatan. Ia belum cukup kukuh. Kita mengakui kenyataan itu. Oleh kerana itu Kerajaan telah menjalankan banyak program seperti ITAF (Industrial Technical Assistance Fund) sebanyak \$50 juta untuk membangunkan antara lain bidang teknologi di dalam sektor pembuatan.

Selain daripada itu Kerajaan telah melaksanakan Pelan Tindakan Teknologi (National Action Plan for Technology) di bawah Kementerian Sains dan Teknologi dan ini akan membawa lebih banyak manfaat lagi kepada membangunkan asas teknologi di bidang teknologi kita. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh National Action Plan for Technology adalah penubuhan Technology Park seperti yang akan ditubuhkan di Bukit Jalil di Kuala Lumpur di mana Technology Park itu diservis oleh universiti-universiti dan institusi-institusi kajian di sekeliling Technology Park itu.

KAD PENGENALAN BARU— MEMPERCEPATKAN PROSES PENUKARAN

11. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sedar rungutan orang ramai mengenai kelemahan-kelemahan dalam urusan menukar kad pengenalan baru yang akan tamat tempoh sehingga Mei 1996. Kelemahan-kelemahan ini termasuklah kesilapan ejaan nama, tarikh lahir disamping kesulitan terpaksa berulang-alik dua tiga hari ke pejabat Pendaftaran Negara. Sama ada Menteri berkenaan:

- (a) mengambil kakitangan sementara bagi mempercepatkan proses menukar kad pengenalan supaya tidak menimbulkan kesesakan di pejabat-pejabat Pendaftaran Negara cawangan; dan

- (b) memberhentikan operasi kad pengenalan baru sehingga semua kakitangan mampu menjalankan tugas dengan tidak menimbulkan kesulitan kepada orang ramai.

12.5.92

21. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa orang awam mengalami bermacam-macam kesusahan dalam membaharui kad pengenalan oleh kerana kerumitan isi kandungan borang-borang dan juga lain-lain perkara teknikal. Adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang atau akan mengambil langkah memudahkan borang dan juga proses membaharui kad pengenalan.

20.5.92

42. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya dapat memudahkan proses permohonan kad pengenalan bermutu tinggi dengan hanya mengambil butir-butir yang terdapat di kad pengenalan lama tanpa menyerahkan Sijil Kelahiran, Sijil Kewarganegaraan dan dokumen-dokumen lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama soalan Yang Berhormat daripada Telok Intan bertarikh 12.5.92 dan Yang Berhormat dari Padang Serai bertarikh 20.5.92, kerana soalan-soalan ini ada berhubung-kait dengan masalah proses permohonan kad pengenalan bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar dan peka mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai yang menukarkan kad pengenalan plastik

kepada Kad Pengenalan Keselamatan Bermutu Tinggi atau ringkasnya KPT yang berpunca daripada perbezaan maklumat, termasuk perbezaan ejaan nama, tarikh lahir, dan ejaan nama ibu bapa pemohon. Untuk mengatasi masalah ini dan membantu orang ramai yang mempunyai maklumat berbeza, maklumat tidak lengkap atau maklumat yang tidak tepat semasa mereka mengemukakan permohonan untuk KPT di mana-mana kaunter KPT Jabatan Pendaftaran Negara, pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil langkah-langkah yang sesuai, termasuklah mengadakan satu garis panduan yang bersepadu yang mengandungi langkah-langkah berikut:

- (i) semua permohonan KPT dari pemohon-pemohon yang bermasalah seperti yang saya sebutkan di atas mesti diterima oleh kaunter Jabatan Pendaftaran Negara di semua peringkat iaitu dari peringkat Ibu Pejabat ke peringkat negeri dan daerah;
- (ii) semua permohonan KPT yang mengandungi maklumat berbeza di antara maklumat yang terdapat dalam borang permohonan KPT (yang disebutkan sebagai borang JPN 1/2) dengan maklumat yang terkandung dalam kad pengenalan plastik atau dokumen-dokumen sokongan kepada permohonan KPT boleh mengemukakan permohonan mereka di kaunter KPT di mana-mana cawangan JPN yang akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut mengikut jenis perbezaan maklumat yang berbangkit:
 - (a) perbezaan kecil maklumat yang merupakan perbezaan maklumat bukan bercorak fakta yang terdapat dalam kad pengenalan plastik atau dokumen sokongan berkenaan dan contoh per-

bezaan maklumat-maklumat yang dimaksudkan ialah seperti perbezaan ejaan nama, perbezaan catatan tarikh lahir atau tarikh lahir tidak dicatat dengan lengkap;

- (b) perbezaan sederhana maklumat yang meliputi perbezaan maklumat dari segi fakta terdapat antara kad pengenalan plastik dan salah satu daripada dokumen sokongan untuk permohonan KPT dan perbezaan ini meliputi fakta-fakta seperti nama pemohon, nama ibu bapa pemohon, tarikh dan tempat lahir;
- (c) perbezaan besar maklumat yang bercorak perbezaan fakta yang terdapat antara kad pengenalan plastik dengan lebih daripada satu dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemohon seperti nama pemohon, nama ibu bapa pemohon, tempat dan tarikh lahir.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membantu orang ramai mengisikan borang permohonan KPT seperti mempamerkan contoh-contoh mengisikan borang di kaunter atau meja orang ramai mengisikan borang.

Jabatan Pendaftaran Negara telah melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya untuk mempercepatkan pemprosesan permohonan KPT termasuklah menambahkan kakitangan sementara di semua cawangan Jabatan Pendaftaran Negara dengan jumlah tidak melebihi 600 orang mulai bulan Mei 1992 ini.

Kerajaan tidak akan memberhentikan pelaksanaan program KPT kerana Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki perkhidmatannya kepada orang ramai.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kenapa Jabatan Pendaftaran Negara tidak membuat satu kajian yang menyeluruh sebelum melancarkan operasi KPT supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh lebih daripada satu juta orang yang ada memohon kad pengenalan baru itu tidak timbul? Bukankah ini menunjukkan bahawa kelalaian, tidak kecekapan bukan sahaja di Jabatan Pendaftaran Negara tetapi juga Kementerian Dalam Negeri termasuk MCA yang dalam satu tahun ini berkata telah menolong orang ramai dalam perkara ini.

Kedua, bolehkah satu jaminan dibuat bahawa selepas guideline baru dilaksanakan, tidak seorangpun yang memohon kad pengenalan baru akan dikenakan bayaran yang berbagai-bagai yang tinggi, tidak lebih daripada membayar \$5 seorang dan tidak perlu membayar berbagai jenis bayaran yang perlu untuk membetulkan nama-nama atau lain-lain perkara supaya permohonan kad pengenalan baru tidak menjadi satu seksaan kepada rakyat jelata dan akhirnya bolehkah satu jaminan dibuat bahawa dalam proses permohonan kad pengenalan baru, Kerajaan tidak akan menukarkan proses ini sebagai satu proses verification kewarganegaraan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara memang sudah membuat kajian terlebih dahulu termasuk Kerajaan. Sebenarnya Jabatan Pendaftaran Negara selama ini telah menjalankan tugasnya mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Pendaftaran 1959 yang telah diluluskan oleh Parlimen di mana Kementerian Dalam Negeri telah menggunakan peraturan-peraturan

Pendaftaran 1990 untuk menjalankan tugas mereka.

Walau bagaimanapun dalam proses menjalankan peraturan-peraturan itu, saya rasa tidak ada siapa pun boleh menyangka 15 juta orang itu kalau 1% pun ada perbezaan maklumat, dia akan menjadi satu masalah teknik, bukan satu masalah yang disengajakan. Saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong tentu akan tahu bahawa ini bukan satu kelalaian atau kecuaiian mana-mana pihak.

Apa yang saya hairan ialah selama ini apabila pihak Barisan Nasional cuma membantu orang mengisi borang dan menerangkan prosedur-prosedur itu, Yang Berhormat dari Tanjong sudah berulang kali buat press conference membawakan mereka yang mempunyai masalah teknik seolah-olah macam JPN atau MCA ataupun Kementerian Dalam Negeri selama ini menyeksakan rakyat. Yang sebenarnya itu tidak betul. Apa yang kita patut buat di setengah-setengah kes ini yang mereka ini mempunyai perbezaan maklumat bila dia datang berjumpa dengan Wakil Rakyat kita bantu dia isi borang. Bukan bawa dia pergi press conference. Itulah cara dia selama ini dan apabila sesuatu kebaikan itu dijalankan oleh JPN, dia kata mengalu-alukan; itu DAP punya cadangan. Apabila sesuatu yang tidak baik, dia kata MCA kena bebankan. Jadi apa logik ini, saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah kita mempolitikkan isu kad pengenalan ini sebab ini adalah satu operasi yang penting untuk negara kita di mana Kerajaan sedang mengumpulkan data penduduk untuk di computerisekan di mana negara kita ke arah Wawasan 2020 tidak akan sampai 10 tahun lagi kita pakai lagi manual untuk buat satu kad pengenalan dan tidak boleh check dengan komputer. Kalau hendak check dengan computer semua maklumat yang bercanggah itu kita bantu sehingga ia diselaraskan. Jadi itulah tujuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jaminan bahawa bayaran itu tidak dikenakan lebih daripada \$5, memang buat kad pengenalan KPT \$4 sahaja. Kalau ada kesilapan ataupun perbezaan maklumat, sesuatu dokumen itu akan dikenakan \$5. Jadi kalau satu dokumen \$5, kalau tiga dokumen pun berlainan dia kena betulkan tiga dokumen. Itu bukan sengaja hendak menyusahkan. Jadi memang Kerajaan tidaklah bertujuan untuk menyiksa siapa-siapa. Kalau hendak buat jaminan bahawa tidak ada satu kad itu akan jadi satu varifikasi sebenarnya exercise pertukaran KPT ini bukan untuk kita hendak mempersoalkan status mana-mana rakyat.

Kalau sekiranya ada kad palsu; kalau sekiranya ada seseorang pemohon itu dia punya maklumat benar-benar tidak tepat, kalau JPN tidak siasat dia sudah lalai dan dia tidak buat tugasnya mengikut peruntukan.

Jadi, itulah saya boleh beritahu kalau hendak jaminan 100% itu saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dia tidak boleh jamin bahawa tidak seorang pun ahli DAP akan buat salah. Jaminan 100% ini memang tidak boleh buatlah. (*Tepuk*).

Jadi, dengan itu saya rasa cukuplah berkenaan dengan exercise ini supaya kita semua bersama-sama membantu menjayakan perkara ini.

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kad pengenalan ini saya suka bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan adakah rancangan supaya dibetulkan sama ada hendak dimasukkan bangsa Melayukah, Cinakah, Indiakah atau lain-lain? (*Ketawa*).

Yang kedua, terdapat di kad pengenalan ini bahawa cat merah ini amatlah pudar dan macam tidak ada semangat, bukan Semangat 46.

Yang ketiga, saya juga diberitahu bahawa sekiranya pertukaran alamat hendak dilaksanakan maka kad

pengenalan ini kena buat baru. Sekiranya begitu, ini adalah membebankan Kerajaan dan rakyat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod dalam komputer pusat memang bila kita isi borang di bawah kehendak Undang-undang Pendaftaran kita kena isikan maklumat bangsa. Tetapi dalam kad yang baru itu kita tidak tunjukkan nama bangsa tetapi ini semua bangsa Malaysia.

Menyentuh soal warna, memang kita tetapkan. Kalau biru itu, mesti tukar jadi biru, yang merah mesti jadi merah. Yang hijau mesti hijau. Jadi tidak ada berbeza antara 46kah, UMNO atau siapa. (*Ketawa*) Minta maaf, yang ketiga itu soalnya?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yang ketiga jika sekiranya pertukaran alamat berlaku sepatutnya dibuat baru atau tidak?

Tuan Ong Ka Ting: Di bawah Peraturan-peraturan Pendaftaran 1990 memang kad penukaran alamat itu telah dimansuhkan. Walau bagaimanapun, kad tukar alamat kad pengenalan lama itu masih boleh digunakan. Buat sementara ini JPN tidak mengutamakan penguatkuasaan kad tukar alamat ini sehingga JPN sudah boleh tukar kad KPT ini dalam masa yang singkat di mana ia tidak akan membebankan rakyat baru kita timbang untuk kuatkuasa dengan lebih serius. Tetapi untuk mereka yang cuba menggunakan kad tukar alamat untuk melakukan sesuatu melanggar undang-undang atau ada niat yang tidak betul, maka JPN tidak teragak-agak untuk ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 65 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak)

TAYANGAN TELEVISYEN— GARIS PANDUAN

12. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah garis panduan yang digunakan oleh pihak Kementerian dalam menentukan penayangan di televisyen bebas dari unsur-unsur seks, ganas dan khayal (fantasi); dan
- (b) setakat manakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menguatkuasakannya.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Kementerian Penerangan melalui RTM memang memandang berat tentang penayangan unsur-unsur seks, ganas dan khayal di televisyen. Untuk tujuan itu, Kementerian Penerangan mengguna Kod Etika Penyiaran sebagai garis panduan bagi menentukan program-program siarannya adalah sesuai untuk tontonan masyarakat Malaysia dari semua lapisan. Garis-garis panduan Kod Etika Penyiaran adalah seperti:

- (i) *Babak-babak ganas dan ngeri*

Babak-babak yang memaparkan keganasan dan kengerian yang berlebihan dengan leluasanya adalah tidak dibenarkan.

- (ii) *Babak-babak mesra dan bercumbuan*

Babak-babak bercumbu mesra dan yang memberahikan tidak dibenarkan. Ukuran yang biasanya digunakan dalam siaran yang melibatkan seks selagi difikirkan babak-babak dan tema-tema yang

tidak bertentang dengan moral corak penggambaran tidak lucu dan kesan-kesannya tidak mungkin buruk, maka siaran kepada umum adalah dibenarkan.

- (iii) *Lakonan kurang senonoh dan khayal*

Cerita atau lakonan yang mendedahkan perkara-perkara tidak senonoh atau kurang sopan dalam masyarakat atau yang berkisar pada perkara-perkara khayal adalah juga dilarang.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua tayangan yang disiarkan adalah ditapis bagi kali yang pertama oleh Lembaga Penapisan Filem mengikut garis panduan Lembaga tersebut dan kemudiannya ditapis untuk kali kedua oleh RTM sendiri. Kementerian ini mengguna Kod Etika Penyiaran dalam semua urusan siarannya sejak awal-awal lagi.

SKIM ASB/ASN—LANGKAH MENARIK PELABUR

13. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menarik pelabur-pelabur melabur dengan ASB/ASN kerana pada masa sekarang terdapat beberapa buah badan kewangan yang memperkenalkan Skim Amanah Saham yang mungkin menyaingi ASB/ASN.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Kerajaan telah memerhatikan bahawa kebelakangan ini penubuhan Skim Amanah kian popular di kalangan pelabur. Kerajaan memutuskan untuk menggalakkan penubuhan skim

sedemikian sebagai satu langkah efektif untuk menggalakkan simpanan di kalangan rakyat.

Dengan objektif ini, Kerajaan telah memberi kelonggaran dan menyediakan garis panduan bagi membantu sektor ini untuk berkembang. Hasil dari langkah positif ini, sebanyak 38 tabung telah diwujudkan dengan nilai pelaburan sebanyak hampir \$14 ribu juta.

Dari nilai ini, pelaburan dengan ASN/ASB masih merupakan bahagian terbesar di dalam sektor ini iaitu sebanyak lebih kurang \$12 ribu juta. Walaupun dengan ini ASN/ASB kini perlu bersaing dengan Skim-skim Amanah lain tetapi adalah dijangka ianya boleh mengekalkan kedudukan teratasnya di samping menarik banyak lagi para pelabur.

Ini ialah kerana kedua-dua skim ini mempunyai ciri-ciri menarik seperti berikut:

- (a) ciri-ciri urusaniaga yang membolehkan pelabur-pelabur kecil turut melabur walaupun dengan harga \$10.00.
- (b) rangkaian agen yang meluas di seluruh negara yang meliputi pejabat pos dan cawangan-cawangan beberapa bank, yang mempunyai talian terus kepada ibu pejabat PNB. Ini memudahkan pelabur di seluruh negara terutamanya di luar bandar untuk terus melabur.

Ciri-ciri ini pula disokong oleh pulangan yang mempunyai daya saing berbanding dengan skim lain. Sebagai contoh dalam tempoh 10 tahun dari 1981 sehingga 1991 kedua-dua skim telah mengeluarkan pulangan lebih dari 165% yang bernilai lebih dari \$6,000 juta. Hasil dari ini bolehlah dilihat bahawa jumlah pelabur terus meningkat dari setahun ke setahun. Di sepanjang tahun lalu lebih dari 400,000 pelabur baru telah mendaftar di dalam skim ASB yang

merupakan penyertaan tertinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Oleh yang demikian, jika trek rekod yang baik ini dapat terus dipertahankan oleh ASN dan ASB, kita tidak perlu bimbang dengan persaingan yang datang dari Skim Amanah Saham Baru yang lain kerana ini adalah satu perkembangan sihat bagi mencetuskan semangat bersaing di mana Skim ASN dan ASB perlu menunjukkan prestasi baik secara berterusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Pengurusan Pelaburan ASN Berhad (PPASN) sentiasa peka dengan perkembangan beberapa buah badan kewangan yang memperkenalkan skim saham amanah yang mungkin menyaingi ASN/ASB. Pihak ASNB dan PPASN sentiasa mengambil inisiatif untuk menarik pelabur-pelabur baru menyertai skim ASN/ASB dan menggalakkan para pelabur terus menambah pelaburan mereka. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) Pihak PNB, melalui PPASN akan mengadakan 17 siri seminar di seluruh negara bermula pada bulan Januari hingga Disember 1992 ini. Seminar bertajuk Seminar Industri Saham Amanah ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada para pelabur tentang perkembangan saham amanah dewasa ini. Peserta juga berpeluang berbincang secara bengkel melalui kajian kes.
- (ii) Pihak PNB, melalui ASNB, juga mengadakan 44 siri kursus melibatkan kakitangan Jabatan Penerangan, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), pemimpin masyarakat dan para belia di seluruh negara. Kursus ini

- bertujuan untuk memberi maklumat terbaharu mengenai isu-isu ekonomi semasa.
- (iii) Memperhebatkan, mempertingkatkan lagi program yang bertajuk ceramah-ceramah dan pengedaran risalah-risalah/poster di jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta bagi menggalakkan bumiputera yang berpendapatan tetap membuat pelaburan secara potongan gaji bulanan.
 - (iv) Penghantaran surat oleh pihak ASNB kepada pelabur-pelabur yang telah dikenalpasti supaya membuat pelaburan tambahan secara mel terus, iaitu melabur dengan menggunakan cek. Pihak ASNB menghubungi Wisma Putra untuk urusan pelaburan bagi rakyat Malaysia yang berkhidmat di luar negara.
 - (v) Mengadakan lawatan dan kempen pelaburan berkelompok di sekolah-sekolah menengah untuk remaja yang berusia 12 hingga tidak lebih 18 tahun. Juga mengadakan kaunter pelajaran di maktab-maktab perguruan, institusi-institusi pengajian tinggi semasa pendaftaran pelajar baru, khususnya ditujukan kepada golongan belia di peringkat umur 19 hingga 21 tahun.
 - (vi) Program pendidikan pelaburan sekolah juga diadakan di Maktab Perguruan dan Institusi Pengajian Tinggi dalam bentuk bahas dan seminar pelaburan.
 - (vii) Selain daripada itu kempen pengiklan diperhebatkan melalui media massa khususnya radio, tv dan akhbar untuk menyokong kempen pemasaran.

- (viii) Mulai tahun ini Kerajaan melaksanakan skim pinjaman ASB kepada rakyat termiskin menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Pinjaman bernilai \$500 juta dan dibuka kepada rakyat termiskin yang sudah dikenalpasti. Setiap isirumah menerima \$5,000 dalam bentuk unit ASB.

Dengan langkah-langkah yang telah sebutkan ini, ASN/ASB sudah pasti dapat bersaing dengan skim-skim lain yang telah beroperasi dan juga akan diluluskan di masa hadapan.

MASALAH ALAM SEKITAR— LANGKAH MENYELESAIKAN

14. Tuan Lau Dak Kee meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauhmanakah Malaysia telah mendedah dan menyelesaikan masalah yang mengancamkan alam sekitar, seperti masalah hutan tropika, pembuangan sisa radioaktif, sisa toksid, sisa bukan toksid, masalah perubahan iklim, bertambahkan CFC, biodiversiti dan pemindahan teknologi.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mengambil berbagai langkah untuk menyelesaikan masalah yang mengancamkan alam sekitar; misalnya melalui program dan aktiviti penguatkuasaan oleh agensi-agensi yang berkuasa, pendidikan alam sekitar, pengawasan kualiti air dan udara, penglibatan dalam forum-forum antarabangsa mengenai alam sekitar dan menjadi ahli kepada perjanjian antarabangsa seperti Protokol Montreal. Satu risalah yang menerangkan kejayaan usaha ini telah disediakan dan telah disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

**SKIM BEKALAN AIR
BEAUFORT—MENUMBOK—
KUALA PENYU**

15. Tuan Nurnikman Abdullah minta Menteri Kerja Raya menyatakan sehingga kini apakah kemajuan yang dicapai oleh Antah Biwater ke atas projek bekalan air Beaufort-Menumbok-Kuala Penyu yang sepatutnya siap pada bulan April 1991. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan projek ini tergendala begitu lama.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Skim bekalan air Beaufort-Menumbok-Kuala Penyu telah siap pada 8.11.1991. Skim ini sebenarnya dijangka siap pada April 1991 tetapi oleh kerana masalah menentukan aliran paip, bekalan air lewat disiapkan. Faktor yang menyebabkan kelewatan kesiapan projek ini adalah kerana sebahagian lebih kurang 4 km paip utama dari jumlah lebih kurang 120 km terpaksa dipindahalih. Permindahanalih paip utama menyebabkan kerja keseluruhan tidak dapat disiapkan.

**TANDA HARGA—
MEMPAMERKAN**

16. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerianya untuk memastikan para peniaga mempamerkan tanda harga pada semua barang yang dijual. Kini hanya 111 jenis barang sahaja yang perlu disebut harga di bawah Akta Kawalan Harga.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil

beberapa langkah untuk memastikan para peniaga mempamerkan tanda harga ke atas 111 jenis barangan yang dijual secara runcit. Di antaranya ialah:

- (i) membuat pemeriksaan ke atas peniaga-peniaga yang menjual barangan secara runcit di seluruh negara;
- (ii) mengambil tindakan undang-undang ke atas peniaga-peniaga yang gagal meletakkan tanda harga pada barangan mereka yang dijual secara runcit; dan
- (iii) mengadakan perjumpaan dan dialog dengan peniaga-peniaga runcit atau persatuan-persatuan berkenaan berhubung dengan kehendak undang-undang mewajibkan penandaan harga ke atas 111 jenis barangan yang dijual secara runcit;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian sedang membuat kajian bagi meminda Perintah Kawalan harga (Penandaan Harga Oleh Penjualruncit) 1977. Antara pindaan yang dicadangkan ialah mewajibkan semua jenis barangan yang dijual secara runcit diletakkan tanda harga. Tujuannya ialah supaya para pengguna mengetahui harga semua barangan dan membuat perbandingan harga antara satu kedai dengan yang lain, di samping memudahkan Kementerian mengesan kedudukan harga semasa bagi sesuatu barangan.

**DARUL ARQAM—KESAN
PENGHARAMAN**

17. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kesan tindakan Kerajaan mengharamkan gerakan Darul Arqam, terutamanya dari segi aktiviti-aktiviti dan keanggotaannya; dan

(b) apakah strategi, program dan tindakan yang terperinci dan bersungguh-sungguh yang disusun dan dilaksanakan untuk mendorong rakyat supaya tidak mudah terpengaruh dengan ajaran dan kepercayaan yang karut-karut.

Tuan Othman bin Abdul:

(a) Tindakan Kerajaan mengharamkan gerakan Darul Arqam membawa kesan yang baik. Hampir keseluruhannya masyarakat telah mengetahui dan memahami berkenaan dengan penyelewengan-penyelewengan Darul Arqam, kecuali bagi mereka yang masih komited/fanatik dengan kumpulan tersebut. Pada masa ini didapati tidak ada lagi ahli-ahli baru yang menganggotai atau menyertai aktiviti-aktiviti kumpulan tersebut. Kecuali yang sudah ada dalam kumpulan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat telah menyokong dan menyambut baik tindakan Kerajaan ke atas pengharaman kegiatan Darul Arqam kerana ianya sudah lama ditunggu oleh masyarakat.

(b) Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan ajaran dan kepercayaan yang karut-marut. Antara tindakan-tindakan yang diambil ialah:

(i) menyusun strategi untuk mengawal dengan rapi pengajar-pengajar/guruguru yang menyibar ajaran yang menyeleweng dan juga bahan bacaan seperti buku-buku yang mengandungi unsur-unsur yang mengelirukan pegangan masyarakat Islam di Malaysia.

(ii) mempergiatkan lagi dakwah dan penerangan kepada masyarakat Islam terutamanya melalui program/rancangan Takmir masjid dan juga kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh Jawatan-kuasa Pentadbiran Masjid di seluruh Malaysia dan juga melalui diskusi-diskusi keagamaan, forum, ceramah, seminar dan penulisan-penulisan ilmiah di akhbar-akhbar dan lain-lain media massa.

KEROSAKAN NAVIGATIONAL AIDS DI LAPANGAN TERBANG SULTAN AZLAN SHAH

18. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) perkembangan baru masalah kerosakan 'navigational aids' bernilai \$6.5 juta di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh;
- (b) apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut;
- (c) bilakah perkhidmatan penerbangan waktu malam dapat dijalankan semula di lapangan terbang tersebut; dan
- (d) jumlah kehilangan pendapatan yang telah dialami oleh Jabatan Penerbangan Awam dan Penerbangan Malaysia ekoran kejadian masalah 'navigational aid' tersebut.

6.5.92

26. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kedudukan sekarang mengenai sistem alat pendaratan yang rosak begitu lama di Lapangan Terbang

Ipoh yang menyebabkan dibatalkan sama sekali penerbangan waktu malam;

- (b) bilakah sistem alat pendaratan yang berfungsi akan beroperasi di Lapangan Terbang Ipoh dan bilakah penerbangan waktu malam akan dijadualkan semula; dan
- (c) berapakah kerugian yang dialami oleh MAS disebabkan kelewatan memperbaiki/mengganti alat-alat tersebut.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli dari Tambun pada 6.5.92 memandangkan soalan pada 6.5.92 menyentuh perkara yang sama. Jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan ada seperti berikut:

- (a) Jurutera pakar dari Syarikat Aviation System Inc. sedang berusaha memulihkan ILS. Ia telah diuji tentukoran penerbangan pada 27 April 1992 dan hasil ujian sedang dianalisa oleh Jabatan Penerbangan Awam.
- (b) Pihak Aviation System Inc. sedang menjalankan kerja-kerja tertentu untuk memastikan semua alat-alat panduarah berkaitan dapat digunakan dengan memuaskan.
- (c) Jika ILS lulus ujian, penerbangan waktu malam boleh diadakan pada awal Jun 1992.
- (d) Jumlah kehilangan pendapatan yang telah dialami oleh JPA dan MAS sejak bulan September 1991 sehingga bulan April 1992 (8 bulan) adalah seperti berikut:

JPA	\$ 7,532.25 x 8 bulan	=	\$ 60,258.00
MAS	\$30,000.00 x 8 bulan	=	\$240,000.00
			<hr/>
			\$300,258.00

BENTENG DI KAWASAN PEMBALAKAN

19. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orang telah ditahan di Sarawak kerana penyekatan jalan-jalan balak di Sarawak.

- (a) berapa ramai daripada mereka telah dibawa ke mahkamah dan didapati bersalah;
- (b) apakah kesalahan mereka; dan
- (c) apakah tujuan utama penyekatan ini.

30.4.92

45. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dalam tempoh 1.2.1987 sehingga 29.2.1992, berapakah orang dari negeri Sarawak telah ditangkap oleh pihak polis sebab mereka mengambil tindakan bantahan menentang syarikat-syarikat pembalakan kayu, termasuklah tindakan mendirikan benteng-benteng dan daripada jumlah bilangan itu, berapakah telah dihadapkan ke Mahkamah, berapakah telah dipenjarakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Hulu Rajang bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang sepatutnya dijawab pada esok (30.4.92) memandangkan soalan yang dikemukakan hampir sama.

- (a) Dari tarikh 1.2.1987 hingga 29.2.1992, seramai 587 orang telah ditangkap kerana mendirikan benteng di kawasan-kawasan pembalakan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan. Daripada jumlah ini, seramai 512 orang telah dihadapkan ke mahkamah di mana 39 orang telah didapati bersalah dan dipenjarakan.

- (b) Orang-orang yang ditangkap ini telah dituduh di bawah Seksyen 143 Kanun Kesiksaan, 341 Kanun Kesiksaan, 384 Kanun Kesiksaan, Seksyen 90(b) Ordinan Perhutanan dan Seksyen 27 Akta Polis.
- (c) Tujuan utama penyekatan jalan-jalan ini dibuat kerana masyarakat tempatan/natif mendakwa dan merayu mereka mempunyai hak ke atas kawasan-kawasan hutan pembalakan yang berkenaan (tetapi ini tidaklah benar), dan telah cuba menghalang orang luar yang telah diluluskan oleh Kerajaan daripada memasukinya.

PASARAN SAHAM TEMPATAN— PRESTASI

20. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah prestasi pasaran saham tempatan kelihatan tidak selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat? Adakah benar dakwaan sesetengah pihak bahawa manipulasi segolongan pelabur di sebuah negara jiran telah menjadi faktor utama kepada keadaan lembab ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Sejak tahun 1988, ekonomi negara telah bertumbuh dengan pesat. Pada tahun 1990, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah 9.8% dan 8.8% dalam tahun 1991. Pertumbuhan KDNK adalah dijangka mencatat 8.7% bagi tahun 1992.

Pasaran saham juga menunjukkan prestasi yang kukuh. Penurunan harga hanya berlaku sekali sekala dan itupun kerana sebab-sebab tertentu. Dalam bulan Januari 1992 dan Februari 1992, harga-harga pasaran saham telah meningkat. Indeks komposit telah meningkat kepada 570.64 mata pada hujung bulan Januari berbanding dengan

556.2 mata pada hujung tahun 1991. Indeks komposit telah meningkat kepada 605.06 mata dalam bulan Februari.

Prestasi pasaran saham dalam bulan Mac dan April agak lembab sedikit apabila dibandingkan dengan bulan Januari dan Februari 1992. Walau bagaimanapun, catatan indeks komposit sebanyak 593.21 mata pada hujung bulan Mac dan 573.95 mata pada 22hb April 1992 adalah lebih tinggi daripada hujung tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi sesebuah pasaran saham dipengaruhi oleh banyak faktor, tidak terhad hanya kepada pertumbuhan ekonomi sahaja. Salah satu faktor yang mengakibatkan kelembapan pasaran ialah penurunan harga-harga pasaran yang dialami oleh bursa-bursa asing, terutama bursa Tokyo dan New York. Misalnya pada 9hb April, 1992 Indeks Nikkei telah mencatatkan penurunan sebanyak 577.38 mata kepada 16,598.15 mata, satu tahap yang paling rendah daripada Oktober 1987. Berikutan ini, Indeks Komposit telah turun 9.92 mata kepada 563.69 mata pada 9hb April, 1992.

Faktor-faktor lain yang mempengaruhi prestasi pasaran saham ialah kaedah faedah dan kedudukan imbangan bayaran serta kecairan pasaran. Selain daripada itu, terbitan awam yang besar, seperti bagi Perusahaan Otomobil Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad yang menerima langganan sebanyak \$6.86 billion telah mempengaruhi kecairan pasaran.

Dakwaan bahawa manipulasi oleh segolongan pelabur di sebuah negara jiran telah menjadi faktor utama yang menyebabkan keadaan lembab pasaran adalah tidak benar. Agensi-agensi yang bertanggungjawab mengawasi perjalanan pasaran tidak menerima apa-apa aduan tentang perkara ini atau mengesyaki adanya kegiatan manipulasi

terhadap pasaran kita. Sekiranya Yang Berhormat daripada Parit Sulong mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dengan manipulasi oleh pelabur yang mengakibatkan keadaan pasaran yang lembab, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan maklumat itu kepada pihak Pendaftar Syarikat untuk penyiasatan lebih lanjut.

INDUSTRI PELANCONGAN— STRATEGI BARU

21. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan tentang 'Strategi Baru Pelancongan' iaitu dari segi:

- (a) apakah perancangan bagi strategi ini dari aspek mempelbagai produk dan perkhidmatan supaya industri pelancongan di negara kita dapat kekal bersaing dengan negara-negara lain di rantau ASEAN/Asia dan antarabangsa; dan
- (b) bagaimana cara hendak menjamin perkembangan industri pelancongan di negara ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (a) Dalam usaha memastikan industri pelancongan di Malaysia dapat kekal bersaing dengan negara-negara lain di rantau ASEAN/Asia dan Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan meneruskan usaha-usaha yang lebih gigih dalam memperbaiki produk-produk pelancongan dan perkhidmatan yang lebih baik supaya lebih berdaya maju, kental dalam menghadapi persaingan dan mempesonakan.

Dari aspek produk pelancongan umpamanya, Kementerian

Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan memberi lebih tumpuan kepada usaha-usaha pemuliharaan dan peningkatan kualiti sumber alam semulajadi dan budaya yang sedia ada.

Antara program yang dijalankan termasuklah pemeliharaan dan pemugaran tempat-tempat bersejarah, program kebersihan dan kecantikan, usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar, pembangunan produk pelancongan yang berasaskan alam semulajadi dan penyediaan tempat penginapan pelancong yang kosnya berpatutan serta membina dan menaikkan taraf infrastruktur dan kemudahan yang berkaitan dengan industri pelancongan. Kebudayaan dan kesenian turut akan dimajukan sebagai komponen penting dalam pembangunan industri pelancongan.

Dari aspek perkhidmatan pelancongan pula, usaha-usaha akan ditumpukan kepada peningkatan tahap dan taraf profesionalisma di samping memperkembangkan jenis dan kualiti perkhidmatan umpamanya penyusunan semula dan pengembangan program-program pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan industri pelancongan.

- (b) Untuk menjamin perkembangan industri pelancongan di Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambil langkah-langkah tertentu antaranya termasuklah memperibagalkan pasaran pelancongan yang sedia ada, menerokai pasaran baru yang berpotensi, memperbanyakkan kemudahan infrastruktur, menyemaikan inovasi di dalam penyediaan

produk-produk pelancongan dan menggalakkan keusahawanan bagi barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dalam usaha mewujudkan pertumbuhan industri pelancongan yang pesat.

EAEC—TINDAKAN ASEAN

22. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan pendirian Presiden George Bush terhadap penubuhan EAEC adakah pertubuhan ini boleh wujud dengan tidak ada sokongan dan pengiktirafan dari pihak Amerika Syarikat.
- (b) adakah pihak negara-negara ASEAN mempunyai kata sepakat atas penubuhan EAEC dan apakah tindakan ASEAN untuk mendesak Jepun untuk menyertainya dan bagaimanakah peluangnya.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia akan terus berusaha melalui ASEAN untuk memajukan cadangan penubuhan EAEC, walaupun terdapat pihak-pihak tertentu yang menentanginya. Kita yakin pada suatu masa nanti perundingan ini akan terbentuk dengan sendirinya apabila isu-isu kepentingan bersama bagi Asia Timur dapat disuarakan secara kolektif.
- (b) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, di dalam mana-mana jua pertubuhan atau perundingan untuk mendapatkan kata sepakat yang jitu dari semua

ahli adalah rumit. Demikian jugalah dengan EAEC, walaupun terdapat perbezaan pendapat di kalangan negara-negara ASEAN terhadap EAEC, namun ianya tidak menjejaskan keputusan yang telah dicapai di Sidang Kemuncak Ke-4 Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Singapura pada 27-28 Januari 1992, di mana Ketua-ketua Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju supaya cadangan tersebut diteruskan dan rangka kerja dibentuk bagi merealisasikannya.

Di dalam usaha untuk menarik lain-lain negara Asia Timur menyertainya, cadangan telah dibuat supaya Menteri-menteri Ekonomi ASEAN mengadakan konsultasi dengan rakan sejawatan mereka dari Asia Timur bermula dengan Jepun dan kemungkinan Korea selepas berlangsungnya Mesyuarat AEM ke 24 di Manila dalam bulan Oktober, 1992 nanti.

UNITED NATIONS CONFERENCE ON ENVIRONMENT AND DEVELOPMENT (UNCED)— PENYERTAAN MALAYSIA

23. Tuan Sim Kwan Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau akan menghadiri Mesyuarat United Nations Conference on Environment and Development (UNCED) yang akan diadakan di Rio de Janeiro bulan Jun akan datang, dan jika tidak, kenapa?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, penyertaan Malaysia di United Nations Conference on Environment and Development (UNCED) di Rio de Janeiro, masih di dalam pertimbangan.

DEFISIT AKAUN PERKHIDMATAN— PERTAMBAHAN

24. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi defisit dalam akaun perkhidmatan negara. Sejauhmanakah sektor swasta boleh membantu mengurangkan masalah defisit ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Pada tahun 1991, defisit akaun perkhidmatan berjumlah sebanyak \$11.6 ribu juta atau 9.4% daripada KNK. Pertambahan defisit perkhidmatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih yang tinggi bagi pendapatan pelaburan serta bayaran tambang dan insurans. Kedua-dua perkara ini merupakan 89% dari jumlah defisit perkhidmatan.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengurangkan defisit akaun perkhidmatan negara. Usaha-usaha telah diambil untuk memaju dan mempertingkatkan lagi kapasiti sektor perkhidmatan dalam negeri khususnya dalam bidang perkapalan, pengangkutan, insurans dan pendidikan tinggi. Untuk tujuan ini sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perkhidmatan telahpun dibentuk bagi mempercepatkan pembangunan sektor perkhidmatan dalam negeri supaya menjadi lebih kompetitif. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah:

(a) menggalak pelaburan semula (reinvestment) di kalangan pelabur-pelabur asing dengan menyediakan Elaun Pelaburan Semula sebanyak 40% untuk syarikat-syarikat besar dan 50% untuk syarikat-syarikat kecil. Skim ini adalah dalam bentuk elaun ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi tujuan

pembesaran loji, mesin dan bangunan dan akan ditawarkan sehingga 31 Disember 1995. Semua syarikat-syarikat yang terlibat dalam perusahaan perkilangan dan pemerosesan yang tidak menikmati taraf perintis, elaun cukai pelaburan, pelepas dan ke atas penggunaan tenaga buruh, galakan penempatan atau elaun susutan nilai dipercepatkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1986 dan Akta Galakan Pelaburan 1968 yang telah dimansuh adalah layak memohon elaun ini;

- (b) menggalak dan memajukan industri pelancongan sebagai sumber pertukaran asing yang utama;
- (c) mengurangkan import perkhidmatan khususnya dari segi pengangkutan dan insurans. Syarikat-syarikat pengangkutan seperti Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) telah diswastakan dengan tujuan memperbaiki lagi prestasi mereka dalam menyediakan perkhidmatan; dan
- (d) mengurangkan import perkhidmatan pendidikan tinggi dengan menggalakkan program "universiti berkembar" yang mana telah berjaya mengurangkan aliran keluar tukaran asing. Program "universiti berkembar" yang ditawarkan oleh 11 institusi pendidikan swasta tempatan telah berjaya mengurangkan bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negeri. Di antara 1985-90 bilangan pelajar ke luar negeri telah menurun dengan kadar purata 1.4% manakala bilangan pelajar di kolej-kolej swasta meningkat sebanyak 7.7% di dalam tempoh yang sama.

Pihak sektor swasta mempunyai peranan yang penting dalam membantu usaha Kerajaan mengurangkan defisit akaun perkhidmatan. Pihak swasta digalakkan menggunakan perkhidmatan tempatan khususnya dalam bidang pengangkutan, insurans dan pendidikan tinggi. Di samping itu, penglibatan pihak swasta dalam menggalakkan pelancongan, program institusi pengajian kembar, penggunaan perkhidmatan profesional tempatan dan perniagaan dan menawarkan kemahiran serta kepakaran mereka untuk didagangkan akan memperlengkapkan usaha-usaha Kerajaan ke arah mengurangkan defisit yang besar ini. Sektor swasta juga digalakkan untuk meningkatkan keupayaan mengatasi eksport perkhidmatan supaya pendapatan dan eksport perkhidmatan terus bertambah.

PENDERAAN KANAK-KANAK— BILANGAN KES

25. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sejauhmanakah Akta Kanak-kanak 1992 dapat mengatasi kes-kes mendera kanak-kanak;
- (b) nyatakan bilangan kes-kes deraan yang melibatkan kanak-kanak sebelum 1991 ini dan selepas tahun 1991; dan
- (c) apakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan Program Kaunseling kepada ibu bapa yang terlibat dalam kes-kes deraan begini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak mempunyai Akta yang

dinamakan Akta Kanak-kanak 1992. Walau bagaimanapun, terdapat satu Akta yang dinamakan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang merupakan satu usaha menyeluruh untuk mengadakan peruntukan-peruntukan undang-undang yang lebih baik bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang lebih sistematik dan berkesan terhadap mencegah masalah penganiayaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak di negara ini.

- (b) Bilangan kes deraan sehingga tahun 1991 ialah sebanyak 2,268.
- (c) Kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memang mengadakan perkhidmatan kaunseling kepada setiap kes yang dikendalikannya termasuk ibu bapa yang terlibat dalam kes penderaan kanak-kanak. Kaunseling-kaunseling tersebut adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang terlatih.

KAD PENGENALAN BARU— PROSES PERMOHONAN

26. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimana perkembangan penukaran kad pengenalan baru setakat ini bagi seluruh negara, Sarawak dan Sibui;
- (b) adakah perlu untuk mengambil pekerja sementara untuk memproses permohonan penukaran kad pengenalan baru di sekolah-sekolah, pejabat-pejabat, kampung-kampung dan rumah-rumah panjang, terutama sekali di kawasan luar bandar;
- (c) sama ada perlu untuk memberi keutamaan kepada mereka yang memohon untuk kali pertama

kerana mereka memerlukan kad pengenalan untuk memohon ujian, dokumen perjalanan, memasuki berbagai jenis pertandingan iaitu dalam sukan, musik dan kebudayaan; dan

- (d) sama ada boleh menunjukkan nama dalam tulisan Cina bagi pemohon Cina di dalam kad pengenalan baru.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Program penukaran kad pengenalan mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai. Sehingga akhir Mac 1992 jumlah permohonan bagi seluruh negara, Sarawak dan Sibu ialah masing-masing 928,880; 156,618 dan 28,964.
- (b) Pekerja sementara telahpun diambil dan akan ditambah mengikut keperluan.
- (c) Permohonan kad pengenalan diproses mengikut giliran tetapi keutamaan boleh dipertimbangkan atas sebab-sebab khusus.
- (d) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 tidak memperuntukkan nama dalam tulisan Cina di dalam Kad Pengenalan Baru.

ALAM SEKITAR—IMEJ MALAYSIA

27. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri memberitahu sama ada Kerajaan mengambil langkah-langkah yang efektif serta mengesan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang sentiasa merosakkan imej Malaysia mengenai alam sekitar khususnya yang berlaku baru-baru ini di negara Jepun.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan memandang berat rakyat

Malaysia yang sengaja merosakkan imej Malaysia termasuk dalam bidang alam sekitar. Tindakan sewajarnya akan diambil bergantung kepada keadaan. Sebagai langkah pertama, Kerajaan terlebih dahulu memastikan kebenaran laporan-laporan ini sebelum mengambil apa-apa tindakan susulan.

PENDIDIKAN PRASEKOLAH— BILANGAN KELAS

28. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kelas-kelas Pra-Tahun Satu yang dibuka oleh Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah rendah di luar bandar di seluruh negara; dan
- (b) dari jumlah itu, berapa buah kelas dibuka di negeri Sarawak termasuk di daerah Serian.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan Projek Pendidikan Prasekolah Kementerian Pendidikan, sebanyak 1,131 kelas prasekolah di 1,070 buah sekolah dan Maktab Perguruan telah dilancarkan pada bulan Januari 1992. Dari jumlah itu, 154 kelas telah dilancarkan di Sarawak termasuk 8 kelas di daerah Serian.

JALAN RAYA DI SARAWAK— CADANGAN PEMBINAAN

29. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan Pusat bercadang untuk membina jalan-jalan raya di Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke 6 bagi tempat-tempat berikut di kawasan Parlimen P.174:

- (a) Sungai Dijih—Sebakong terus ke Ulu Telian di Daerah Mukah;
- (b) Pekan Selangau—Ulu Selangau terus ke Rumah Jalong di Daerah Mukah;

- (c) Pekan Selangau—Ulu Mukah terus ke Rumah Gayut di Daerah Mukah;
- (d) Sungai Dijih—Hilir Dijih terus ke Rumah Santok dan Rumah Ibut di Daerah Mukah;
- (e) Nanga Sekuau—Ulu Oya terus ke Ulu Sungai Pakok di Daerah Dalat;
- (f) Pekan Tatau—Ulu Arap—Ulu Data Kakus di Daerah Tatau;
- (g) Pekan Ulu Balingian (Tepus)—Balingian (Rumah Ngadan) di Daerah Kecil Balingian;
- (h) Pekan Ulu Balingian (Tepus)—Rumah Entasin, Nanga Kemena di Daerah Kecil Balingian;
- (i) Jambatan Arip—SRK Iban Union dan Rumah Jantan, Hilir Arip di Daerah Kecil Balingian; dan
- (j) Sungai Dijih menerusi Rumah Renggie terus ke Rumah Ujis Ulu Baoh, dan Rumah Benang, Dijih Tamin di Daerah Dalat.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Pusat tiada sebarang cadangan untuk membina jalan-jalan raya yang disenaraikan oleh Ahli Yang Berhormat.

DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA—TINDAKAN PEMBAHARUAN

30. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan dasar Persyarikatan Malaysia yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan dahulu. Apakah hasil dan manfaat yang diperolehi oleh negara sehingga sekarang;
- (b) adakah reaksi Kerajaan terhadap kenyataan Menteri Besar Negeri

Selangor bahawa dasar tersebut kurang berjaya sejak dikemukakan pada tahun 1983; dan

- (c) Apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):

- (a) (1) Dasar Persyarikatan Malaysia merupakan satu strategi bagi menjadikan negara kita negara maju menjelang tahun 2020. Ia memerlukan penggembelingan usaha-usaha kedua pihak Kerajaan dan pihak swasta bagi pembangunan negara. Sektor swasta telah dikenalpasti sebagai jentera bagi pertumbuhan ekonomi negara. Sektor awam adalah berperanan untuk mempermudah usaha-usaha sektor swasta bagi tujuan itu.
- (2) Dasar ini telah berjaya memupuk kerjasama yang erat di antara kedua sektor. Panel-panel Perundingan dengan dianggotai oleh wakil-wakil dari kedua sektor telah ditubuhkan di Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan bagi meneliti dan seterusnya mempermudah proses-proses dan prosedur-prosedur Kerajaan serta menghapuskan peraturan-peraturan yang menyekat kemajuan perniagaan dan industri. Dasar-dasar tertentu Kerajaan yang melibatkan aktiviti-aktiviti sektor swasta juga dibincang bersama agar dapat menggalakkan lagi pertumbuhan sektor swasta dan Panel Persyarikatan Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan

dianggotai oleh ketua-ketua industri dan perniagaan dan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan juga terus meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor swasta.

- (3) Menerusi perundingan-perundingan yang telah diadakan, pelbagai tindakan pembaharuan telah dilaksanakan di Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kepada sektor swasta. Di samping itu, satu kajian menyeluruh telah dijalankan terhadap lesen-lesen dan permit. Tindakan-tindakan pembaharuan berikut telah dilaksanakan:

- (a) Penghapusan lesen-lesen yang tidak lagi diperlukan;
- (b) Menyediakan borang-borang komposit;
- (c) melanjutkan tempoh sahlaku lesen kepada tiga tahun;
- (e) Menambah pusat-pusat serenti bagi pengeluaran lesen;
- (f) Mengurangkan prosedur dalam pemerosesan lesen-lesen;
- (g) Penurunan kuasa ke peringkat yang lebih rendah bagi mempercepat pemerosesan permohonan lesen;
- (h) Mengkomputeriskan proses kerja, rekod dan dokumentasi;
- (i) Menyediakan pusat-pusat perkhidmatan untuk membantu sektor swasta menyelesaikan masalah dan menjawab pertanyaan; dan

- (j) Pemasangan sistem telekomunikasi moden di agensi-agensi Kerajaan bagi meningkatkan komunikasi dengannya.

- (4) Penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia (Malaysian Business Council) yang telah ditubuhkan untuk merancang agenda ekonomi negara adalah juga berdasarkan konsep Persyarikatan Malaysia. Majlis mengadakan perundingan dan dialog di antara penggubal-penggubal dasar, pegawai-pegawai perkhidmatan awam, ketua-ketua korporat dan negarawan-negarawan.

- (5) Kerajaan telah juga mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia baru-baru ini untuk menekankan lagi pentingnya dasar ini dilaksanakan di semua peringkat jentera Kerajaan pusat, negeri dan daerah. Dasar ini telah dikenalpasti sebagai strategi untuk menjayakan pelaksanaan Pelan Rangka Jangka Panjang Kedua di samping mencapai matlamat Wawasan 2020. Kejayaan Dasar Persyarikatan Malaysia masih terlalu awal untuk diramalkan.

- (b) Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan Dasar ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan di peringkat negeri dan daerah. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia mengarah supaya Dasar ini dilaksanakan secara berkesan di kedua peringkat itu.

- (c) Dasar ini masih penting dan diperlukan sebagai strategi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

SIDANG KEMUNCAK OIC DI SENEGAL—HASIL

31. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil yang diperolehi dari Sidang Kemuncak OIC di Senegal yang boleh memberikan kekuatan politik dan ekonomi serta perpaduan bagi dunia dan umat Islam; dan
- (b) bagaimana sidang itu boleh mencapai persetujuan untuk tidak lagi menggunakan kalimah 'jihad' dalam urusan membebaskan Palestin, Baitul Maqaddis dan Masjid Al-Aqsa dan mengapa perwakilan Malaysia tidak menyekatnya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sidang Kemuncak Ke-6 OIC yang diadakan di Dakar, Senegal dalam bulan Disember 1991 lalu telah mengambil beberapa ketetapan atas berbagai-bagai isu politik, ekonomi dan sosial yang berkait rapat dengan kepentingan negara-negara anggota dan umat Islam seluruhnya. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Persidangan tersebut berlangsung dalam suasana di mana negara-negara Islam sedang berhadapan dengan masalah perpecahan ekoran dari Perang Teluk yang jika dibiarkan berterusan ianya boleh menggugat keutuhan dan perpaduan umat Islam. Justeru

itu, dengan kesedaran tersebut Sidang Kemuncak di Dakar sebulat suara bersetuju mengembalikan semula perpaduan di kalangan negara-negara anggota dan seterusnya menjadikan Perang Teluk itu sebagai satu pengajaran serta bertekad agar kejadian seperti itu tidak berulang lagi. Selanjutnya dalam usaha mencapai matlamat ini persidangan tersebut sebulat suara bersetuju meningkatkan lagi kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota khususnya dalam bidang perdagangan. Dalam konteks ini, persidangan tersebut telah mengeluarkan mandat baru kepada Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan bagi menggubal strategi baru Rancangan Bertindak Ekonomi untuk memastikan kerjasama dalam bidang tersebut benar-benar dapat dilaksanakan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketetapan-ketetapan yang diambil di persidangan-persidangan OIC adalah dibuat secara "consensus". Oleh itu, semasa membahaskan isu Palestin beberapa negara anggota termasuk Malaysia walaupun telah cuba mempertahankan kalimah "jihad" dalam urusan membebaskan bumi Palestin dan Al-Aqsa tetapi kita terpaksa akur kepada keputusan yang dibuat secara "consensus" persidangan itu.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA—MASALAH PENERBITAN BUKU

32. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan lebih lanjut mengenai:

- (a) usaha yang telah diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi

mengatasi masalah penerbitan buku-buku atau hasil-hasil penulisan yang mengandungi banyak kesalahan hingga menyebabkan kegagalan pengedaran buku-buku atau hasil-hasil penulisan tersebut setelah dicetak; dan

- (b) dari segi kos, banyak manakah Dewan Bahasa dan Pustaka telah menanggung kos kerugian selama ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Di antara usaha yang telah diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengatasi masalah tersebut ialah:

(i) menubuhkan panel penasihat bidang ilmu yang dianggotai oleh pakar dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(ii) semua manuskrip sama ada karya asli atau terjemahan yang akan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka akan dihantar kepada panel penasihat atau penilai individu yang pakar dalam bidang tertentu untuk dinilai kesesuaiannya.

(iii) manuskrip yang telah diatur huruf akan disemak baca (proof-reading) di beberapa peringkat hingga ke peringkat editor sebelum dihantar untuk dicetak.

- (b) Dari segi kos, kerugian yang ditanggung oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sangat minimum.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI DAERAH RANAU—PEMBINAAN

33. Dr Osman Minudin minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Ranau yang akan dibina, adakah SMK Melonsou termasuk satu daripadanya dan bilakah bangunannya sendiri akan dibina.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk membina sekolah-sekolah baru di Daerah Ranau dalam Rancangan Malaysia Keenam. Sekolah-sekolah yang ada masih mencukupi untuk menampung keperluan para pelajar.

Walau bagaimanapun, ada dua projek diluluskan di bawah program menengah untuk Daerah Ranau iaitu projek pembinaan SMK Lohan di bawah biaya pinjaman Bank Dunia dan projek tambahan SMK Kundasang.

Kedua-dua projek ini sedang dilaksanakan dan kemajuannya setakat ini ialah SMK Lohan (86%) dan projek tambahan SMK Kundasang (60%) yang dijangka boleh digunakan pada akhir bulan Mei 1992. Pembinaan SMK Melonsou akan dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kawasan baru yang dicadangkan untuk sekolah ini sudah dikenalpasti.

KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

34. Tuan Joseph Voon minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di

Kuala Lumpur, pihak DBKL telahpun mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

1. Pembinaan Jejambat (Flyover)

5 buah bulatan yang menjadi punca kesesakan lalulintas telahpun dipertingkatkan dengan membina jejambat. Bulatan-bulatan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Bulatan 8km Jalan Cheras;
- (b) Bulatan 5¹/₂km Jalan Cheras;
- (c) Bulatan Jalan Kg. Pandan/Jalan Tun Razak;
- (d) Bulatan Jalan Tun Razak/Jalan Pahang;
- (e) Bulatan Edinburgh.

2. Melebar dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada

Beberapa jalan-jalan utama seperti berikut telah dilebar dan diperbaiki:

- (a) Jalan Raja Chulan
- (b) Jalan Ampang
- (c) Jalan Gombak
- (d) Jalan Sentul
- (e) Jalan Genting Kelang
- (f) Jalan Puchong (Fasa 1 & 2 telah siap, Fasa 3 & 4 akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ke-6).
- (g) Jalan Padang Tembak.
- (h) Jalan Perumahan Gurney.
- (i) Jalan Datuk Keramat.
- (j) Jalan Keramat Dalam.
- (k) Jalan Sungai Besi.
- (l) Jalan Lapangan Terbang.

3. Memperbaiki Persimpangan-persimpangan Jalan

Beberapa persimpangan-persimpangan jalan seperti tersebut di bawah telah dilebar untuk memperbaiki pengaliran lalulintas melaluinya:

- (a) Jalan Ipoh/Jalan Perhentian.

(b) Jalan Sentul/Jalan Sentul Sehaluan.

(c) Jalan Damansara/Jalan Kepong.

(d) Jalan Semarak/Jalan Padang Tembak.

(e) Jalan Cheras/Jalan masuk ke Taman Segar.

(f) Jalan Cheras/Jalan Peel.

(g) Jalan Cheras/Jalan Ikan Ayu.

(h) Jalan Sungai Besi/Jalan masuk ke kawasan perumahan Razak Mansion.

(i) Jalan Kuchai Lama/Jalan sambungan ke Lebuhraya KL-Seremban.

(j) Jalan Sungai Besi/Jalan sambungan ke Lebuhraya KL-Seremban.

4. Cadangan Projek-projek Pengangkutan Awam

Beberapa projek-projek sistem pengangkutan awam telahpun dicadangkan bagi Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur. Antara projek-projek yang utama adalah seperti berikut:

- (a) Sistem Transit Laju Ringan (LTR).
- (b) Sistem Monorel.
- (c) Sistem Rel Komuter (KTM Double Tracking).
- (d) Memperbaiki mutu perkhidmatan sistem bas.

PELAJAR BUMIPUTERA DI FAKULTI PERGIGIAN, UNIVERSITI MALAYA

35. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar sejak beberapa tahun kebelakangan ini sebahagian besar mahasiswa Bumiputera di Fakulti Pergigian tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pelajar di universiti tempatan perlulah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Fakulti masing-masing sebelum dianugerahkan ijazah. Begitu jugalah pelajar-pelajar di Fakulti Pergigian, Universiti Malaya. Adalah menjadi dasar Fakulti berkenaan (ini juga adalah amalan Fakulti-fakulti Pergigian di universiti luar negeri) bahawa pelajar tidak dibenarkan memduki peperiksaan akhir sekiranya prestasi kerja klinikal mereka tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, mereka akan diberi peluang untuk menduduki peperiksaan tambahan selepas enam bulan sesudah sahaja mereka meningkatkan prestasi kerja klinikal mereka.

IDENTITI ISLAM DALAM PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR

36. Dr. Sanusi Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar terdapat rancangan Kerajaan hendak mewujudkan identiti Islam pada bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah ibu kota negara yang agama rasminya adalah Islam.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Kerajaan sedar dan sentiasa menggalakkan identiti Islam diwujudkan dalam rancangan pembangunan bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah ibu kota negara yang agama rasminya adalah Islam.

Di dalam pembangunan Kuala Lumpur, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telahpun membangunkan sejumlah 30 buah masjid dan akan membina empat buah lagi masjid di dalam Rancangan Malaysia Keenam, iaitu di Taman Setiawangsa, Kg. Batu Muda Jalan Ipoh dan di Puchong. Kerajaan juga sedang merancang untuk membina sebuah masjid negeri Wilayah Persekutuan di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Walaupun pembangunan Kuala Lumpur tidak mempunyai identiti Islam secara keseluruhannya tetapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memastikan pembinaan taman-taman perumahan yang akan dibuka mempunyai masjid/madrasah dan mengadakan tempat-tempat solat di tempat-tempat awam untuk kemudahan umat Islam.

Bagi mewujudkan identiti Islam ini juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengadakan perayaan mengikut kalender Islam seperti Maulidur Rasul dan Sambutan Maal Hijrah. Dalam konteks "Maslahah" (kepentingan) umat Islam di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menguatkuasakan kawalan tempat penjualan makanan halal dan haram di hotel-hotel Kuala Lumpur.

PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD— OBJEKTIF PENUBUHAN

37. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Perdana Menteri menyatakan tentang tujuan untuk menubuhkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan apakah rancangan bagi menolong usahawan Bumiputera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Objektif penubuhan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) adalah seperti berikut:

- (1) membantu meningkatkan jumlah usahawan bumiputera yang terlibat dalam sektor industri komersial.
- (2) membantu meneguhkan kedudukan usahawan yang terlibat dalam perusahaan kecil dan sederhana khususnya di bidang pembuatan.

- (3) membantu melengkapkan usahawan Bumiputera dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan.

Rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh PUNB untuk membantu usahawan Bumiputera adalah seperti berikut:

- (1) menyediakan modal kepada syarikat-syarikat bumiputera melalui;
- (a) Pelaburan Permulaan
 - (b) Pelaburan Pembangunan
 - (c) Pelaburan Susulan
 - (d) Pelaburan Pengambilalihan
- (2) memberi kemudahan latihan keusahawanan bersepadu dan praktikal yang merangkumi aspek kewangan, pengurusan, teknologi, pemasaran seterusnya menerapkan nilai-nilai budaya dan etika kerja yang profesional.
- (3) menyediakan maklumat-maklumat perniagaan dan perkhidmatan rundingcara.

**SIJIL KELAHIRAN LEWAT/
KAD PENGENALAN BIRU DI
SABAH—JUMLAH**

38. Tuan Radin Malleh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa jumlah Sijil Kelahiran Lewat dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara di negeri Sabah mengikut tempoh tahun-tahun berikut:
- (i) dari tahun 1963 ke tahun 1970
 - (ii) dari tahun 1971 ke tahun 1980
 - (iii) dari tahun 1981 ke tahun 1990

- (b) berapa jumlah kad pengenalan biru dikeluarkan oleh JPN di negeri Sabah mengikut tempoh tahun-tahun berikut:

- (i) dari tahun 1963 ke tahun 1970
- (ii) dari tahun 1971 ke tahun 1980
- (iii) dari tahun 1981 ke tahun 1990

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Jumlah Sijil Kelahiran Lewat yang dikeluarkan ialah:

- (i) dari tahun 1963 ke tahun 1970 : 20,722
- (ii) dari tahun 1971 ke tahun 1980 : 29,166
- (iii) dari tahun 1981 ke tahun 1990 : 22,052

- (b) Jumlah kad pengenalan biru yang dikeluarkan ialah:

- (i) dari tahun 1963 ke tahun 1970 : tiada dikeluarkan kerana peraturan-peraturan mengenai pendaftaran hanya berkuatkuasa di Sabah pada tahun 1972.
- (ii) dari tahun 1971 ke tahun 1980 : 571,000
- (iii) dari tahun 1981 ke tahun 1990 : 387,181

**PAKAR PERGIGIAN DI SABAH—
KEKURANGAN**

39. Tuan Lai Lun Tzee minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa negeri Sabah amat kekurangan pakar-pakar pergigian dan kemudahan-kemudahan pergigian; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Kementerian Kesihatan telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyempurnakan perkhidmatan pergigian di negara ini sesuai dengan keperluan penduduk di setiap negeri. Bagi maksud ini Sabah diperuntukkan dua (2) pakar pada gred Tingkatan Tertinggi 'G' meliputi seorang pakar pergigian dan seorang pakar orthodontik.
- (b) Rancangan telahpun disusun dan langkah-langkah wajar akan diambil dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan perkhidmatan pergigian sesuai dengan pembangunan perkhidmatan kesihatan yang disejajarkan dengan pembangunan negara menuju Wawasan 2020. Dalam perancangan ini akan juga diambil kira keperluan untuk negeri-negeri lain termasuk Sabah.

RASUAH—MEMBANTERAS

40. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan apakah jenis-jenis amalan rasuah yang kerap didapati di Malaysia. Apakah peratusan Keluaran Negara Kasar (KNK atau GNP) kerana rasuah. Apakah kehilangan KNK tiap-tiap tahun akibat daripada amalan-amalan ini. Apakah ikhtiarnya untuk membanteraskannya.

Tuan Othman bin Abdul: Jenis-jenis amalan rasuah yang kerap didapati di Malaysia berdasarkan kepada bilangan tangkapan yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah mengikut kesalahan undang-undang adalah seperti berikut:

- (a) perbuatan menerima suapan rasuah sama ada untuk diri sendiri atau untuk orang lain yang menjadi kesalahan di bawah Seksyen 3(a)(i) dan (ii) serta

Seksyen 4(a) Akta Pencegah Rasuah, 1961 (dipinda 1971);

- (b) perbuatan mengemukakan apa-apa dokumen yang mempunyai pertanyaan palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya yang menjadi kesalahan di bawah Seksyen 4(c) Akta Pencegah Rasuah, 1961 (dipinda 1971); dan
- (c) perbuatan memberi suapan rasuah orang sama ada untuk faedah dirinya atau untuk faedah orang lain yang menjadi kesalahan di bawah Seksyen 3(b)(i) dan (ii) serta Seksyen 4(b) Akta Pencegah Rasuah.

Bagi menjawab soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan, terlebih dahulu saya ingin menjelaskan di sini bahawa untuk menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu dianggap rasuah atau tidak adalah bergantung kepada niat si pelaku itu yang mana ianya tidak dapat dikesan dengan mata kasar. Tambahan lagi tidak semua kes-kes rasuah melibatkan wang ringgit atau barang yang boleh dinilai dalam bentuk wang. Terdapat juga kes-kes rasuah yang tidak melibatkan wang seperti "moral corruption" dan nepotisme. Oleh yang demikian, kita tidak dapat menentukan peratusan keuntungan atau kehilangan akibat dari amalan rasuah. Dengan itu, soalan seterusnya tidak berbangkit.

**PAJAKAN HAKMILIK TANAH
DI KAMPUNG BARU JINJANG
UTARA/SELATAN**

41. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan berapa lot telah dipancangkan (pegged) oleh Pegawai Petempatan di Jinjang setakat ini. Adakah penempatan ini disahkan oleh Jabatan Ukur. Sehingga 31.3.1992 apakah bilangan penduduk yang telah membayar premium ke atas lot-lot tersebut dan amaunnya.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Saya percaya kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kepong ini adalah mengenai permohonan penduduk-penduduk Kg. Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan untuk membaharui tempoh pajakan hakmilik-hakmilik tanah mereka yang telah luput. Untuk makluman Yang Berhormat, sukacita saya maklumkan bahawa hampir keseluruhan kawasan Kg. Baru tersebut telahpun diukur oleh Jabatan Ukur. Oleh itu, kerja-kerja memancang tanda sempadan oleh Pegawai-pegawai Petempatan adalah tidak diperlukan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, semua surat hakmilik baru yang akan dikeluarkan di kawasan ini adalah mengikut kawasan yang telah diukur oleh Jabatan Ukur dan telahpun diluluskan pelan susunatur oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sehingga 31.3.1992, bilangan pemohon yang telah menjelaskan bayaran premium tanah mereka ialah seramai 671 pemohon yang berjumlah \$4,108,504.50.

TABUNG USAHAWAN BARU— JUMLAH PEMBIAYAAN

42. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang sudah dibelanjakan daripada Tabung Usahawan Bumiputera sejak ianya ditubuhkan dan nyatakan pecahan wang yang dibelanjakan itu mengikut sektor-sektor yang tertentu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Sebagaimana termaklum, Tabung Usahawan Baru diwujudkan untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera yang baru menceburi bidang perniagaan. Jumlah peruntukan bagi tabung ini adalah sebanyak \$350 juta.

Setakat 31 Mac 1992, sebanyak 573 permohonan telah diluluskan di bawah

Skim Tabung Usahawan Baru (TUB) yang melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak \$133.8 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak \$87.3 juta telahpun dikeluarkan kepada pemohon-pemohon berkenaan.

Pecahan bantuan yang dikeluarkan mengikut sektor, adalah sebagaimana berikut:

<i>Sektor</i>	<i>Jumlah Bantuan (\$ juta)</i>	<i>Peratusan (%)</i>
Perusahaan	28.9	33.1
Perdagangan	18.0	20.6
Pembuatan Perabut	13.2	15.1
Pelancongan	7.1	8.0
Lain-lain	20.1	23.2
Jumlah	87.3	100.0

VAN TERLIBAT DALAM KEMALANGAN—JUMLAH

43. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat ini berapakah kemalangan-kemalangan yang melibatkan van-van pengangkutan penumpang dan berapa pula kematian van dan kecederaan yang terlibat. Adakah usaha mengharamkan van-van ini daripada digunakan sebagai pengangkut penumpang diadakan memandangkan bahawa van-van ini tidak sesuai sekali dijadikan pengangkutan penumpang lantaran kestabilannya rendah dan kekuatan binaan badannya pun rendah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebanyak 3,525 buah van telah terlibat dalam kemalangan jalan raya pada tahun 1991. Ini merupakan 2.18% dari jumlah kenderaan yang terlibat dalam kemalangan pada tahun berkenaan. Pada tahun 1990 sebanyak 3,112 buah van telah terlibat dalam kemalangan sementara pada tahun 1989 sebanyak 2,489 van telah terlibat dalam kemalangan. Buat masa ini tiada perangkaan yang khusus dikumpul bagi

kematian, cedera parah dan cedera ringan bagi pemandu dan penumpang van akibat dari kemalangan jalan raya.

Pihak Kementerian pada masa ini belum bercadang untuk mengharamkan van daripada digunakan sebagai kenderaan pengangkut penumpang. Kementerian Pengangkutan berpendapat langkah-langkah yang telah diambil setakat ini bagi meningkatkan keselamatan penggunaan van adalah memadai.

Sepertimana yang diketahui umum, pada 1 April 1992 yang lalu, Kementerian Pengangkutan telah mewartakan Kaedah yang mensyaratkan supaya van dikehendaki membawa jumlah penumpang tidak lebih dari yang tercatat di dalam buku pendaftaran, hanya seorang penumpang sahaja dibenarkan duduk di sebelah pemandu di bahagian hadapan serta had laju maksima bagi van di lebuh raya dikurangkan kepada 90 km sejam dan 80 km sejam bagi jalan-jalan biasa.

Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian Pengangkutan akan mengkaji kemungkinan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan seperti menyediakan pintu keluar kecemasan dan ruang laluan kecemasan yang mencukupi serta melengkapkan van dengan ciri-ciri mekanikal seperti "anti roll bar, independent front and rear suspension" bagi menjadikan van sebuah kenderaan yang stabil dan lebih selamat digunakan.

SENJATA API—KECURIAN DI KEM TENTERA, KUCHING

44. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah puncanya yang menyebabkan berlakunya kecurian senjata api Riffle M-16 dari sebuah Kem Tentera di Kuching pada malam 26.12.1991 yang lalu; dan

- (b) adakah siasatan telah dibuat dan apakah keputusan dan tindakan yang telah diambil.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Punca kecurian yang terjadi adalah kerana sikap sambil lewa, kurang pengawasan dan kelemahan perkara berikut:

(i) seorang yang berpakaian awam tidak diselidiki latarbelakangnya semasa memasuki pintu kem.

(ii) tidak mengambil butir-butir pengenalan diri.

(iii) penjaga stor cuai membenarkan seseorang yang berpakaian awam boleh dibenarkan mengambil senjata.

(iv) langkah-langkah keselamatan yang digariskan di dalam perintah tetap pasukan tidak dipatuhi.

- (b) Lanjutan dari kes tersebut pihak polis dan Kompeni Pertama Risik Medan telah membuat penyiasatan bagi mengenalpasti siapakah yang telah terlibat di dalam kes tersebut. Pihak tentera telahpun membuat penyiasatan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai dan anggota yang terlibat kerana cuai di dalam mematuhi prosedur dan arahan-arahan keselamatan yang ada.

PENCEROBOHAN RUANG UDARA MALAYSIA

45. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sila jelaskan dasar pertahanan negara dalam menghadapi isu-isu serantau yang membabitkan negara-negara jiran dengan Malaysia yang melibatkan

pencerobohan ruang udara Malaysia, tuntutan Pulau Batu Putih dan pertikaian Kepulauan Spratly;

- (b) apakah tuntutan dan penguasaan kepulauan-kepulauan Malaysia oleh negara-negara jiran adalah berikutan dengan kelemahan kepimpinan politik yang menguruskan pertahanan negara sehingga negara Malaysia begitu mudah dicerobohi. Jika tidak, apakah penjelasan sebaliknya; dan
- (c) sejauhmanakah kesiapsiagaan pertahanan negara dalam menghadapi ancaman terhadap wilayah-wilayah Malaysia yang dicabar oleh negara-negara tertentu di rantau ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:

- (a) & (b) Ingin dipastikan dan ditegaskan kepada Dewan ini bahawa tidak ada berlaku sebarang pencerobohan sama ada di darat, udara atau laut oleh negara-negara jiran dengan Malaysia. Sekiranya ada pencerobohan, tuntutan atau penguasaan mana-mana kawasan negara kita, ATM mempunyai keupayaan untuk mematahkannya. Mengenai isu tuntutan ke atas kawasan-kawasan yang dipertikaikan akan diselesaikan melalui saluran Diplomatik.
- (c) Negara amnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khasnya sentiasa mengawasi dan sedar akan pergerakan tentera asing yang menghampiri sempadan negara. Tambahan pula Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai keupayaan untuk mematah mana-mana ancaman terhadap wilayah-wilayah Malaysia sekiranya berlaku sedemikian.

PEPASANGAN ELEKTRIK DI ATAS TANAH MILIK PERSENDIRIAN—MENDIRIKAN

46. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sudahkah Kementerian beliau mencapai satu penyelesaian untuk membekal elektrik kepada rumah penyewa-penyewa tanah yang kini tidak dapat bekalan elektrik akibat daripada keengganan memberi kebenaran oleh tuan tanah untuk menanam tiang elektrik atas tanah mereka. Jika ya, apakah penyelesaian itu; jika tidak, mengapa begitu lama tidak dapat diselesaikan memandangkan golongan yang terpengaruh itu adalah golongan pendapatan rendah;
- (b) apakah perkembangan terbaru berkenaan dengan kes seperti ini di Jalan Chow Boon Kye dan Kampung Besar Bukit Mertajam yang mana Ahli Parlimen Bukit Mertajam telah bangkitkan dalam Parlimen berapa kali sejak Parlimen Ketujuh;
- (c) bilakah bekalan elektrik akan diberi kepada penghuni rumah-rumah yang pindah kepada kawasan depan Perkampungan Juru, Bukit Mertajam akibat projek Lebuhraya Utara-Selatan memandangkan mereka telah pindah ke sana sebelum Tahun Baru Cina dan hingga sekarang masih lagi tiada bekalan elektrik; dan
- (d) bilangan kes gangguan bekalan elektrik yang berlaku di Kawasan Taman, Bukit Mertajam, Taman Makok dan Desa Damai, Bukit Mertajam sejak hari Thaipusam iaitu 20hb Januari 1992 hingga 20hb Februari 1992 dengan

sebutkan sebab-musabab, tarikh-tarikhnya dan mengapa begitu banyak kali berlaku dan sebab apa ambil masa yang sangat panjang untuk memulihkan bekalan elektrik.

Dato' Seri S. Samy Vellu:

(a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE 90) mempunyai peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada utiliti-utiliti elektrik untuk memasuki tanah-tanah persendirian bagi tujuan mendirikan pemasangan elektrik. Mengikut Seksyen 11(2) ABE 1990, utiliti berkenaan hendaklah memberi notis kepada pemilik-pemilik tanah mengenai perkara ini. Jika dalam masa 14 hari tidak ada bantahan daripada pemilik tanah, TNB boleh memasuki tanah tersebut untuk memasang pemasangan elektrik. Jika ada bantahan, perkara Pentadbir Tanah Daerah berkenaan yang akan membuat keputusan selepas perbincangan mendengar kes tuan-tuan tanah tersebut. Berhubung dengan perkara ini Kerajaan juga telah membuat keputusan pada 20hb November 1991 bahawa bekalan elektrik ke rumah di atas tanah persendirian orang lain boleh diberikan.

(b) Mengenai masalah memberi bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di Jalan Chow Boon Kye dan Kampong Besar Bukit Mertajam, kerja-kerja fizikal tidak dapat dilanjutkan kerana tuan-tuan tanah yang terlibat di dalam pelaksanaan projek-projek tersebut tidak membenarkan TNB menarik talian elektrik dan menanam tiang-tiang elektrik di

atas tanah mereka. Dari masa ke semasa TNB telah meminta kerjasama Pegawai Kemajuan Negeri, Pulau Pinang dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam untuk menyelesaikan masalah bantahan izinlalu tetapi mereka tidak berjaya berbuat demikian. Pada 14hb Julai 1991 pihak TNB sekali lagi telah berjumpa Pegawai Daerah, Bukit Mertajam supaya berusaha sekali lagi memujuk tuan-tuan tanah memberi kebenaran izinlalu. Memandangkan Pegawai Daerah masih tidak berjaya menyelesaikan perkara ini, kedua-dua projek tersebut telah dicadangkan untuk dibatalkan.

Masalah ini telah juga dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi Pembangunan Luar Bandar (MMK-PLB). Majlis ini telah meminta Ahli Dewan Undangan Negeri-Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan-kawasan yang terlibat untuk memujuk tuan-tuan tanah memberi kebenaran. Apabila usaha ini tidak berjaya, MMK-PLB telah bersetuju membatalkan projek-projek tersebut kerana semua usaha mendapatkan kebenaran tuan-tuan tanah gagal. Mesyuarat MMK-PLB pada 10hb Februari 1992 telah mengesahkan pembatalan projek-projek tersebut.

(c) Mengenai bekalan elektrik kepada rumah-rumah yang dipindah ke kawasan berhadapan dengan Perkampungan Juru akibat dari projek Lebuhraya Utara-Selatan, sukacita dimaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan talian elektrik telah mencapai 90% dan akan disiapkan pada akhir bulan April. Bekalan boleh diberi kepada

rumah penghuni di mana pendawaian dalam rumah telah disediakan.

- (d) Semenjak bulan Januari 1992 gangguan bekalan elektrik di kawasan Taman Sri Rambai, Taman Makok dan Desa Damai di Bukit Mertajam telah berlaku lima kali. Gangguan yang berlaku pada 20hb dan 28hb Januari dan 17hb Februari 1992 adalah kerana kabel bawah tanah elektrik yang membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan tersebut telah dirosakkan oleh kontraktor pemaju perumahan yang menjalankan kerja-kerja parit dan saluran najis. Kerosakan-kerosakan tersebut telah dapat dicari dan dibaiki.

Kelewatan telah berlaku dalam usaha membaikpulih kerosakan kerana tempat di mana kabel rosak terpaksa dicari dan dibaiki. Masalah ini menjadi lebih sukar kerana kontraktor berkenaan tidak memberitahu kerosakan kepada TNB. Tempat-tempat di mana kabel bawah tanah rosak juga telah ditutup oleh pihak kontraktor tersebut. Apabila kakitangan TNB pergi ke tapak kerja, semua peralatan kontraktor tidak ada lagi di tempat kerosakan. Bagi mengelakkan gangguan-gangguan elektrik seperti ini, TNB sedang memasang talian alternatif ke kawasan-kawasan perumahan tersebut. Pemasangan ini dijangka siap sebelum bulan Jun tahun ini. Gangguan yang berlaku pada 12hb dan 15hb Februari adalah gangguan bekalan yang diatur (pre-arranged shutdown) dan notis adalah diiklankan dalam surat-surat akhbar. 'Shutdown' perlu dilakukan untuk senggaraan dan pemasangan talian bagi sistem kawalan elektrik daerah.

PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG BUTTERWORTH- PULAU PINANG— PENSWASTAAN

47. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan memberitahu tentang tawaran penswastaan feri penumpang Butterworth-Pulau Pinang:

- (a) syarat-syarat yang ditawarkan oleh pihak swasta; dan
- (b) apa pendirian Kerajaan mengenai tawaran tersebut.

6.5.92

14. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan terbaru berkenaan dengan cadangan penswastaan Feri Pulau Pinang dan apakah jaminan akan diberi oleh Kementerian beliau supaya kepentingan penduduk-penduduk negeri Pulau Pinang khususnya dalam aspek perbelanjaan tidak akan terjejas apabila cadangan itu dilaksanakan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Oleh sebab kedua-dua soalan tersebut hampir serupa, maka saya ingin menjawab soalan-soalan ini sekaligus.

- (i) Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah menerima beberapa cadangan menswastakan perkhidmatan feri penumpangnya. Sehingga kini hanya 2 buah syarikat swasta telah mengemukakan kertas cadangan untuk mengendalikan perkhidmatan feri penumpang. Di antara syarat-syarat yang terkandung dalam cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah:

- (a) SPPP membenarkan penggunaan kedua-dua pengkalan feri tanpa mengenakan bayaran untuk tempoh lima tahun pertama. Selepas tempoh ini, kedua-dua pihak akan mengadakan rundingan mengenai

- kadar sewa bagi jangka-masa sepuluh tahun seterusnya;
- (b) SPPP membenarkan syarikat tersebut menaikkan kadar tambang kepada sekurang-kurangnya 50 sen untuk perjalanan sehala. Kenaikan ini perlu kerana kos pengendalian serta penyenggaraan feri-feri berhawa dingin adalah tinggi;
- (c) Syarikat tersebut dibenarkan mengguna kemudahan Limbungan SPPP pada kadar sewa yang akan dipersetujui untuk tujuan pembinaan dan penyenggaraan feri-feri penumpang;
- (d) Syarikat tersebut bebas untuk menentukan jumlah laluan (frequency of service) setiap hari.
- (ii) SPPP bersedia menimbang-cadangan pihak swasta yang berminat untuk mengendalikan Perkhidmatan Feri Penumpang Butterworth Pulau Pinang. Syarat-syarat sedang dirangka untuk menilai cadangan-cadangan tersebut dan akan mengambilkira keupayaan/keperluan-keperluan operasi, aspek-aspek keselamatan serta viabiliti kewangan dan teknikal.

RTM—SIASATAN PENYELEWENGAN

48. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Penerangan menyatakan apakah hasil siasatan 4 panel yang ditubuhkan untuk menyiasat tuduhan atas penyelewengan yang berlaku di RTM itu, termasuklah salahguna kuasa, harta benda, alat-alat dan kehilangan pita yang mahal.

- (a) apakah tindakan akan diambil terhadap mereka yang terbabit; dan

- (b) apakah langkah-langkah akan diambil untuk mencegah penyelewengan tersebut dari berulang lagi.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Kerajaan mengambil berat tentang sebarang penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Oleh kerana inilah satu jawatankuasa ditubuhkan.

Hasil daripada siasatan jawatankuasa tersebut telah membuat keputusan merujuk beberapa perkara kepada Badan Pencegah Rasuah untuk siasatan yang lanjut. Sehingga sekarang tidak ada keputusan yang conclusive. Tindakan-tindakan terhadap anggota-anggota yang terbabit akan diambil mengikut undang-undang yang sedia ada.

Semua pihak yang bertanggungjawab di Kementerian Penerangan telah diarahkan mengkaji dan membaiki segala kelemahan sistem kawalan dalaman dan prosidur-prosidur yang dipakai supaya kelemahan-kelemahan sistem pengurusan dan pentadbiran yang ada diatasi.

SISTEM SARAAN BARU BAGI POLIS DAN TENTERA

49. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula skim gaji bagi semua anggota polis dan tentera selepas pelaksanaan gaji sistem saraan baru (SSB); dan
- (b) jika ya, berapa lamakah Kerajaan akan mengambil masa untuk menimbang dan membuat keputusan supaya anggota polis dan tentera diberi skim gaji yang sesuai dan setaraf dengan tugas dan tanggungjawab mereka ketika ini.

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian menyeluruh ke atas sektor awam yang telah diarahkan oleh Kerajaan pada tahun 1991 meliputi juga hal-hal saraan anggota Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Selain daripada perkara-perkara berhubung dengan persoalan gaji, kajian menyeluruh tersebut juga merangkumi perkara-perkara berhubung dengan syarat-syarat dan skim perkhidmatan serta peruntukan elaun dan kemudahan anggota-anggota awam, Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera. Dalam membuat kajian itu, aspek-aspek tertentu Perkhidmatan Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, termasuk pertimbangan terhadap tugas dan tanggungjawab kedua-duanya telahpun diambilkira dan diberi perhatian istimewa. Kajian ini telah, akhirnya memperkenalkan Sistem Saraan Baru (SSB) untuk kegunaan seluruh sektor awam yang mana telah diterima untuk pelaksanaan oleh Kerajaan berkuatkuasa mulai 1.1.1992.

Dengan pelaksanaan SSB ini, soal menyemak semula gaji bagi anggota Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia tidaklah berbangkit buat masa ini.

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN— PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN

50. Tuan Jawah Anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin yang sudah dibahagikan kepada orang ramai dan bilangan orang mengikut negeri, yang sudah diberi pertolongan oleh Kerajaan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Di bawah Program Perumahan untuk rakyat termiskin, bagi tempoh 1989 hingga 1991, sejumlah \$56.53 juta telah dibelanjakan dengan 29,566

keluarga termiskin mendapat faedah. Pecahan perbelanjaan dan jumlah penerima bantuan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Peruntukan Dibelanjakan (\$juta)</i>	<i>Jumlah Keluarga Termiskin Menerima Bantuan Rumah</i>
Johor	4.16	2,111
Kedah	9.10	4,749
Kelantan	5.26	2,570
Melaka	3.72	2,490
Negeri Sembilan	2.41	1,652
Pahang	3.57	1,751
Pulau Pinang	1.78	885
Perak	8.85	4,698
Perlis	1.24	526
Selangor	3.85	2,345
Terengganu	9.54	4,680
Sabah	1.83	722
Sarawak	1.08	374
Wilayah Persekutuan Labuan	0.04	13
		29,566

PEKERJA ASING TANPA IZIN— JUMLAH DIDAFTARKAN

51. Tuan Fung Kui Lun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pekerja asing yang telah didaftarkan di bawah skim pendaftaran pekerja asing dengan menyatakan jumlah bagi setiap negara dari mula skim ini dilaksanakan hingga 15.4.1992;
- (b) berapakah baki jumlah pekerja yang belum didaftarkan sehingga tempoh 6 bulan berakhir dan adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh supaya pendaftaran dapat dipenuhi;
- (c) berapakah jumlah kes pendatang asing menggunakan orang tenah mendapatkan surat perjanjian laksana pasport (SPLP) dan negara-negara yang terlibat; dan

(d) sejak gerakan pendaftaran pekerja asing dijalankan, berapakah jumlah kemasukan pendatang haram yang baru sehingga 15.4.1992 bagi negara-negara terlibat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

(a) Jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftarkan di bawah skim pendaftaran PATI sehingga 15.4.1992 adalah seramai 88,634 orang. Mereka ini adalah sepertimana berikut:

<i>Warganegara</i>	<i>Jumlah</i>
Indonesia	66,158 orang
Bangladesh	9,665
Myanmar	5,207
India	3,448
Thai	3,176
Pakistan	688
Sri Lanka	137
Filipina	94
Nigeria	14
Nepal	11
Syaria	7
Congo	2
Djiboti	3
Ethopia	3
Cameron	1
Ghana	1
Bostwana	1
Tanzania	1
Tidak dinyatakan	16
	88,634 orang

(b) Kerajaan tidak dapat memastikan baki bilangan PATI yang belum didaftarkan sehingga tempoh pendaftaran ini tamat. Walau bagaimanapun, pihak majikan sering dimaklumkan agar mendaftar PATI mereka secepat mungkin dengan Jabatan Imigresen Malaysia kerana Kerajaan tidak bercadang melanjutkan tempoh ini selepas tempoh 6 bulan berakhir.

(c) Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai PATI yang mengguna khidmat orang tengah untuk mendapatkan Sijil Perjalanan Laksana Pasport (SPLP) kerana pengeluaran SPLP adalah di bawah bidangkuasa Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI).

(d) Kerajaan tidak dapat memastikan jumlah Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang telah masuk ke negara ini semasa pendaftaran PATI sekarang. Ini kerana kemasukan mereka ke sini adalah secara tidak teratur. Walau bagaimanapun, kawalan sepanjang pantai untuk mencegah kemasukan mereka telah dipertingkatkan.

WAWANCARA DENGAN SHAMSIAH FAKIH DI CHINA

52. Tuan Wong Win On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Dewan Masyarakat tidak dibenarkan untuk menyiarkan rencana Wawancara Eksklusif Bersama Shamsiah Fakhir, walaupun wartawan-wartawan Dewan Masyarakat telah diberi kebenaran untuk berjumpa Shamsiah Fakhir di Changsa, Hunan, Republik Rakyat China dan membuat wawancara itu sebelum itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seorang wartawan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dikeluarkan visa pelancong oleh Kedutaan Republik Rakyat China untuk melawat negara tersebut. Walau bagaimanapun, wartawan tersebut telah menyalahi syarat-syarat visa tersebut dengan mengadakan wawancara dengan Puan Shamsiah Fakhir merakamkan dalam pita video dan kaset.

Tindakan sedemikian adalah menyalahi peraturan-peraturan yang dikenakan oleh negara tersebut dan

pihak berkuasa negara itu meminta supaya wawancara itu tidak disiarkan. Oleh itu demi menjaga hubungan baik antara negara kita dengan negara yang berkenaan maka rencana wawancara itu diminta tidak disiarkan.

ISA—JUMLAH TAHANAN

53. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai orang tahanan ISA yang masih ditahan pada hari ini mengikut kategori yang berbeza mengikut tafsiran Kerajaan sendiri;
- (b) berapa orang tahanan ISA yang telah dibebaskan pada tahun 1990, 1991 dan 1992;
- (c) berapa orang tahanan ISA yang telah dibebaskan secara bersyarat;
- (d) mengapakah syarat-syarat masih dikenakan ke atas Encik Teo Leong Hock, yang telah dibebaskan lebih dari satu tahun dahulu selepas ditahan selama lebih daripada 12 tahun; dan
- (e) berapa ramaikah yang masih ditahan di bawah Peraturan Darurat 1969.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Seramai 149 orang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (AKDN) sehingga hari ini.
- (b) Jumlah orang tahanan yang telah dibebaskan pada tahun-tahun 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

Tahun 1990	40 orang
Tahun 1991	54 orang
Tahun 1992	17 orang
- (c) Jumlah orang tahanan yang telah dibebaskan secara bersyarat pada

tahun 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

Tahun 1990	29 orang
Tahun 1991	32 orang
Tahun 1992	14 orang

- (d) Perintah Sekatan berserta dengan syarat-syaratnya masih dikenakan ke atas tahanan Teo Leong Hock kerana untuk memastikan usaha-usaha pemulihan dapat dijalankan dengan licin dan berkesan sehingga beliau tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara apabila dibebaskan sepenuhnya kelak.
- (e) Seramai 114 orang masih ditahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

BERAS WANGI—DISKRIMINASI KEPADA PEMBORONG BUKAN BUMIPUTERA

54. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar terdapat diskriminasi dalam penjualan beras wangi kepada pemborong bukan bumi oleh Lembaga Padi Negara (LPN) seperti di Negeri Sembilan dan Melaka dan kalau ia sebabnya;
- (b) sama ada benar bahawa pemborong bukan bumi tersebut hanya boleh dibenarkan membeli beras wangi mengikut quota 1:1:2 (beras wangi : beras hancur : beras gred A2) manakala pemborong bumi dibenarkan membeli beras wangi mengikut quota 1:21 (beras wangi : beras gred A2);
- (c) adakah Yang Berhormat dari Rasah, Tuan Wong See Wah telah meminta sistem quota ini dihapuskan dan satu sistem yang sama dilaksanakan dan kalau ia apakah keputusannya; dan

- (d) jumlah beras wangi, hancur dan gred A2 yang dijual setiap tahun.

Dato' S. Subramanian:

- (a) Penjualan beras oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) adalah kepada semua pemborong-pemborong beras berlesen. Tidak ada diskriminasi dalam penjualan beras wangi kepada pemborong bukan bumiputera oleh LPN di Negeri Sembilan dan Melaka.
- (b) LPN Negeri Sembilan dan Melaka pernah melaksanakan quota tersebut bagi menjual beras-beras yang berkenaan yang

jumlahnya terhad. Walau bagaimanapun, pada masa ini quota-quota berkenaan telah tiada lagi.

- (c) LPN pernah menerima teguran-teguran dari Yang Berhormat dari Rasah, Tuan Wong See Wah yang meminta sistem quota dihapuskan dan satu sistem yang selaras dilaksanakan. Akan tetapi oleh kerana sistem ini adalah dilaksanakan mengikut keadaan jualan beras dan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam perniagaan, maka sistem tersebut dilaksanakan juga.
- (d) Jumlah beras wangi, hancur dan gred A2 yang dijual setiap tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Beras Wangi</i>	<i>Beras Hancur</i>	<i>Beras Gred A2</i>
1989	15,178.76	38,781.38	76,951.54
1990	24,735.38	39,339.64	128,547.03
1991	29,925.97	42,329.14	192,314.47
1992 (sehingga bulan Februari)	8,677.90	6,857.53	33,926.62

**MAHKAMAH DIVISIONAL—
PENUBUHAN**

55. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia menubuhkan Mahkamah Divisional Mahkamah Tinggi untuk mendengar rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi. Kalau tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pihak Kementerian sedang menunggu laporan mengenai butir-butir cadangan penubuhan Mahkamah Divisional ini, sebuah Mahkamah Rayuan, daripada pihak Badan Kehakiman.

**BAYARAN PERKHIDMATAN
DAN BORANG KERAJAAN
DIKENAKAN CAJ**

56. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kesan-kesan positif dan negatif berikutan dari pengenalan dasar baru Kerajaan supaya Jabatan-jabatan Kerajaan diminta mencari punca-punca pendapatan sendiri;
- (b) tidakkah dasar ini akan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah; dan
- (c) berapakah wang yang telah dapat dijimatkan setelah dasar baru ini dilaksanakan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/1991 mengenai garis-panduan penetapan kadar bayaran (caj) perkhidmatan dan borang Kerajaan telah diedarkan pada akhir Disember 1991. Setakat ini Kementerian-kementerian telahpun mengenal-pasti sejumlah 1,116 jenis borang dan 241 jenis perkhidmatan yang masih diberikan secara percuma. Sejak surat pekeling diedarkan, hanya Jabatan Imigresen yang telah mengenakan caj ke atas tujuh (7) jenis borang dengan harga \$1.00 setiap satu set.

Berikutan pelaksanaan dasar tersebut Kerajaan telah berjaya menyemaikan sikap bertanggungjawab dan sikap tidak membazir di kalangan orang ramai terutamanya pengguna borang-borang yang dahulunya telah diberikan secara percuma di samping dapat mengutip sedikit hasil. Kerajaan tidak mendapati apa-apa kesan negatif setakat ini.

- (b) Dasar ini tidak akan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah kerana peraturan yang dibuat menetapkan bahawa mereka boleh diberi pengecualian bayaran jika benar tidak mampu membayarnya. Borang-borang yang dikenakan caj oleh Jabatan Imigresen pada lazimnya tidak digunakan oleh golongan miskin.
- (c) Pada masa ini adalah terlalu awal untuk menganggarkan jumlah wang yang dapat dijimatkan memandangkan jabatan-jabatan masih membuat kajian ke atas jenis-jenis borang dan perkhidmatan Kerajaan yang wajar dikenakan bayaran. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada contoh kos cetak Jabatan Imigresen, bolehlah dijangkakan

bahawa Kerajaan akan dapat menjimatkan kos mencetak borang-borang Kerajaan kerana harga jualan borang-borang tersebut telah meliputi kos percetakan dan pengedaran.

**JALAN PETALING—
PEMBANGUNAN SEMULA**

57. **Tuan Wee Choo Keong** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan atau projek-projek buat masa hadapan untuk membangunkan semula Jalan Petaling melalui UDA atau ejen-ejen Kerajaan yang lain atau syarikat usahasama Kerajaan.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Pihak UDA memang ada mengambilalih beberapa keping tanah di sekitar Jalan Petaling untuk tujuan pembangunan semula selaras dengan konsep pembaharuan dan pengkalan seni bandar. Tetapi setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) belum ada lagi rancangan yang spesifik untuk membangunkan semula kawasan tersebut.

**KESESAKAN LALULINTAS
DI KUALA LUMPUR**

58. **Dr V. David** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa Kuala Lumpur alami masalah kesesakan lalulintas di merata sebaik-baik sahaja selepas hujan lebat walaupun sekejap atau berlakunya kemalangan kecil;
- (b) adakah benar sebab-sebab atas keadaan seperti ini ialah sistem pengaliran yang kurang memuaskan, dan juga kekurangan bahu jalan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah berterusan ini di Kuala Lumpur.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa kesesakan lalulintas berlaku di beberapa jalanraya di Kuala Lumpur selepas hujan lebat atau berlakunya kemalangan kecil.
- (b) Beberapa sebab yang telah mengakibatkan kesesakan lalulintas selepas hujan lebat adalah seperti berikut:
- (i) banjir kilat yang disebabkan oleh longkang yang tersumbat.
 - (ii) jalan dirintang oleh pokok-pokok yang tumbang.
 - (iii) lampu-lampu isyarat lalulintas terganggu disebabkan oleh kilat yang kuat.
Sebab utama yang mengakibatkan kesesakan selepas kemalangan kecil ialah para pemandu yang terlibat dalam kemalangan membiarkan kenderaan-kenderaan di tengah-tengah jalan untuk mengadakan perbincangan di antara mereka. Di samping itu juga pemandu kenderaan yang melalui kawasan kemalangan tersebut akan memperlahankan kenderaan mereka dan ini melambatkan pengaliran lalulintas.
- (c) Langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah tersebut adalah seperti berikut:
- (i) mempertingkatkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan longkang-longkang supaya ia tidak tersumbat oleh sampah atau kelodak yang mengakibatkan banjir kilat.

(ii) membina dan mem-pertingkatkan sistem perparitan yang lebih berkesan.

(iii) dalam musim hujan, anggota-anggota polis trafik ronda motosikal diperalatkan dengan kapak kecil untuk memotong dan mengeluarkan pokok-pokok tumbang di atas jalan.

SEKTOR PERTANIAN DALAM WAWASAN 2020

59. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pertanian menyatakan tentang:

- (a) apakah peranan serta sumbangan yang akan dimainkan oleh sektor pertanian memandangkan bahawa penekanan di dalam Wawasan 2020 ialah kepada sektor perindustrian dan pembuatan; dan
- (b) bagaimanakah perubahan di dalam penekanan ini akan memberi kesan kepada pembangunan pekebun-pekebun kecil yang masih mengalami produktiviti yang rendah dan bergantung kepada subsidi Kerajaan.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Walaupun penekanan di dalam Wawasan 2020 ialah kepada sektor perindustrian dan pembuatan, Kerajaan telah juga merangka dasar-dasar dan strategi-strategi jangka panjang bagi membangunkan sektor pertanian ke arah pembangunan ekonomi yang seimbang.

Pembangunan ekonomi yang seimbang memerlukan semua sektor bergerak cergas secara saling melengkapi di mana sektor

pertanian memainkan peranan sebagai pembekal bahan-bahan mentah, makanan dan gunatena yang diperlukan oleh sektor-sektor lain. Akhir-akhir ini sektor pertanian juga turut memainkan peranan dalam perkembangan sektor perkhidmatan seperti pelancongan dan rekreasi. Dengan itu telah timbul satu keperluan bagi sektor pertanian diintegrasikan dengan pembangunan ekonomi keseluruhannya bagi mewujudkan satu sistem ekonomi yang efisien dan dinamis.

Sektor pertanian di dalam konteks Wawasan 2020 tidak lagi dilihat dari sudut tradisional sebagai pengeluar bahan-bahan mentah dan makanan sahaja. Ianya sedang menuju transformasi melalui proses domenisasi dari segi penggunaan jentera-jentera dan teknik-teknik penanaman, pengangkutan, pemasaran, pembungkusan dan peningkatan dalam pemprosesan. Secara tidak langsung, sektor pertanian juga sedang menuju ke arah industrialisasi khususnya dari segi pembangunan industri hiliran.

- (b) Penekanan kepada pembangunan sektor perindustrian dan pembuatan dengan mengabaikan sektor pertanian pasti akan mengakibatkan pembangunan yang tidak seimbang. Dalam hubungan ini, Dasar Pembangunan Negara jelas menetapkan dasar yang menghala kepada pembangunan yang seimbang di antara sektor.

Untuk memastikan sektor pertanian, terutama sektor pekebun-pekebun kecil, petani-petani, penternak dan nelayan tidak terus ketinggalan oleh arus perkembangan ekonomi, beberapa strategi sedang dirumus

untuk dimuatkan dalam Dasar Pertanian Negara yang baru, bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan para petani. Di antara strategi-strategi tersebut ialah:

- (i) memperluaskan amalan perladangan secara estetik mini dan ladang berkelompok;
- (ii) menggalakkan penanaman tanaman-tanaman bernilai tinggi;
- (iii) menggalakkan penanaman semula dan tanaman-tanaman baru menggunakan klon-klon berhasil tinggi dengan berbagai khidmat sokongan dan input-input;
- (iv) menggalakkan penggunaan jentera dan teknik-teknik pengurusan yang cekap bagi mengurangkan kos pengeluaran; dan
- (v) menggalakkan aktiviti pemprosesan dalam sistem pengeluaran yang bersepadu.

Dengan strategi-strategi di atas dan langkah-langkah lain terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang sedang disusun adalah dijangka produktiviti pekebun-pekebun kecil akan terus meningkat dan Kerajaan yakin akan dapat mengurangkan jurang pendapatan di antara sektor pertanian dan sektor pembuatan. Dengan menggalakkan aktiviti-aktiviti pertanian secara komersial dan berorientasikan pasaran, para

petani akan dilatih membentuk sikap berdikari dan kurang bergantung kepada subsidi.

PUSAT TUISYEN/SEKOLAH SWASTA—BILANGAN

60. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) nyatakan bilangan pusat-pusat tuisyen dan sekolah-sekolah swasta yang terdapat di seluruh negara;
- (b) apakah Kementerian Pendidikan menyedari tentang pertumbuhan pusat-pusat tuisyen dan sekolah-sekolah persendirian yang diragui kualitinya;
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengawal kualiti pengajaran serta kurikulumnya; dan
- (d) apakah Kerajaan dapat memastikan bahawa semua sekolah-sekolah swasta tersebut selamat untuk diduduki seperti mendapat kelulusan Jabatan Bomba dan pihak berkuasa tempatan.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 651 buah pusat tuisyen di seluruh negara dan bilangan sekolah swasta keseluruhannya pula adalah sebanyak 1,184 buah.
- (b) Kementerian Pendidikan menyedari bahawa terdapat beberapa pusat tuisyen dan sekolah swasta yang diragui kualitinya. Namun begitu Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengawal pertumbuhan dan kualitinya.

(c) Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengawal kualiti pengajaran serta kurikulum adalah:

- (i) sebelum sekolah-sekolah berkenaan ditubuhkan Kementerian Pendidikan memastikan sekolah berkenaan mempunyai kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar yang berkelayakan, ber-sesuaian dan mencukupi.
- (ii) sebelum permit mengajar dikeluarkan kepada guru-guru yang bertugas di sekolah swasta kelulusan dan pengalaman guru-guru tersebut disemak untuk menentukan kesesuaian mereka mengajar di sekolah swasta.
- (iii) lawatan-lawatan pemeriksaan dilakukan dari masa ke semasa ke sekolah berkenaan bagi menentukan pengajaran berkualiti disampaikan dan kurikulumnya adalah selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan.
- (iv) lawatan-lawatan pemeriksaan dilakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah bagi mengawal kualiti pengajaran di sekolah tersebut.
- (d) Sesebuah sekolah swasta hanya diberi kelulusan untuk beroperasi dan didaftarkan setelah Pendaftar Sekolah Negeri berpuashati bahawa bangunan/premis yang digunakan adalah sesuai dan selamat. Pandangan dan kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan seperti Majlis Tempatan, Jabatan Bomba dan

Jabatan Kesihatan mengenai penggunaan bangunan yang dicadangkan perlu diperolehi sebelum sekolah didaftarkan.

CARIGALI MINYAK DI PANTAI PERAIRAN KELANTAN

61. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan paling akhir tentang usaha mencarigali minyak dan gas di pantai perairan Kelantan;
- (b) sila nyatakan kuantitinya dan bilakah agaknya hasilnya dapat dikeluarkan; dan
- (c) adakah benar bahawa pihak berkuasa Thailand sudahpun memulakan pengeluarannya dari kawasan yang bersebelahan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini usaha-usaha mencarigali minyak di luar pantai perairan negeri Kelantan belum lagi menemui sumber gas dan minyak yang komersial.
- (b) Memandangkan masih belum ada penemuan sumber minyak dan gas yang komersial, tidak timbul persoalan bilakah hasil tersebut dapat dikeluarkan.
- (c) Kenyataan bahawa pihak berkuasa Thailand sudahpun memulakan pengeluaran dari kawasan bersebelahan adalah tidak benar. Ini adalah kerana kawasan bersebelahan perairan Kelantan adalah kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand dan setakat ini belum ada sebarang aktiviti yang dijalankan di kawasan tersebut.

PERUNTUKAN PROJEK KECIL UNTUK KAWASAN PARLIMEN

62. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa perbelanjaan bagi telefon tangan Yang Berhormat Puan Lim Lay Hoon, Ahli Parlimen Padang Serai yang bernombor 010-405156 berharga \$5,900.00 jenis ATM Panasonic EB/KJ 3610 dan mesin Fax beliau berharga \$1,900.00 jenis Panasonic Fax UP/12 adalah datang dari peruntukan projek-projek kecil bagi Kawasan Parlimen beliau. Jika ya, adakah perbuatan ini dianggap adil;
- (b) adakah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dibenarkan menggunakan peruntukan ini untuk kegunaan-kegunaan pejabat dan rumah mereka; dan
- (c) adakah sebarang projek yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen dari pihak Pembangkang dapat diluluskan. Jika ya, sila beri satu dua contoh, jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):

- (a) Kerajaan tidak memperuntukkan sebarang peruntukan khusus bagi setiap kawasan Parlimen. Apa yang berlaku ialah Wakil-wakil Rakyat boleh mengemukakan cadangan projek-projek pembangunan untuk dilaksanakan di kawasan masing-masing kepada Pejabat Daerah di mana kemudiannya akan mengemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan untuk dipertimbangkan. Permohonan-permohonan ini akan diberi pertimbangan berdasarkan keutamaan dan keperluan

penduduk setempat dan menentukan ianya memberikan faedah yang maksima kepada kumpulan-kumpulan sasaran terutama penduduk di kawasan luar bandar. Berdasarkan ini jelaslah tidak ada pembelian telefon tangan dan mesin fax yang dibuat dengan menggunakan peruntukan Kawasan Parlimen seperti didakwa kerana peruntukan tersebut tidak pernah wujud.

- (b) Projek-projek kecil yang dilaksanakan adalah merupakan projek-projek kecil infrastruktur yang memberikan kemudahan kepada rakyat setempat. Dakwaan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menggunakan peruntukan projek-projek ini untuk kegunaan pejabat dan rumah mereka adalah tidak benar.
- (c) Projek-projek kecil pembangunan dilaksanakan oleh Kerajaan meliputi projek-projek infrastruktur kecil ke seluruh negara. Perancangan pembangunan dan pelaksanaan projek-projek ini adalah bertujuan memberikan kemudahan kepada rakyat setempat untuk menikmati erti pembangunan yang sebenarnya. Oleh itu tidaklah benar Kerajaan Pemerintah menghadkan pembangunan hanya bagi kawasan-kawasan yang dikuasai oleh parti pemerintah sahaja. Pelaksanaan Rancangan Pembangunan 5 Tahun termasuk pelaksanaan projek-projek kecil ini dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan keutamaan setempat. Kerajaan akan meneruskan rancangan ini sehinggalah semua kemudahan-kemudahan infrastruktur terutama di kawasan-kawasan luar bandar terlaksana sepenuhnya.

IJAZAH DARI UNIVERSITI TAIWAN DAN INDIA/ PEPERIKSAAN GABUNGAN— PENGIKTIRAFAN

63. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab mengapa pihak Kerajaan enggan mengiktiraf ijazah dari negeri Taiwan dan India serta Peperiksaan Gabungan Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian (Unified Examinations) anjuran Lembaga Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian;
- (b) sama ada pihak Kerajaan akan menentang sebarang usaha Kolej Tuanku Abdul Rahman (KTAR) mengiktiraf dan menerima sijil Unified Examinations sebagai syarat kelayakan masuk KTAR dengan menarik balik pengiktirafan Kerajaan ke atas Diploma dan Ijazah KTAR dan bantuan kewangan; dan
- (c) kalau ia apakah sebabnya.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Kerajaan mengiktiraf ijazah atau kelayakan universiti/institusi pengajian tinggi negeri-negeri tertentu adalah untuk tujuan lantikan ke jawatan-jawatan yang bersesuaian serta dinilai mengikut keperluannya dalam Perkhidmatan Awam. Buat masa ini belum terdapat keperluan untuk mengubah polisi ini. Perkara pengiktirafan ke atas Peperiksaan Gabungan (Unified Examinations) juga tidak berbangkit kerana tujuan sesuatu urusan pengiktirafan bukanlah untuk menilai kesesuaiannya bagi maksud kemasukan ke mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri.

- (b) Pihak KTAR mempunyai sebuah majlis yang tersendiri dan faham akan dasar-dasar Kerajaan mengenai tujuan sesuatu urusan pengiktirafan ijazah atau kelayakan seperti yang dijelaskan dalam jawapan kepada soalan (a) di atas. Oleh itu tidaklah timbul persoalan mengenai pendirian Kerajaan dalam hal-hal yang jelas seperti ini.
- (c) Tidak berbangkit.

SPESIFIKASI JALANRAYA BERMUTU DI SARAWAK

64. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah spesifikasi yang ditetapkan dalam pembinaan jalanraya yang bermutu. Adakah Menteri Kerja Raya sedar jalanraya yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya di bandar Marudi seperti jalan Kampung Cina, Kampung Narum, jalan Marudi ke Lubuk Nibong dan Marudi ke Kampung Perpindahan tidak bermutu dan penuh dengan lubang-lubang setelah baru seminggu diturap; dan
- (b) mengapa penurapan jalanraya ini sungguh nipis. Adakah Menteri Kerja Raya sedar pihak Jabatan Kerja Raya Marudi kekurangan peralatan bagi pembinaan dan pemeliharaan jalanraya. Apakah tindakan jangkamasa pendek dan panjang yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, spesifikasi jalan yang bermutu di Sarawak ialah seperti berikut: lebar jalan 6.7 meter 2 hala 'single carriageway' dengan

permukaan jalan 'asphaltic concrete wearing course' setebal 100 millimeter. Spesifikasi jalan ini adalah untuk jalanraya utama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Kerja Raya memang sedar akan keadaan jalan di bandar Marudi. Jalan Kampung Cina dibina oleh Majlis Tempatan dan Jalan Kampung Narum serta Jalan Perpindahan dibina oleh JKR. Taraf jalan ini diklasifikasikan sebagai jalan kampung. Lubang-lubang di atas jalanraya Marudi ke Lubuk Nibong telah diperbaiki dan diturap oleh JKR.

- (b) Permukaan jalanraya di Marudi adalah nipis kerana pihak JKR Sarawak menggunakan "surface dressing" dan Menteri Kerja Raya memang sedar pihak JKR kekurangan peralatan bagi pembinaan dan pemeliharaan jalanraya. Masalah ini tidak dapat diatasi pada masa sekarang kerana kekurangan tenaga di JKR Marudi dan juga tiada sebarang jentera asfal konkrit (asphaltic concrete plant) di Marudi.

JALANRAYA DARI LONG LAPOK KE LONG LAMA, SARAWAK— PEMBINAAN

65. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan dan penurapan jalanraya dari Lapok ke Long Lama dijangka siap. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk projek ini;
- (b) adakah Kementerian ini mempunyai cadangan membina jalanraya untuk menghubungkan tujuh buah kampung di kawasan Tutoh-Apoh ke pekan Long Lama seperti yang dipohon oleh penduduk-penduduk di kawasan ini. Jika ya, berapakah jumlah

peruntukan yang disediakan untuk tujuan ini. Jika tidak, mengapa; dan

- (c) bilakah pembinaan jalanraya Miri-Marudi yang baru direntis akan dimulakan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jalanraya dari Jambatan Batang Tinjar di Long Lapok ke Long Lama adalah sebahagian daripada projek Jalan Beluru/Long Teru/Long Lama/Ng Medamit. Pada masa ini, kajian rekabentuk dan ukur sedang dijalankan. Peruntukan RM6 yang diluluskan ialah sebanyak \$50 juta.
- (b) Pada masa sekarang tiada sebarang cadangan untuk membina jalanraya yang menghubungi tujuh buah kampung di kawasan Tutoh-Apoh ke pekan Long Lama. Pihak Kerajaan sedar tentang keperluan jalan di kawasan tersebut tetapi keutamaan diberi kepada jalan raya besar. Walau bagaimanapun, Kerajaan negeri sedang berusaha membuat kajian tentang jalan-jalan kayu balak dengan tujuan mengambilalih jalan-jalan tersebut serta memperbaiki jalan balak ini untuk kegunaan orang awam. Perkara ini masih dalam kajian peringkat awal dan keputusan belum diambil.
- (c) Jalan raya Miri ke Marudi adalah di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja ukur dan rekabentuk awal telah siap dan pembinaan jalan ini hanya boleh dimulakan jika peruntukan mencukupi.

**USUL MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT
18**

**SIDANG DEWAN UNDANGAN
NEGERI KELANTAN—
SUBJUDICE**

3.36 ptg

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa di bawah Peraturan-Peraturan 18 Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dengan ini saya mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi tujuan merunding satu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul saya adalah seperti berikut:

Bahawa Dewan ini mengizinkan kepada Ahli dari Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan di bawah Peraturan-peraturan 18 Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu Dewan yang mulia ini melahirkan rasa dukacita dan kesal terhadap perilaku Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Kelantan kerana mengizinkan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan seperti ADUN Tendong, Yang Berhormat Zainuddin Mohd. Nor, ADUN Pengkalan Pasir, Yang Berhormat Haji Hassan Abdullah dan lain-lain Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan kerana mengeluarkan kata-kata menghina mahkamah dan kehakiman dalam Sidang Dewan Undangan Negeri yang sebelum ini melanggar perintah injunction mahkamah. Perilaku ini

adalah jelas melanggar proses undang-undang dan Perlembagaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan atas alasan-alasan berikut:

- (1) Adalah didapati bahawa Dewan Undangan Negeri Kelantan dan ahli-ahlinya yang mewakili PAS, Semangat 46, BERJASA dan HAMIM telah bertindak berkali-kali untuk menentang, mencabar, mencaci dan menghina mahkamah atau kehakiman. Sikap dan tindakan yang tidak bertanggungjawab ini begitu jelas terbukti di dalam peristiwa-peristiwa berikut:

Walaupun mengikut Peruntukan 14 (7) Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Kelantan sebarang perkara dalam pertimbangan mahkamah subjudice tidak boleh dibincang tetapi Dewan Undangan Negeri Kelantan yang bersidang pada 3hb Julai 1991 telah membincang dan meluluskan satu Usul untuk mengosongkan kerusi-kerusi dan memecat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan Sungai Pinang, Tumpat—Yang Berhormat Tuan Haji Nordin Salleh dan Yang Berhormat Haji Wan Mohamad Najib bin Wan Mohamad, Ahli Dewan Undangan Negeri Limbongan, Pasir Puteh sedangkan pada waktu perkara berkaitan masih lagi dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan satu tegahan (injunction) telah dikeluarkan oleh mahkamah yang mana melarang perkara tersebut dibincang sebelum ianya diputuskan oleh mahkamah.

Persidangan kali yang ketiga Belanjawan tempoh Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kelantan Kelapan yang bersidang pada 16hb—21hb November, 1991 telah menjemput

Tuan Haji Mahmud bin Haji Yaakob dan Tuan Haji Samad Mohamad untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam persidangan tersebut sedangkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengeluarkan satu tegahan (injunction) No. 1-22-13-91 melarang mereka daripada menghadiri dan mengambil sebarang bahagian dalam sebarang Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan selagi kes mengenai kesahihan mereka sebagai Ahli Dewan belum diputuskan oleh mahkamah. Report Polis telah dibuat oleh seorang pengundi bagi DUN Sungai Pinang pada 18.11.1991 dan No. Reportnya ialah 6098/91 di Balai Polis Kota Bharu.

Persidangan kali pertama bagi tempoh tahun ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Kelapan yang bersidang pada 13.4.1992 telah meluluskan satu Usul tergegar untuk merujuk Yang Berhormat Tuan Haji Nordin bin Salleh, ADUN Sungai Pinang, Tumpat dan Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohamad Najib bin Haji Mohamad, ADUN Limbongan, Pasir Puteh kepada Jawatankuasa Terpilih Dewan Undangan Negeri Kelantan atas tuduhan mencemar dan menghina Dewan Undangan Negeri Kelantan kerana membawa kes pemecatan mereka ke mahkamah dan menipu dan membohongi rakyat kerana keluar dari parti Semangat 46 dan menggunakan simbol Semangat 46.

Usul berkenaan diluluskan dengan alasan-alasan tersebut walaupun Mahkamah Agong telah membuat keputusan bahawa pemecatan mereka sebagai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan tidak sah dan lagi pun mengikut Perkara 1(2) Perlembagaan Malaysia yang menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri atau Parlimen ialah Mahkamah Agong. Tetapi di dalam perbahasan Usul tersebut pula beberapa orang Ahli Dewan dari Parti Semangat 46 dan PAS telah menyatakan bahawa Mahkamah tidak boleh dipakai dan

menggunakan istilah wakil Mahkamah terhadap Yang Berhormat Haji Nordin Saleh, ADUN Sungai Pinang dan Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad, ADUN Limbongan, serta kata-kata dan istilah menghina dan diulangi pula di luar daripada Dewan Undangan Negeri, termasuk di dalam kempen pilihanraya kecil DUN Bukit Payung, Terengganu baru-baru ini. Pada mereka Mahkamah dan kehakiman amat jijik sekali. Dewan Undangan Negeri Kelantan telah meminda Perlembagaan Negeri secara tidak sah yang menyebabkan pemecatan dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri tidak sah dan seterusnya mengakibatkan dua pilihanraya kecil yang tidak sah dan mengorbankan dua orang yang terpilih secara tidak sah.

Semua ini telah terbukti menyusahkan banyak pihak termasuk Suruhanjaya Pilihanraya serta Kerajaan dan seluruh rakyat jelata dengan tidak terhingga. Akibat dari kesilapan yang sama itu, pindaan Perlembagaan yang tidak sah dan keengganan untuk mematuhi tegahan yang dibuat oleh Mahkamah telah menyebabkan dua orang yang dipilih secara tidak sah iaitu Haji Mahmud bin Haji Yaakub dan Haji Samad bin Mamat mengambil tempat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang sah iaitu Yang Berhormat Haji Nordin bin Saleh, ADUN Sungai Pinang, dan Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad, ADUN dari Limbongan untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam Persidangan Kali Ketiga Belanjawan bagi tempoh Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Kelantan yang Kelapan yang berlangsung pada 16hb hingga 21hb November, 1991.

Peristiwa ini telah menimbulkan satu keraguan yang mendalam terhadap kesahihan Persidangan berkenaan yang kebetulan pula merupakan persidangan belanjawan. Peristiwa ini tidak boleh diketepikan dengan peruntukan 44(2) Perlembagaan Negeri Kelantan, kerana

keadaan (circumstances) yang menjadi punca kepada peristiwa itu merupakan satu keadaan luar biasa dan tanpa precedent. Tafsiran biasa terhadap peruntukan 44(2) Perlembagaan Negeri Kelantan mungkin tidak menepati keadaan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap Usul ini dipertimbangkan untuk dibahaskan sesuai dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen Kelapan pada 27hb April, 1992 dengan bertitah, saya ulangi:

“Budaya kerja hendaklah mengikut tuntutan agama dan mestilah berlandaskan kepada kehendak undang-undang serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan”.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada pagi ini. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat pertama ialah bahawa perkara itu perkara tertentu. Syarat kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ini adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan (*Tepuk*) dengan kerana apa-

apa sahaja tindakan yang hendak di ambil di bawah mana-mana undang-undang atau mana-mana peraturan bersangkutan dengan apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu boleh dibuat pada bila-bila masa sahaja dan bukan dengan secara hendak disegerakan seperti yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan. Dengan yang demikian saya menolak Usul ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan. “(28hb April, 1992)

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong, sila sambung.

3.47 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh tentang kempen

Kerajaan untuk menangkis kempen anti kayu tropika. Malaysia harus mengakui bahawa dasar pembalakan dan pemusnahan hutan tropika merupakan isu Kerajaan yang dikecam hebat di kalangan pecinta-pecinta alam dalam negeri dan antarabangsa. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah berkata bahawa beliau akan mengetuai satu rombongan ke luar negeri untuk menangkis kempen anti kayu tropika Malaysia. Pihak berkuasa Malaysia harus menganggap bahawa adalah sama penting untuk meyakinkan rakyat Malaysia mengenai kontroversi pembalakan, sementara Malaysia memang betul dan harus mengingatkan negara Barat tentang kesalahan dan tanggungjawab mereka ke atas pemusnahan hutan mereka. Namun ini tidak memberi hak kepada Malaysia untuk menjalankan pembalakan secara sewenang-wenangnya serta memusnahkan hutan tropika kita.

Penggunaan Akta ISA (Ordinan Darurat) terhadap para pencinta serta aktivis-aktivis yang memperjuangkan hak terhadap tanah pusaka serta hak budaya mereka dengan menahan mereka tanpa had masa dan tanpa perbicaraan; pengecaman para aktivis-aktivis ini sebagai pengkhianat oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, sementara media massa diperalatkan dan ditapis untuk melenyapkan kes dan rasa prihatin mereka bukan sahaja merupakan pencabulan yang serius kepada hak-hak manusia di Malaysia tetapi juga merupakan satu pengakuan bahawa Kerajaan tidak mempunyai dasar pembalakan yang credible dan kukuh yang boleh mempertahankan diri dalam perbincangan penuh di negara ini. Kerajaan Malaysia telah bersalah kerana memberi misinformation dan disinformation, dengan izin, tentang keseluruhan isu perhutanan di Malaysia dan menggunakan halangan ke atas media massa di Malaysia untuk menyekat perbincangan yang penuh dan bebas dalam isu pembalakan di negara ini.

Umpamanya apabila melancarkan perayaan Hari Perhutanan Sedunia yang ke-21, di Hutan Simpan Bukit Nanas pada hari Ahad, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Malaysia akan berupaya untuk mencapai target sustainability pertubuhan International Tropical Timber Organisation (ITTO) lebih awal daripada tahun 2000.

Yang Berhormat Menteri malah berkata, saya quote: "Sarawak telah mengubah rancangannya dengan menyetujui kadar potongan tahunannya dalam harta hutan dan akhirnya yang membolehkan tercapainya sustainability menjelang akhir tahun 1993, 6 tahun terdahulu daripada target itu". Daripada kenyataan-kenyataan ini rakyat Malaysia memperolehi gambaran bahawa dasar pembalakan Kerajaan adalah lebih progresif daripada pengkritiknya yang paling hebat. Sebenarnya semua kenyataan ini adalah tidak benar dan mengawal kehutanan. Misalnya, ITTO tidak pernah mengesyorkan target sustainability untuk pembalakan di Sarawak bagi tahun 2000 dan Kerajaan Sarawak tidak mencapai target ITTO pada tahun 1993, iaitu 6 tahun terdahulu daripada target itu.

Kadar pembalakan pengeluaran Malaysia adalah cukup dan melampaui sustainability yang boleh dipelihara dan apa yang ITTO syorkan untuk Sarawak ialah bahawa ia harus mengurangkan pengeluaran balaknya kepada 9.2 juta meter padu setahun atau 9.2 million cubic metre bermula pada tahun 1990 dan bukan tahun 2000 dan berikutnya untuk memelihara pengeluaran sustainability. Jika tidak Sarawak akan menghadapi ketandusan kayu balak dalam tempoh 11 tahun. Apa yang akan tinggal hanyalah hutan yang telah ditebang atau 'cut-over forest' dan pada masa itu akan disusuli dengan pengurangan yang mendadak dalam pengeluaran pekerjaan dan hasil pendapatan sehingga hutan-hutan yang ditebang menjadi matang semula. Tetapi

semenjak tahun 1982 Sarawak telah secara konsisten menebang lebih daripada 10 juta cubic metre setahun dan mencapai 18.2 juta cubic metre pada tahun 1989 dan 15 juta cubic metre dalam tahun 1990.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Sarawak akan terus mengeluarkan 16 juta cubic metre pada 1995, 5 tahun selepas ITTO telah mengesyorkan bahawa Sarawak harus mengeluarkan kurang daripada 9.2 juta cubic metre.

Oleh yang demikian adalah amat tidak jujur dan tidak benar kepada pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk mendakwa bahawa Sarawak akan mencapai target sustainability ITTO, enam tahun lebih awal daripada tahun 2000. Apabila Kerajaan Sarawak telah mengenyepikan target sustainability ITTO selama enam tahun semenjak pengesyorannya yang awal, malah di Semenanjung Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kelima, lima negeri telah melampaui kuota pembalakan mereka di bawah Dasar Perhutanan Negara daripada 30% kepada 300% yang tidak mencerminkan peranan penyeliaan Kementerian Perusahaan Utama sebagai penyelia Dasar Perhutanan Negara.

Kerajaan berasa bangga dengan menyatakan Malaysia mempunyai sistem pengurusan hutan yang paling baik tetapi pembalakan rakus dan pembalakan secara haram memomokkan matlamat Dasar Perhutanan Negara yang bertujuan memastikan wujudnya sustainability dalam pengeluaran rizab-rizab hutan. Dalam tahun 1988 dan 1989 bilangan kes pembalakan secara haram di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada 164 kepada 302. Bagaimana pula dengan kes-kes pembalakan haram yang tidak dapat dikesan. Baru-baru ini prihatin tempatan telah meningkat terhadap pemusnahan secara besar-besaran hutan-hutan simpan di sekitar kawasan-kawasan

yang padat dengan penduduk seperti di Bukit Kiara di Kuala Lumpur di mana kehijauan tempat itu digantikan dengan resort-resort elite dan kelab-kelab golf yang melibatkan beratus-ratus ekar. Mengapakah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak menukarkan Bukit Kiara dan lokasinya yang begitu sesuai dan accessible kepada para wargakota Kuala Lumpur menjadi sebuah Taman Hutan Rekreasi untuk dinikmati oleh semua warganegara?

Pembangunan adalah juga penting berhubung dengan soal kontroversi pembalakan khususnya soal pembangunan untuk siapa. Atas sebab inilah parti DAP menyeru ditubuhkan satu lagi Suruhanjaya Siasatan Diraja. Kali ini untuk menyiasat aspek alam sekitar, sosio ekonomi dan pembangunan akibat pembalakan di Malaysia sebagai menjawab prihatin tempatan dan antarabangsa terhadap pemusnahan biological diversity di dalam hutan tropika Malaysia, kesannya ke atas perubahan iklim, pemusnahan cara hidup, hak tanah dan budaya orang-orang tribal, ketidakadilan dan rasuah sistem konsesi kayu balak yang menyebabkan penciptaan segelintir elit politik dan kunci-kunci mereka yang begitu kaya raya sedangkan rakyat jelata masih hidup dalam kemiskinan yang teruk.

Selepas beliau merasmikan Persidangan Ketua-ketua Menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan pembangunan yang kedua, pada hari Isnin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa Kerajaan akan memutuskan selepas Persidangan Menteri-menteri itu sama ada Malaysia harus memulaukan Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada bulan Jun berdasarkan sama ada negara-negara Barat komited untuk menjayakannya. Pertama kali Yang Amat Berhormat berucap tentang pemulauan Sidang Kemuncak Bumi adalah dalam bulan Ogos tahun lalu disebabkan dasar-dasar pembalakan

Malaysia dikecam hebat di kalangan antarabangsa. Sekiranya Malaysia memulaukan Sidang Kemuncak Bumi, apakah kemudiannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan supaya Malaysia menarik diri daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atas alasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah lemah dan tidak berkesan serta merupakan boneka negara-negara Barat dan seterusnya, atau dengan izin, "turn its back against the world and withdraw into our own shell".

Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu ke atas alam sekitar dan pembangunan di Brazil merupakan peluang terakhir dalam abad ini bagi kerajaan-kerajaan menghadapi ancaman alam sekitar dan skopnya telah meliputi seluruh dunia dan kesannya adalah amat buruk seperti kurangnya lapisan ozone, kepanasan bumi, perubahan iklim dan kehilangan kepelbagaian biological serta sebab serius yang menjejaskan alam sekitar khususnya ketidaksamaan yang kian meningkat antara negara-negara utara dan selatan dan di antara orang kaya dan orang-orang miskin di dalam negara masing-masing. Disebabkan Malaysia akan dikritik di Persidangan Rio, tidak bermakna kita harus memulaukannya kerana sekiranya inilah alasannya, maka tidak suatupun persidangan antarabangsa akan diadakan dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak akan diasaskan. Kita harus bersikap realistik tentang peranan dan sumbangan penting tetapi sederhana atau modest kita dalam hal ehwal antarabangsa. Ketidakhadiran kita dalam persidangan kemuncak Brazil tidak akan dirasai oleh negara-negara barat, sebaliknya kehadiran kita di Rio akan membantu negara-negara membangun dalam misi memberi tekanan ke atas negara-negara perindustrian menerima prinsip siapa mencemar harus bayar lebih atau, "who pollutes should pay most". Dan bertanggungjawab terhadap kos membersihkan alam sekitar dunia. Apa yang harus diputuskan oleh

Persidangan Ketua-ketua Menteri negara membangun mengenai alam sekitar dan pembangunan ialah supaya ketua-ketua kerajaan kesemua negara-negara membangun harus menghadiri sidang bumi ini untuk menunjukkan prihatin dan keseriusan Selatan dan mencabar ketua-ketua kerajaan negara-negara maju khususnya Presiden George Bush daripada Amerika Syarikat supaya membalas prihatin dan keseriusan ini dengan kehadiran penuh 100% ketua-ketua kerajaan dari Utara dan Selatan di persidangan Rio tersebut.

Pihak Urusetia UNCED telah menganggarkan bahawa negara-negara selatan memerlukan US\$125 billion setiap tahun untuk melaksanakan program tindakan Agenda 21. Sementara Setiausaha Agung UNCED, Maurice Strong telah berkata kira-kira US\$10 hingga US\$15 billion mungkin akan disalurkan sebagai permulaan bagi tujuan ini. Negara-negara membangun harus bersatu-padu untuk menuntut supaya negara-negara perindustrian seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Community Europe yang bertanggungjawab ke atas 8% greenhouse gases yang menyebabkan perubahan iklim harus memberi sumbangan permulaan di antara US\$10 ke US\$20 billion setiap masing-masing untuk menyediakan wang yang cukup, untuk menyelamatkan alam sekitar dunia untuk umat manusia. Parti DAP memberi sokongan penuh kepada seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya diadakan persamaan dan demokrasi yang lebih dalam perhubungan utara/selatan tetapi ingin kami mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada perenggan terakhir dalam Laporan Suruhanjaya Selatan yang diketuai oleh Julius Nyerere yang berjudul "The Challenge of The South", dan dengan izin, saya petik:

"In the final analysis, the South's plea for justice, equity and democracy in the global society cannot be

dissociated from its pursuit of these goals within its own societies. Commitment to democratic values, respect for fundamental rights—particularly the right to dissent—fair treatment for minorities, concern for the poor and underprivileged, probity in public life, willingness to settle disputes without recourse to war. All these cannot but influence world opinion and increase the South's chances of securing a New World Order."

Dengan semangat Laporan Suruhanjaya Selatan ini, saya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberi satu jaminan tepat bahawa tiada mana-mana undang-undang zalim dalam negara ini seperti ISA, Ordinan Darurat, Akta Polis, Akta Percetakan dan Penerbitan akan digunakan ke atas pencinta-pencinta alam sekitar serta aktivis-aktivis yang memperjuangkan hak-hak tanah dan budaya orang-orang tribal di negeri Sarawak. (*Tepuk*)

Kerajaan mesti sentiasa bersifat demokratik, dapat dihubung, accessible dan terus-terang dalam keputusan-keputusan yang menjejaskan alam sekitar, kesihatan, kebajikan dan kehidupan rakyat. Sehubungan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen dari Rasah dan Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar harus mengambil perhatian yang serius akan ketakutan, kekhuatiran 100,000 orang di kawasan Parlimen Rasah yang khuatir dan menentang penempatan kemudahan pengendalian dan penyingkiran buangan toksid kebangsaan di tempat penghunian mereka.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memberi kontrak berbilion-bilion ringgit untuk memajukan dan menjalankan kemudahan pengendalian dan penyingkiran buangan toksid kebangsaan yang pertama kepada

sebuah firma Denmark, I Kruger Engineering dan Cabang Korporat yang berhubungan dengan UMNO, United Engineering Malaysia (UEM) yang wujud di mana-mana. 14 tapak telah dipilih pada peringkat awal dan akhir sekali Bukit Nenas telah dipilih atau lebih tepat lagi Tapak SEA Tanah Merah di Negeri Sembilan. Tanah untuk tapak 70 hektar, kemudahan pengendalian dan penyingkiran buangan toksid pusat tersebut telahpun dibeku semenjak awal tahun lepas dan rakyat di kawasan sekeliling yang merangkumi kira-kira 20 kampung, kampung baru, estet amat khuatir akan kesan jangka panjang kepada kehidupan dan kesihatan mereka akibat pembinaan kemudahan tersebut yang akan menyimpan buangan toksid dari seluruh negara.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Industri membela babi di kawasan berdekatan Bukit Pelanduk dan Jimah adalah salah sebuah yang terbesar sekali di negara ini yang mempunyai 600,000 ekor babi dan mengeksport 20,000 ekor babi ke Singapura setiap bulan. Industri ini akan diancam serius oleh pembinaan kemudahan tersebut. Penduduk di kawasan tersebut juga khuatir akan pencemaran kepada air, udara, tumbuhan, tanaman, binatang peliharaan dan manusia.

Walaupun Ahli Parlimen kawasan tersebut tidak lain tidak bukan seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau telah enggan menggunakan kedudukan strategiknya di Jabatan Perdana Menteri untuk membantu pengundi-pengundi dengan memperolehi semua data dan maklumat yang ada bagi kegunaan Jawatankuasa menentang Pusat Buangan Toksid Penduduk-penduduk Bukit Nenas. Sebenarnya, beliau harus menjelaskan mengapakah beliau mengundi menyokong Pusat Buangan Toksid Bukit Nenas Kebangsaan apabila beliau berada di Majlis Exco Negeri Sembilan

sebelum Pilihanraya Umum 1990 tanpa memperolehi pandangan 100,000 orang penduduk yang akan terjejas oleh keputusan tersebut.

DAP menggesa semua pihak berkuasa Kerajaan memastikan bahawa alam sekitar, kesihatan dan kehidupan 100,000 orang penduduk di Bukit Nenas tidak akan dikorbankan untuk United Engineers Malaysia kerana perhubungannya dengan UMNO. Menteri-menteri dan Timbalan Menteri MCA akan berjasa kepada rakyat jika mereka menghabiskan lebih banyak masa untuk menjayakan tanggungjawab Kementerian mereka dan bukan sebaliknya merancang kempen propaganda pembohongan dan pemalsuan. (*Tepuk*) Sebagai contoh, Menteri Perumahan harus mengambil perhatian ke atas empat kegagalan besar beliau selaku Menteri Perumahan, iaitu:

- (1) Kegagalan besar Program Khas Rumah Kos Rendah atau PKRKR Kementerian Perumahan yang merancang membina 328,361 buah rumah kos rendah yang berharga kurang daripada \$25,000 daripada \$86,000 ke \$89,000.

Walaupun program tersebut telah dilanjutkan untuk 3 tahun lagi sehingga Jun tahun ini, sehingga setakat ini hanya 34% atau 112,677 unit telah disiapkan dengan meninggalkan sebanyak 215,712 unit;

- (2) Kementerian Perumahan sedang menghalu ke arah kegagalan yang ketiga dalam PKRKR walaupun ianya telah dilanjutkan untuk 3 tahun lagi sehingga 1995 pada penghujung Rancangan Malaysia Keenam dengan mengakibatkan satu program kilat perumahan kos rendah untuk 3 tahun menjadi satu kegagalan "slow motion" 9 tahun untuk perumahan kos rendah. Tidak ada jaminan bahawa lebih daripada sejuta

orang rakyat yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah semua kaum yang telah menunggu untuk ditempatkan di bawah PKRKR sejak tahun 1986 akan memperolehi rumah mereka pada penghujung lanjutan ketiga PKRKR pada tahun 1995;

- (3) Menteri Perumahan tidak mengetahui bahawa garis-panduan pinjaman baru Bank Negara kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk memperuntukkan pinjaman \$6 bilion bagi membeli rumah-rumah yang berharga \$100,000 dan ke bawah adalah langsung tidak berguna kepada PKRKR yang berharga kurang daripada \$25,000.

Saya masih menunggu jawapan daripada Menteri Perumahan dan Menteri Kewangan bahawa satu arahan harus dikeluarkan kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk memperuntukkan \$6 bilion lagi untuk memastikan kejayaan PKRKR menjelang tahun 1995; dan

- (4) Yang Berhormat Menteri Perumahan telah menjadi pejuang yang paling hebat untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa tetapi beliau langsung tidak melakukan apa-apa bagi memulakan satu program penempatan semula secara besar-besaran untuk membekalkan tempat tinggal alternatif kepada 500,000 rakyat yang akan kehilangan tempat tinggal apabila 39,000 buah rumah yang dibina sebelum perang tidak lagi terkawal selepas pemansuhan Akta Kawalan Sewa.

Presiden MCA, merangkap Menteri Pengangkutan, sentiasa bersalah, cuai dan lalai dalam tugas-tugas Kementerian beliau kerana penglibatan dalam politik

negatif MCA. (*Tepuk*) Baru-baru ini beliau tiba-tiba berani mencabar DAP sebanyak tiga kali dalam dua minggu untuk menubuhkan kolej DAP sendiri seperti Kolej Tunku Abdul Rahman MCA. Apabila saya menanya beliau dua soalan permulaan sebelum membalas cabaran beliau, beliau sekali lagi berundur dan berdiam diri. Dua soalan permulaan saya ialah:

- (1) Apabila MCA mencabar DAP untuk menubuhkan sebuah kolej, mengapa MCA tidak berani mencabar UMNO sebagai sebuah parti politik untuk menubuhkan sebuah kolej persendirian? (*Tepuk*)
- (2) Apabila sasaran MCA adalah mengutip \$20 juta daripada masyarakat Cina untuk Kolej Tunku Abdul Rahman, mengapa UMNO tidak perlu mengutip \$20 juta daripada masyarakat Melayu untuk sebuah kolej persendirian sedemikian?

Hari ini, saya ingin menanya MCA dan Presiden MCA satu soalan permulaan yang ketiga. Oleh kerana pemimpin-pemimpin MCA, bekas pemimpin-pemimpin MCA dan patron-patron MCA telah bertanggungjawab dalam skandal kewangan koperasi \$1.5 bilion dengan mengakibatkan kesengsaraan kepada 600,000 orang pendeposit-pendeposit dan berjuta-juta orang, bukankah pemimpin-pemimpin MCA, bekas pemimpin-pemimpin MCA dan patron-patron MCA harus mengutip \$20 juta daripada mereka sendiri sebagai tanda tebusan dosa mereka (*Tepuk*) yang telah mereka lakukan ke atas masyarakat Tionghua?

Semua orang mengetahui bahawa pemimpin-pemimpin MCA, bekas pemimpin-pemimpin MCA dan patron-patron MCA adalah kaya-raya. Sama ada mereka mufliis dari segi undang-undang atau tidak kerana orang ramai telah memberitahu saya bahawa golongan

mufliis di Malaysia adalah satu kelas yang istimewa kerana mereka bukan sahaja boleh menaiki kapalterbang ke semua destinasi di dunia malah mereka menaiki kelas pertama.

Saya akan menunggu jawapan daripada Presiden MCA kepada ketiga-tiga soalan permulaan ini apabila beliau kembali daripada Mauritius dan Afrika Selatan.

Satu isu yang hangat di kalangan masyarakat India ialah mengapakah mereka kehilangan \$60 juta akibat kegagalan Maika Holdings untuk membeli 9 juta saham STM yang ditawarkan kepada cabang pelaburan MIC pada September lalu. Pada 27hb. September, 1990, Kementerian Kewangan menawarkan satu peruntukan khas iaitu 10 juta saham Telekom Malaysia kepada Maika Holdings pada \$5 setiap satu saham. Ini adalah satu peruntukan khas dan tawaran khas, dan Maika Holdings telah bertindak dengan kecepatan yang luar biasa untuk tidak menerima tawaran tersebut tetapi menolak 9 juta daripada 10 juta saham yang ditawarkan dalam tempoh 24 jam. Apa yang luar biasa ialah bahawa Lembaga Pengarah Maika Holdings tidak pernah bermesyuarat. Mengikut laporan dan nyata sekali daripada kenyataan akhbar seorang Ahli Lembaga, D. P. Vijandran, Lembaga tersebut tidak pernah dimaklumkan tentang tawaran saham khas tersebut sebelum Pengarah Urusan Maika Holdings, Tan Sri Rama Iyer bertindak menolak tawaran 9 juta saham tersebut.

Saham Telekom telah diniaga pada \$11.80 pada penutup pasaran hari semalam yang bererti jika Maika Holdings telah menerima tawaran 9 juta saham pada \$5 setiap satu saham, Maika Holdings telah memperolehi keuntungan lebih daripada \$61 juta.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Sebaliknya setelah menolak tawaran tersebut, Maika Holdings dan masyarakat India telah kehilangan \$61 juta. Siapakah yang bertanggungjawab untuk kehilangan \$61 juta Maika Holdings kepada masyarakat India? Masyarakat India percaya bahawa 9 juta saham Telekom telah dirampas oleh beberapa orang individu dan telah mengaut keuntungan sebanyak \$61 juta dengan mengorbankan Maika Holdings dan masyarakat India menjadikan satu skandal saham Syarikat Telekom \$61 juta Maika Holdings yang sepuh. Adalah tidak memmeranjatkan bahawa keraguan terdapat pecah amanah dan ketidak-tanggungjawapan yang nyata dan kes ini adalah begitu kuat dan tersebar luas bukan sahaja dalam masyarakat India tetapi di kalangan orang awam Malaysia kerana keadaan yang menyelubungi penolakan 9 juta saham Telekom menunjukkan bahawa Pengarah Maika Holdings, Tan Sri Rama Iyer, dan Presiden MIC tidak bertindak dengan secara terbuka, jujur dan melampaui kepentingan diri, terusterang dan bertanggungjawab.

Soalan-soalan yang menunggu jawapan daripada apa yang keluar dalam suratkhbar termasuk:

- (1) mengapakah Lembaga Pengarah Maika tidak dimaklumkan dan dirunding sebelum tawaran khas \$9 juta saham Telekom ditolak;
- (2) apakah sebabnya untuk tindakan terburu-buru yang luar biasa oleh Pengarah Urusan Maika dan Presiden MIC dalam menolak \$9 juta saham Telekom dalam tempoh 24 jam selepas tawaran tersebut;
- (3) mengapakah tawaran khas \$10 juta saham Telekom tidak diumumkan dan ahli-ahli Maika Holdings tidak diberi peluang untuk membeli tawaran tersebut sekiranya Maika Holdings tidak mempunyai wang untuk membelinya;

- (4) bank-bank dan institusi-institusi kewangan manakah yang Pengarah Urusan Maika Holdings menemui untuk mendapatkan wang yang perlu untuk membeli tawaran khas \$10 juta saham Telekom dengan harga \$5 sesaham. Yang mana satu bank atau institusi kewangan yang tidak mahu membiayai pembelian saham-saham tersebut;
- (5) berapa mesyuaratkah Tan Sri Rama Iyer berjaya mengatur dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan dalam tempoh 24 jam untuk membolehkannya memutuskan bahawa Maika Holdings tidak mempunyai keupayaan untuk mendapat wang yang perlu untuk membeli saham-saham tersebut; dan
- (6) mengapakah Tan Sri Rama Iyer tidak menemui bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang lain sebelum menolak tawaran Kementerian Kewangan.

Presiden MIC dan Tan Sri Rama Iyer harus mengetahui bahawa ahli Maika Holdings serta masyarakat India mempertanggungjawabkan kepada kedua-dua mereka kerana kehilangan \$61 juta akibat kegagalan Maika Holdings untuk membeli \$9 juta saham Telekom dan persoalan-persoalan telah timbul mengenai kewibawaan dan akauntabiliti mereka. Demi kewibawaan dan akauntabiliti awam dan juga demi kepentingan masyarakat India, Presiden MIC dan Tan Sri Rama Iyer harus bersetuju ditubuhkan satu lembaga siasatan bebas ke dalam skandal \$61 juta saham Telekom Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah dapat lebih maklumat mengenai skandal saham Telekom Maika. Pada 5hb April 1992 Presiden MIC iaitu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah membuat satu kenyataan dalam Tamil Nesan

muka depan yang dikuasai oleh beliau sendiri yang berkata, dengan izin, saya baca terjemahan dalam bahasa Inggeris:

“Obviously it has been alleged that in the Telekom shares affair, Maika Holdings was offered 10 million shares. However, it has been alleged that it had offered only 1 million shares to Maika. On 27 September 1990 the Finance Ministry offered 10 million shares. But in a letter dated 28 September 1990 the Managing Director of Maika Holdings, Tan Sri Rama Iyer stated that due to his financial crisis, Maika Holdings will require only 1 million shares. Therefore on 6 October 1990, the Finance Ministry cancelled its earlier offer and offered the 1 million shares that Maika Holdings had requested. Copies of the supporting documents are hereby published.”

Dalam Tamil Nesan muka depan, surat-surat Tan Sri Rama Iyer bertarikh 28hb September 1990 dan surat tarik balik tawaran itu daripada Kementerian Kewangan bertarikh 6hb Oktober 1990 pun ada disiarkan. Kenapa Presiden MIC tidak mengeluarkan kesemua surat-surat mengenai tawaran saham-saham Telekom ini khasnya surat daripada Kementerian Kewangan yang asal yang memberi tawaran khas. Kenapa ini tidak diterbitkan?

Yang Berhormat Menteri dan Presiden MIC sudah memberi penjelasan dalam beberapa mesyuarat MIC bahawa oleh kerana Maika Holdings menghadapi masalah kewangan dan sebab itu tidaklah mampu untuk menerima tawaran 10 juta saham-saham Telekom. Adakah ini benar? Adakah ini benar bahawa Maika Holdings tidak boleh dapat financing dari mana-mana supaya boleh menerima tawaran 10 juta saham-saham Telekom.

Saya cabar Yang Berhormat Menteri dan Presiden MIC, saya cabar Tan Sri Rama Iyer menafikan bahawa pada 6hb Oktober 1990, Arab Malaysian Merchant Bank Berhad menghantar surat meluluskan pinjaman \$50 juta untuk menerima tawaran 10 juta saham Telekom. Surat itu dihantar pada 4hb Oktober 1990. (*Tepuk*) Ada financing tetapi tidak mahulah dan oleh kerana kelulusan permohonan Maika Holdings untuk financing yang dibuat pada 4hb Oktober 1990, Lembaga Pengarah Maika Holdings yang bermesyuarat pada 8hb Oktober membuat keputusan bahawa mahu menerima tawaran 10 juta saham Telekom. Sangat jelas skandal kewangan yang sangat besar adalah dalam kes ini. Apa yang menyentuh pecah amanah, percanggahan kepentingan dan ahli-ahli Maika Holdings, komuniti orang India, rakyat Malaysia adalah berhak untuk bertanya.

Siapakah yang hijack 9 juta saham Telekom? Siapakah yang membenarkan hijacking ini dibuat? Bukan sahaja Presiden MIC, bukan sahaja Tan Sri Rama Iyer, bukan sahaja MIC dan Maika Holdings tetapi Kementerian Kewangan pun memberi jawapan dan kenyataan dalam perkara ini oleh kerana ini diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Oleh kerana Presiden MIC, pada masa itu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos adalah lagi satu lapisan conflict of interest yang mungkin berlaku.

Oleh sebab itu saya menyeru Menteri Kewangan sendiri mengadakan satu siasatan umum kepada skandal saham Telekom Maika \$61 juta ini. Bukan sahaja untuk memastikan siapa sudah hijack 9 juta saham Telekom tetapi untuk menentukan sama ada Kementerian Kewangan ada bersubahat, aid and abate dalam satu transaction yang begitu, dengan izin, dishonest and dishonourable, yang sudah merampas dari komuniti India saham korporat bernilai \$61 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah melahirkan penghargaan Baginda di atas sumbangan pasukan keselamatan. Parti DAP menyeru Kerajaan menetapkan prinsip parti bagi semua gred dan pangkat polis dengan rakan sejawat mereka di dalam Angkatan Tentera dan Perkhidmatan Awam. Pihak polis dari semua pangkat berasa mereka tidak dihargai dan tidak menerima satu fair deal di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) kerana mereka tidak diberi persamaan dengan Angkatan Tentera dan Perkhidmatan Awam. Seorang Pesuruhjaya Polis yang tarafnya adalah sama dengan seorang Leftenan Jeneral yang berada dalam Kumpulan Tertinggi B tidak harus menerima elaun keraian dan perumahan yang kurang di bawah SSB.

Ketidakadilan yang sama wujud bagi Timbalan Pesuruhjaya Polis yang menerima elaun keraian dan perumahan yang kurang berbanding dengan rakan sejawatnya di lain-lain perkhidmatan seperti Mejar Jeneral dan mereka yang berada di dalam Kumpulan Tertinggi C.

Terdapat aduan walaupun ASP dan Penguasa Kastam mempunyai kelayakan kemasukan yang sama iaitu Ijazah Sarjana Muda, tahap tertinggi gaji seorang Penguasa Kastam ialah \$3,008 sementara gaji tertinggi ASP ialah \$2,250. Kesedaran ketidakadilan timbul apabila diambilkira kenyataan bahawa di bawah Akta Kastam, seorang pegawai polis adalah juga dianggap sebagai pegawai kastam dengan kuasa yang sama untuk pangkat yang setanding tetapi sebaliknya pula tidak kerana seorang pegawai kastam tidak pernah dianggap sebagai seorang pegawai polis di bawah Akta Polis.

Oleh yang demikian, aduan umum polis terhadap SSB ialah kerja orang kita buat, kita buat pula kerja kita sendiri, orang yang kita tolong dapat gaji lebih daripada kita. Inspektor Polis pula juga memperoleh gaji yang lebih rendah di

bawah SSB apabila berbanding dengan rakan sejawatnya Penolong Penguasa Kastam walaupun kedua-duanya mempunyai kelayakan kemasukan yang sama iaitu STP atau Diploma. Aduan yang sama juga timbul di seluruh pangkat polis hingga ke tahap sub-Inspektor, Sarjan, Korporal dan Konstabel Polis biasa. Umpamanya Sarjan yang merupakan tenaga kerja (workforce) utama dalam pasukan polis atau dalam perkataan polis, orang yang paling teruk bekerja segala apa juga undang-undang meletakkan tanggungjawab kepada Sarjan untuk memikul bukan sahaja tidak dapat berbanding dari segi gaji dengan Ketua Kerani tetapi juga kalah dengan Kerani.

DAP menyeru menyingkirkan kesedaran, perasaan tidak puas hati yang munasabah dalam Pasukan Polis, yang memusnahkan semangat morale polis dengan membentuk prinsip parity grade polis bersamaan dengan Angkatan Tentera dan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah begitu malang mendengari salah satu ucapan yang paling buas dan tidak masuk akal dalam mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Di-Raja semalam. Ahli Parlimen kawasan Kota Setar dalam ucapannya melibatkan semua aspek yang dibenci atau sekarang sudah menjadi suatu tabiat pemimpin-pemimpin UMNO, Ruler bashing, Bar Council bashing, lawyer bashing, DAP bashing, pencinta alam sekitar, pemimpin kesatuan pekerja, Ketua-ketua Pembangkang, mengapi-apikan suasana meminta penggunaan yang luas ISA, pelucutan kerakyatan dan penahanan yang berterusan.

Yang Berhormat dari Kota Setar menjadi begitu hysterical dan tidak waras, sehingga malah beliau mencadangkan bahawa rakyat di kawasan bandar tidak taat setia kepada negara, sementara hanya rakyat luar bandar sahajalah yang taat setia. Biar

saya menanya beliau apakah definisi beliau tentang kesetiaan, jika kesetiaan bagi beliau bermakna kesetiaan kepada Perdana Menteri dan Barisan Nasional, maka biar saya plead guilty. Saya plead guilty sedemikian, dan saya menambah bahawa majority besar rakyat di kawasan bandar, dan sebilangan besar rakyat di luar bandar juga tidak setia atau taat kepada Barisan Nasional, kecuali pemimpin-pemimpin UMNO seperti Yang Berhormat dari Kota Setar dan parasite-parasite politik seperti pemimpin-pemimpin, Ahli-ahli Parlimen MCA dan Gerakan. (*Tepuk*) Tetapi jika kesetiaan beliau bermaksud kesetiaan kepada negara, maka kesetiaan saya, kesetiaan pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen DAP, Majlis Peguam, peguam-peguam, pencinta alam sekitar, aktivis kesatuan sekerja dan rakyat di kawasan bandar tidak boleh dan tentu tidak patut disoalkan kerana kesetiaan saya dan kesetiaan mereka kepada Malaysia tidak kalah kepada sesiapa termasuk Yang Berhormat dari Kota Setar. (*Tepuk*)

Kerana kesetiaan unggul saya, supreme loyalty saya kepada Malaysia, saya telah bersedia untuk kehilangan kebebasan diri saya sebanyak dua kali untuk ditahan di bawah ISA, (*Tepuk*) untuk memperjuangkan idea-idea, demokrasi, kebebasan, keadilan, sebuah Kerajaan yang bersih dan jujur dan perpaduan negara dan disebabkan oleh kesetiaan unggul saya, saya bersedia untuk ditahan buat kali ketiga di bawah ISA oleh Kerajaan Barisan Nasional (*Tepuk*) kerana saya tidak bersedia untuk berkompromi kesetiaan saya kepada negara dengan menyokong semua dasar Kerajaan Malaysia yang tidak demokratik, tidak saksama dan tidak adil, tidak boleh kompromi loyalty kepada negara. (*Tepuk*) Jika kita hendak meragui kesetiaan, maka kesetiaan orang-orang seperti Yang Berhormat dari Kota Setar yang bersedia meletakkan kesetiaan kepada negara di bawah kesetiaan kepada pemimpin parti UMNO yang patut diragui.

Patriot-patriot Malaysia yang sebenar tidak akan berkompromi atau meletakkan kesetiaan mereka kepada negara di bawah kesetiaan mereka kepada parti atau pemimpin politik; jangan sesiapa pun meneruskan tindakan menakut-nakutkan Pembangkang atau rakyat Malaysia yang bersedia untuk mengambil pendirian terhadap Kerajaan Barisan Nasional dengan membantah dan mengkritik dasar-dasar dan tindakan-tindakan yang tidak adil, tidak saksama dan tidak demokratik.

Ucapan Yang Berhormat dari Kota Setar yang buas, yang keterlaluan adalah penting bukan kerana ianya dibuat oleh beliau, tetapi sama ada ia mewakili pemikiran dan sikap arus utama kepimpinan UMNO. Ini adalah kerana sebelum beliau terpilih sebagai Ahli Parlimen beliau telah menjawat satu jawatan yang penting dan sensitif, iaitu Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mana perhubungan dan pertaliannya dengan Perdana Menteri adalah diketahui umum. Soalannya ialah sama ada ucapan beliau mencerminkan pemikiran mutakhir pucuk pimpinan tertinggi UMNO seperti Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri.

Parti DAP ingin memberi amaran kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya jangan dan tidak menjerumuskan negara ini kepada satu krisis lagi dengan membinasakan lagi prinsip pemerintahan melalui undang-undang, satu pillar yang mustahak, kebebasan para peguam.

Kerajaan mesti menghormati kebebasan dan kewibawaan Majlis Peguam dan menahan nafsu daripada cubaan untuk mengambilalih Majlis Peguam dengan menggunakan majoritinya di Parlimen, untuk memperkenalkan undang-undang yang menjadikan Peguam Negara atau Menteri Undang-undang sebagai Ketua Majlis Peguam.

Dapatlah difahami bahawa Kerajaan dan Ketua Hakim Negara Tun Hamid merasa terhina apabila Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Peguam pada 14hb Mac menolak dengan undi majoriti yang sangat besar iaitu 809 undi berbanding dengan 52 undi, satu usul untuk membatalkan usul tidak yakinnya terhadap Tun Hamid pada tahun 1988. Tetapi penghinaan yang dirasai oleh Tun Hamid bukanlah disebabkan inisiatif Majlis Peguam atau Jawatankuasa Majlis Peguam, tetapi disebabkan oleh segelintir peguam-peguam Barisan Nasional yang mungkin dirancangan oleh Menteri Undang-undang dan Persatuan Peguam-peguam Muslim yang telah salah hitung peluang mereka dalam mencadang usul tersebut.

Arahan berkehendakkan peguam-peguam yang hadir di Mahkamah Agung mengisytiharkan sama ada mereka mengiktiraf Tun Hamid sebagai Ketua Hakim Negara adalah amat memalukan dan menghinakan jawatan Ketua Hakim Negara, menjadikannya bahan ketawa dunia kehakiman dan perundangan.

Mengiktirafkan perlantikan Tun Hamid sebagai Ketua Hakim Negara oleh Yang di-Pertuan Agong adalah amat berlainan daripada mempunyai keyakinan terhadapnya sebagai Ketua Kehakiman; dua isu yang berbeza. Apa yang Hakim-hakim, peguam-peguam dan semua mereka yang prihatin terhadap pentadbiran keadilan harus mengambil perhatian ialah kepertuan mendesak untuk memulihkan keyakinan tempatan dan antarabangsa, dan kebebasan kehakiman dan pemerintahan melalui Rules of Law yang telah tergoncang disebabkan krisis kehakiman tahun 1988.

Walaupun pemimpin-pemimpin UMNO telah mendakwa bahawa Raja-Raja telah menerima Draf Etika Perilaku yang dibentangkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO, saya menyeru supaya satu kenyataan yang jelas dikeluarkan

bagi menjelaskan sama ada benar atau tidak Raja-Raja Melayu telah menolak Draf Etika Perilaku yang diserahkan oleh UMNO dan telah memberikan cadangan mereka sendiri.

Pengecaman ke atas istana oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan cadangannya untuk mengadakan satu etika perilaku untuk Raja-Raja telah menimbulkan soalan yang asas, sama ada Raja-Raja hanyalah untuk UMNO dan orang-orang Melayu atau mereka adalah Raja-Raja untuk semua parti politik dan semua rakyat Malaysia semua kaum.

Pemimpin-pemimpin UMNO sedang bertindak dan berlagak seolah-olah Malaysia masih berada dalam tahun 1960an atau 1950an di mana Raja-Raja Melayu adalah dianggap khusus untuk orang-orang Melayu, dan bukan di tahun-tahun 1990an di mana Raja-Raja telah menjadi simbol perpaduan semua kaum di negara ini. (*Tepuk*) Bagaimanakah pucuk pimpinan Barisan Nasional boleh serius dengan Wawasan 2020 sedangkan mentality mereka masih berakar umbi lebih tahun-tahun 1940an, malah lebih kebelakang lagi? (*Ketawa*) Satu etika perilaku untuk pemimpin-pemimpin politik adalah lebih penting dan amat perlu dan mendesak kerana kita lihat begitu ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang mengkhutbahkan nilai-nilai moral sementara kehidupan peribadi mereka tidak bermoral; ini merupakan skandal negara. Semua pihak tahu, tidak perlu saya senaraikan, sama ada pergi antarabangsa Portugal atau di mana. Ramai pemimpin Barisan Nasional yang kita tahu bercakap tentang integriti apabila mereka sendiri tidak mempunyai political probity. Dan begitu ramai Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri melaung-laungkan tentang kelakuan yang baik sedangkan mereka tidak berasa kesal sedikit pun untuk cakap bohong, dusta, fitnah khasnya pemimpin-pemimpin MCA. DAP akan memberi sokongan penuh

kepada penggubalan sebuah etika perilaku untuk pemimpin-pemimpin politik.

Malaysia akan merayakan Hari Pekerja May Day dalam masa dua hari lagi. Adalah penting bahawa hari pekerja dirayakan di Malaysia dengan cara yang bermakna dan bukan hanya dari segi rupa sahaja. Terdapat banyak negara di mana Kerajaannya merayakan pekerja, tetapi menindas hak asasi para pekerja. Malaysia tidak harus melakukan perkara yang sama. Malaysia akan merayakan hari pekerja tahun 1992 dengan satu masalah ialah mengenai usul untuk menggantungkannya daripada International Labour Organisation. Ini memalukan rekod pekerja Kerajaan Malaysia. Dan ia tidak harus mencari scapegoat atau alasan untuk mengalihkan penumpuan daripada kegagalannya untuk mematuhi standard dan amalan pekerja antarabangsa.

Parti DAP membantah pengantungan, tidak bersetuju dengan pengantungan Malaysia daripada International Labour Organisation. Tetapi Parti DAP menggesa Kerajaan memberikan makna kepada Hari Pekerja 1992 tahun ini, dengan Menteri Sumber Manusia mengumumkan dasar baru Kerajaan membenarkan penubuhan sebuah kesatuan sekerja untuk pekerja-pekerja elektronik di negara ini. Menteri Sumber Manusia harus menghentikan usahanya untuk melemahkan kongres MTUC di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa dan menghormati penuh perhubungan MTUC sebagai wakil kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja Malaysia demi membentuk partnership tripartite yang perlu untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak pengumuman Wawasan 2020 mengenai satu bangsa Malaysia terdapat satu pakatan atau Conspiracy of Silence untuk menutupi isu-isu fundamental dalam negara ini, umpama atas soal perpaduan negara. Ketersediaan Kerajaan

pada awal 1980an untuk mengakui kegagalan usaha perpaduan negara dan kewujudan dua masalah besar iaitu polarisasi kaum dan polarisasi agama di kalangan rakyat telahpun diganti dengan perasaan amat berpuas hati atau complacency malah menafikan polirasi kaum dan rakyat adalah masalah serius negara ini.

Apabila pemimpin-pemimpin Kerajaan tidak bersedia untuk mengakui masalah-masalah asasi dalam pembinaan negara tetapi sebaliknya cuba menutup semua masalah-masalah ini atau, dengan izin, sweep them under the carpet, negara ini adalah sedang menuju ke arah bahaya kerana masalah-masalah fundamental tidak diselesai tetapi diruncingkan lagi. Apakah kita benar-benar percaya bahawa polarisasi kaum dan agama tidak lagi menjadi masalah di Malaysia pada tahun-tahun 1990an atau masalah ini telah menjadi lebih runcing berbanding dengan tahun-tahun 1970an?

Pada bulan lepas, satu seminar perpaduan negara telah diadakan, dan seorang bekas kakitangan tertinggi Kerajaan yang telah mencapai kedudukan Ketua Setiausaha (KSU) telah memberikan satu perspektif kaum India akan masalah perpaduan negara di Malaysia. Beliau memberi latarbelakang berikut kepada masalah perpaduan negara.

- (i) Negara Malaysia telah dilahirkan pada 1957 tetapi 35 tahun kemudian perpaduan negara masih merupakan satu hasrat utama yang belum dipenuhi;
- (ii) Perlembagaan Malaysia dan Rukunegara meletakkan batu asas untuk mencapai perpaduan negara tetapi rusuhan 1969 telah memecahkan harapan bahawa kita telah mencapainya;
- (iii) Dasar Ekonomi Baru pada 1970 bertujuan menetapkan arah tuju yang baru untuk mencapai

perpaduan negara tetapi kira-kira 20 tahun kemudian pandangan majoriti rakyat Malaysia keturunan India ialah bahawa DEB telah mengakibatkan manfaat dan perpaduan yang lebih kepada kaum Melayu atau bumiputera tetapi aronisnya ia telah menyebabkan rasa pengasingan yang lebih ketara di kalangan lain-lain kaum;

- (iv) Kemudian pada tahun 1991 dasar pembangunan negara dan Wawasan 2020 telah digubal untuk meningkatkan prestasi Dasar Ekonomi Baru bagi mencapai objektif yang sama dalam pembinaan perpaduan negara dengan lebih bermakna melalui proses membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara industri dalam tempoh 30 tahun. Keutamaan yang predominant yang asas ialah mewujudkan bangsa Malaysia. Bolehkah ini tercapai dalam 30 tahun akan datang?

Berkenaan perpaduan negara pada ketika ini beliau berkata:

- (i) Perpaduan negara hari ini adalah jauh lebih formal dan simbolik daripada masa merdeka. Apabila ianya lebih informal disenangi, jujur dan lebih tulen;
- (ii) Raja-raja, Bahasa Kebangsaan kita dan sistem Kerajaan demokratik kita yang objektif dan secara perbandingan lebih liberal telah menjadi faktor perpaduan yang kuat. Dasar pendidikan kebangsaan juga berhasrat dan pada tahap tertentu telah memperkukuhkan nilai-nilai dan sikap bersama dan membantu untuk memperkembangkan beberapa unsur rakyat kebudayaan Malaysia keseluruhannya serta perpaduan negara;

- (iii) Tetapi ia akan mengambil masa agak panjang bagi ciri-ciri perpaduan negara ini meresap ke masyarakat Malaysia dan serap oleh jiwa rakyatnya;
- (iv) Pada masa yang sama, walaupun terdapat banyak inisiatif Kerajaan untuk memupuk perpaduan negara tetapi terdapat juga arus kuat polarisasi yang menentanginya;
- (v) Hari ini dasar-dasar bumiputera dan bukan bumiputera malangnya telah dan malahan dengan tidak sengaja telah menghasilkan sensitiviti yang lebih ketara dan kesedaran yang lebih tinggi terhadap perbezaan kita dan bukannya terhadap etos dan nilai yang kita kongsi, satu identiti rakyat Malaysia dan nasib bersama kita.

Mengenai tanggapan rakyat Malaysia keturunan India ke atas masalah dan isu menghadapi perpaduan negara, beliau berkata:

Rakyat Malaysia keturunan India semakin sedar akan pengasingan kerana sebab-sebab berikut:

- (i) Rakyat Malaysia keturunan India merupakan golongan yang terkecil dalam kumpulan minoriti besar;
- (ii) Tidak/belum memperolehi manfaat yang setanding dengan kaum Cina di Malaysia daripada pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia;
- (iii) Ketinggalan berbanding dengan lain kaum dari segi pembasmian kemiskinan, pendapatan, kedudukan sosial, pemilikan ekuiti, pendidikan dan peluang masa hadapan untuk maju;
- (iv) Berasa secara perbandingan dilalaikan oleh Kerajaan jika

berbanding dengan bantuan Kerajaan kepada kaum Melayu luar bandar, sementara rakyat Malaysia keturunan Cina pula telah memperolehi manfaat secara tidak langsung daripada pembangunan ekonomi yang pesat dan kontrak Kerajaan melalui pengalaman dan enterprise mereka yang lama dalam perniagaan serta perhubungan mereka;

- (v) Memikirkan bahawa kesedaran terampas atau sense of deprivation mereka adalah lebih serius memandangkan kepimpinan rakyat Malaysia keturunan India adalah terlalu sibuk dengan masalah dalaman sendiri dan keasyikan persendirian mereka. Akibatnya pemimpin rakyat Malaysia keturunan India belum berupaya untuk membuat sesuatu yang mencukupi untuk memperbaiki kesengsaraan yang malang bagi pekerja-pekerja ladang rakyat Malaysia keturunan India khususnya dan rakyat Malaysia keturunan India secara amnya.
- (vi) Menerima matlamat Wawasan 2020 dan menghargai usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memodenkan dan mengindustrikan negara kita tetapi rasa khuatir rakyat Malaysia keturunan India akan dilupakan dalam proses modenisasi dan taraf mereka dan tangga sosio-ekonomi negara pasti akan turun.
- (vii) Dengan izin, he feels a sense of hopelessness in the estates and has no alternative if he moves out but to engage himself in low productivity jobs in the urban areas.

- (viii) Expect their depressed lives and low standards of living in the estates to continue indefinitely, from generation to generation, in a resigned and fatalistic way.

Berikut adalah sebilangan kesimpulan beliau mengenai kedudukan rakyat Malaysia keturunan India bersabit dengan perpaduan negara dan beliau berkata, dengan izin:

- (i) Under these circumstances of a relative neglect, a perceived indifference to their poor plight and a lack of hope and direction, it is difficult to inspire a spirit of Malaysian unity and pride among the majority of Indians and especially the Malaysian Indian estate workers. This will be true of any race or people, anywhere in the world, under similar circumstances;
- (ii) the majority of Malaysian Indians especially in estates, therefore, just 'exist', and live from day to day without hope or expectation of progress and prosperity, unlike the other Malaysian races, they enjoy a greater sense of hope and confidence in the future;
- (iii) the Malaysian Indians, therefore, cannot contribute much to national unity. They are isolated, feel excluded and even alienated from the main stream of Malaysia's proud record of overall socio-economic achievement and progress;
- (iv) can Malaysian Indians then, under these circumstances, have a high sense of national consciousness, commitment and be able to contribute effectively to national unity? Can Malaysia afford to allow Malaysian Indians to feel alienated? Malaysia cannot afford about 10% of its population, of about 1.7 million

Malaysian Indians to feel alienated? Malaysian unity and bangsa Malaysia can be as strong only as its weakest link. One of Malaysia's major weaklings in national unity is the Malaysian Indian community. So long as there is no specific blueprint on the part of the Government to alleviate the weak position of the Malaysian Indians, so long will this depressed community weigh down Malaysia's prospect of progress and inhibit its achievement of the objective of Vision 2020. The Malaysian Indians can and will be able to contribute effectively to enhance national unity only by bringing them into the main stream of Malaysia's modernisation. They can contribute towards meeting the 9 challenges of Vision 2020 if they are given the opportunities to participate actively and not passively as an important and integral part of the Malaysian main stream."

Tuan Yang di-Pertua, inilah tangisan (cry), tangisan seorang rakyat Malaysia keturunan India yang telah mencapai kecemerlangan dalam Kerajaan dan perniagaan bagi kaumnya. Satu tangisan yang harus didengar oleh semua rakyat Malaysia kerana ia bukan, dengan izin, cry seorang, a cry of 17 million Malaysian Indians for a fair deal in Malaysia. (*Tepuk*) Malaysia tidak mengendahkan tangisan kekecewaan, rasa pengasingan dan ketidakpuasan hati mereka yang terbiar dan didiskriminasikan ini baikpun di ladang-ladang, kampung-kampung baru, kawasan-kawasan luar bandar mahupun bandar serta kedua-dua masalah serius popularisasi kaum dan agama dan ini akan membahayakan negara kita sendiri kerana Wawasan 2020 dan satu bangsa Malaysia tidak boleh dicapai selagi mereka yang berkuasa tidak mempunyai tempat di hati mereka.

Untuk mengisi tangisan yang datang daripada, dengan izin, a heart-rending cry from the depths of the soul. Sekiranya kita serius tentang Wawasan 2020, maka Kerajaan dan negara harus bermula menghadapi masalah-masalah pokok negara dengan cara yang serius. Parti DAP menyeru ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Negara (National Commission) mengenai Wawasan 2020 untuk menghadapi masalah-masalah pokok negara seperti kedua-dua masalah polarisasi kaum dan agama iaitu fundamental question bukan lompat katak atau apa. (*Ketawa*)

Suruhanjaya Negara mengenai Wawasan 2020 bukan sahaja harus mengandungi wakil-wakil daripada semua parti politik tetapi juga wakil-wakil daripada semua profesion, agama, golongan yang harus memberi pertimbangan serius kepada matlamat jangka panjang negara dan rakyat dan bukannya untuk matlamat dan kepentingan jangka pendek parti-parti politik atau personaliti-personaliti seseorang. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

4.47 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum w.b.t. Wassalamu ala-manitta ba'al-huda. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk saya ikut serta dalam perbincangan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di dalam pendahuluan Titah Baginda, telah menegaskan betapa kewujudan keamanan, kestabilan dan keselamatan negara hasil daripada tindakan yang berjaya oleh pihak pasukan keselamatan telah memberi keadaan yang baik bagi melicinkan perjalanan pembangunan dan kemajuan negara ini.

Keadaan ini dapat dilihat khususnya termeterinya perjanjian gencatan senjata ataupun perletakan senjata oleh Parti Komunis dengan pihak Kerajaan dan terkuburnya ideologi komunis dan tumbangnyanya Soviet Union yang menjadi salah satu kuasa besar dunia yang mengancam dunia termasuklah rantau ini.

Sepatutnya keadaan keselamatan dan keamanan ini memungkinkan Kerajaan lebih bijaksana dan berlaku adil terhadap rakyat dan melakukan amalan-amalan yang baik di dalam negara ini. Keadaan ini menjadi tandatanya kepada kita ketika berlakunya pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri di Bukit Payung di Terengganu satu keputusan yang dibuat oleh mahkamah yang mesti diadakan pilihanraya apabila seorang yang bernama Hassan bin Mamat yang mengidap penyakit lumpuh, yang dikatakan mungkin tidak lumpuh. Kebenaran yang diberi oleh pegawai Suruhanjaya Pilihanraya kepada isterinya mewakili beliau untuk mengundi menyebabkan pilihanraya itu tidak sah.

Akibat daripada kelemahan pegawai Suruhanjaya Pilihanraya, yang mungkin tidak mengadakan pakar-pakar untuk meneliti setiap orang yang uzur di semua pusat mengundi menyebabkan Kerajaan menghabiskan berjuta-juta ringgit untuk pilihanraya tersebut dan pilihanraya itu terpaksa salah menyeret rakyat kepada menghabiskan masa dan waktu yang banyak dengan kerja-kerja pilihanraya yang sepatutnya telah selesai dengan pilihanraya umum yang telah berlaku dan Hassan yang dikatakan berpura-pura uzur itu telah meninggal dunia. Kita tidak tahu kalau dia juga berpura-pura mati. (*Ketawa*) Terpulanglah kepada pihak yang berkenaan untuk menyasiat. Kita menghormati keputusan mahkamah dengan mengadakan pilihanraya di mana PAS menghormati keputusan itu dengan tidak memulaukan pilihanraya.

PAS menyertai pilihanraya tersebut tetapi apa yang berlaku pilihanraya tersebut dilakukan dengan cara yang tidak seimbang, dengan cara yang berat sebelah. Bermula daripada kerahan anggota-anggota polis yang ramai, mungkin sama banyak dengan jumlah pengundi ataupun mungkin lebih ramai daripada jumlah pengundi di Bukit Payung dan kerahan itu berlaku dari semua unit barangkali dari unit Anjing dengan unit Laut saja yang tidak dikerah dan terserahlah kepada pihak Kerajaan supaya memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah jumlah polis yang dikerahkan untuk pilihanraya Bukit Payung untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan berapakah wang yang telah dibelanjakan. Polis yang dikerah itu bukan sahaja menjalankan tugas berjalan biasa dengan tangan kosong sebagaimana yang kita lihat dalam keadaan-keadaan aman dan tenang tetapi dikerahkan di dalam keadaan sebahagian besar daripadanya memegang senjata yang dihunuskan benet di hujung senapang, dan berlaku bermula daripada penamaan calon sehinggalah pada hari mengundi.

Keadaan-keadaan ini sudah tentu menyebabkan rakyat yang menjadi pengundi di kawasan tersebut tidak boleh menentukan sikap yang adil ataupun sikap yang ikhlas kerana melihat polis yang mengelilingi mereka dengan senjata yang terhunus terutamanya orang-orang kampung di kawasan pedalaman seperti Bukit Payung yang jarang kali melihat polis memegang senjata yang begitu rupa. Bukan sekadar itu sahaja yang berlaku, Kerajaan juga seperti biasa mengerahkan alat-alat Kerajaan, jentera-jentera Kerajaan, Kementerian-kementerian, bermula daripada radio, TV, akhbar-akhbar yang digunakan untuk berkempen bagi pilihanraya tersebut. Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri dikerahkan untuk merasmikan bangunan-bangunan tambahan, sekolah-sekolah dan sebagainya yang terpaksa

diadakan, diprogramkan pada masa pilihanraya. Di samping memindahkan kursus-kursus yang sepatutnya dirasmikan di luar kawasan pilihanraya dibawa ke kawasan pilihanraya dan berlakunya pengangkutan rakyat. Rakyat diangkut dengan bas berduyun-duyun, dibawa ke tempat-tempat yang tertentu dan dibahagikan berbagai-bagai rupa hadiah dan habuan-habuan bermula daripada kain pelikat, kain batik hinggalah kepada membahagikan kitab suci Al-Quranul Karim yang disertakan dengan wang yang dilampirkan kononnya sebagai hadiah. Mengapa perkara yang seperti ini dilakukan di musim pilihanraya? Inilah bentuk demokrasi yang ada di Malaysia. Inilah bentuk pilihanraya yang diadakan yang sepatutnya menjadi renungan kita bersama.

Kerajaan hendaklah menyedari bahawa kewujudan keamanan yang berlaku di dalam negara ini bukan sahaja hasil daripada langkah yang diambil oleh Kerajaan, sebahagian daripadanya adalah kerjasama yang baik yang diberi oleh pihak pembangkang. Di antara sebab wujudnya keamanan di dalam negara ini ialah kerana pembangkang-pembangkang di dalam negara kita tidak membaling batu sebagaimana pembangkang-pembangkang di negara lain.

Sepatutnya Kerajaan menghormati sikap yang ditunjukkan oleh pembangkang dengan harapan hubungan secara demokratik dalam masa pilihanraya dan lain daripada pilihanraya dapat berjalan dengan selancar-lancarnya. Untuk menjamin keamanan dan ketenteraman negara Kerajaan juga hendaklah mengambil kira masalah-masalah yang disebutkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan hubungan dengan negara-negara jiran, hendaklah dijadikan perkara prioriti yang diutamakan daripada perhubungan

dengan negara-negara jauh; di mana kita hendaklah menyedari bahawa negara kita Malaysia masih mempunyai masalah dengan negara-negara jiran sekiranya tidak diselesaikan boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara. Di antaranya masalah Pulau Batu Putih dengan Kerajaan Singapura, masalah Pulau Sempadan dengan Indonesia, masalah Terumbu Spratly dengan Vietnam, masalah Sabah yang masih belum dimeterikan dengan Filipina dan mungkin ada masalah-masalah lagi dengan Thailand dan Brunei.

Masalah-masalah ini hendaklah diselesaikan dengan cara yang sebaik-baiknya dan seadil-adilnya yang tidak mengorbankan kedaulatan dan kewibawaan negara kita Malaysia, dengan kita tidak menjual maruah kita sebagai sebuah negara yang berdaulat. Penyelesaiannya hendaklah diutamakan bagi menjamin keamanan dan keselamatan negara ini. Di antara perkara yang perlu dikaitkan dengan keselamatan dan keamanan juga, kita mengharapkan supaya Kerajaan tidak gopoh dalam apa yang diura-urakan dan mungkin telah dibuat persediaannya untuk memberi kemudahan kepada tentera laut Amerika di Lumut. Kita hendaklah menyedari memberi kemudahan bermakna kita membawa negara besar yang menjadi ancaman kepada dunia dan mempunyai kepentingan dan mereka meletakkan kepentingan mereka lebih daripada kepentingan kita. Sudah pasti terdapat perkara-perkara yang menjejaskan kita dan yang tidak boleh dielakkan. Bermula daripada peperangan yang melibatkan negara besar yang memang menjadi strategi yang diambil oleh mereka supaya peperangan dan sasaran serangan musuh tidak kena kepada tanahair mereka tetapi kena kepada negeri orang lain. Kita memberi kemudahan ini akan menjadikan negara kita terdedah kepada sasaran peperangan sekiranya berlaku di antara kuasa besar yang kita berikan

kemudahan itu. Di samping kita tidak mempunyai undang-undang dan peraturan yang boleh menjamin tersebarnya budaya-budaya yang tidak sihat unsur-unsur yang tidak baik yang boleh mempengaruhi rakyat sedangkan kita sedang menghadapi masalah itu dan belum lagi dapat mengatasi masalah itu.

Dengan kedatangan mereka yang mempunyai budaya yang buruk, akhlak yang tidak sama dengan kita dan kita semua mengetahui apa yang berlaku di negara besar itu sudah tentu akan membawa lumpur yang kotor ke negara kita ini. Oleh kerana itu memberi kemudahan pangkalan kepada tentera laut Amerika Syarikat merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara kita dan kepada akhlak rakyat di negara ini.

Apabila kita membincangkan masalah keamanan dan ketenteraman negara, di antaranya ialah untuk membanteraskan perkara-perkara jenayah. Membanteras perkara haram yang boleh merosakkan keadaan yang baik yang ada di dalam negara kita ini. Di antaranya ialah menguatkuasakan undang-undang. Menguatkuasakan undang-undang dalam jalan Islam terdapat satu undang-undang yang dinamakan hukum hudud. Masalah hukum hudud walaupun tidak disebutkan di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi ianya diperkatakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan saya rasa sepatutnya saya mengambil peluang ini untuk menjelaskan berkenaan hukum hudud yang diura-urakan penguatkuasaannya di Kelantan, yang diura-urakan dan dibesar-besarkan oleh akhbar dan dijadikan sebagai satu isu bagi memomokkan Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan.

Saya mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memberi jalan

kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk menguatkuasakan hukum hudud. Perlu dijelaskan, kita tidak perlu takut kepada hukum hudud dan adalah tidak adil takut kepada hukum hudud dengan tidak mengetahui hakikat Hudud itu dengan cara yang lebih dekat dan dengan cara yang lebih mendalam. Kita semua mengetahui bahawa semua undang-undang yang dikuatkuasakan sama ada ianya undang-undang sekular ataupun undang-undang Islam ianya dikuatkuasakan ialah untuk menjamin keamanan, keselamatan, kestabilan di dalam negara dan masyarakat. Begitulah juga penekanan yang diberi oleh undang-undang Islam yang sebahagian daripadanya ialah hukum hudud.

Hudud termasuk di dalam undang-undang jenayah Islam. Salah satu daripada tiga hukum jenayah di dalam Islam iaitulah yang dinamakan qisas, yang dinamakan hudud dan yang dinamakan takzir. Qisas ialah hukuman setimpal yang dikenakan kepada kesalahan jenayah yang melukakan terutamanya di dalam masalah pembunuhan dan kita melihat betapa perbezaan di antara undang-undang Islam dengan undang-undang yang bukan Islam dan kita melihat betapa kejayaan yang telah dicapai oleh undang-undang Islam dan betapa kegagalan yang dialami oleh undang-undang yang bukan Islam.

Apabila hukum hudud, qisas dan takzir diamalkan di dalam negara Islam yang pertama yang didirikan oleh Rasulullah s.a.w., kita dapati undang-undang itu telah berjaya menghapuskan kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di dalam masyarakat Arab yang penuh dengan unsur dan sifat-sifat jahiliah dan kita dapati bagaimana keamanan itu wujud ketika tegaknya Kerajaan Khulafah Ar-Rashidin setelah wafatnya Rasulullah s.a.w. dan apabila Kerajaan Amawiah di zaman Khalifah Hisham bin Abdul Malik telah meredakan pelaksanaan hukum hudud ataupun

melonggarkan pelaksanaan hukum hudud, didapati jenayah di zamannya semakin bertambah dan kita lihat mengikut kenyataan sejarahnya, apabila tegaknya Kerajaan Islam yang melaksanakan hukum hudud di zaman Amar bin Al-Ass di Mesir di mana Kerajaan telah berjaya menghapuskan kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di Mesir dan apabila dikuatkuasakan undang-undang Perancis selepas masuknya pengaruh Perancis di Mesir pada tahun 1884 dan dibatalkan undang-undang Islam, maka jenayah menjadi berleluasa, menjadi bertambah.

Di negara Turkey di zaman Kerajaan Osmaniah apabila dikuatkuasakan hukum hudud, juga dapat mengatasi masalah jenayah dan keruntuhan akhlak yang berlaku di dalam negara Islam yang dipimpin oleh Kerajaan Osmaniah. Apabila Kamal Atartuk mengambilalih negara Turkey pada tahun 1924 dan menguatkuasakan undang-undang sekular, jenayah menjadi berleluasa dan bertambahnya perkara-perkara yang meruntuhkan akhlak dan di dalam negara kita pernah ditulis di dalam majalah Dewan Masyarakat pada bulan Julai, 1977 mendedahkan kegagalan undang-undang yang ada sekarang dan bertambahnya kejadian-kejadian jenayah yang berlaku seperti kejadian rogol, kejadian pencurian, rompak, samun dan seumpamanya. Ini adalah tanda-tanda kegagalan undang-undang ciptaan manusia.

Baru-baru ini akhbar Utusan Malaysia telah mendedahkan berlakunya rogol di Amerika sebanyak 680,000 dalam tahun 1990 sahaja. Ini adalah negara yang mengamalkan undang-undang ciptaan manusia yang tidak mengamalkan hukum qisas, hukum hudud dan hukum takzir yang diwajibkan oleh Islam.

Di zaman pemerintahan King Malik Abdul Aziz di Arab Saudi dalam masa 26 tahun, hanya . . .

Tuan Yim Chee Chong (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya beri.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen dari PAS tadi mengatakan tentang rogol. Tahukah atau tidak Yang Berhormat, mengikut Penal Code yang dilaksanakan dalam negara kita ada satu seksyen yang menjatuhkan hukuman orang-orang yang melakukan kesalahan rogol. Kita ada Penal Code, tidak payah PAS cadangkan Code yang lain ataupun hukum hudud. Adakah you baca tentang Penal Code yang dilaksanakan di negara kita ini? Apakah hukumannya? Tahukah atau tidak? Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya baca

Tuan Yim Chee Chong: Tolong nanti saya habiskan

Timbalan Yang di-Pertua: Sabar, sabar. Yang Berhormat Seremban, sudah habis bertanyakah?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya akan terangkan kemudian, saya baca dan saya baca suratkhbar

Tuan Yim Chee Chong: Belum habis lagi, saya hendak bertanya, kalau dilaksanakan hukum hudud di Kelantan ataupun di negara kita ini, adakah kejadian rogol tidak akan berlaku di Kelantan atau di negara kita ini atau tidak? Saya hendak bertanya Yang Berhormat yang sedang bercakap. Kalau sekiranya

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah

Beberapa Ahli: Duduk dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sabar.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jelaskan habis berkenaan dengan hudud ini supaya jelas, terang dan nyata dan kita melihat bagaimana akhbar-akhbar melaporkan kejadian rogol dan sebagainya yang berleluasa. Ini menandakan walaupun undang-undang yang keras dilaksanakan dan diamalkan tetapi tidak berjaya mengatasi masalah tersebut.

Suka saya memberi penekanan bahawa di dalam Islam terdapat tiga hukuman yang bersabit dengan jenayah:

- yang pertama, dinamakan qisas;
- yang kedua, dinamakan hudud; dan
- yang ketiga dinamakan takzir.

Hukum qisas ialah hukuman setimpal terutamanya di dalam perkara pembunuhan. Islam menjatuhkan hukuman bunuh kepada penjenayah yang membunuh dengan tujuan membunuh dan melakukan pembunuhan dengan alat yang boleh membunuh dengan saksi dan dengan keterangan-keterangan yang nyata. Undang-undang di Malaysia juga menjatuhkan hukuman bunuh, sama-sama menjatuhkan hukuman bunuh. Tetapi di sana terdapat perbezaan.

Yang pertama, dari segi prinsip undang-undang tersebut di mana undang-undang Islam berdasarkan kepada keimanan kepada Allah s.w.t. yang diyakini dan dipercayai Maha Mengetahui segala-galanya. Sama ada seseorang yang ingin melakukan jenayah ataupun hakim yang hendak menjatuhkan hukuman, dia perlu menyedari berdasarkan kepada keimanannya. Walaupun manusia tidak mengetahui di dalam mengendalikan undang-undang ataupun tidak betul di dalam menguatkuasakan undang-undang dan melaksanakan undang-undang tetapi Allah s.w.t. Maha Mengetahui.

Adapun undang-undang ciptaan manusia berdasarkan kepada manusia yang meluluskan undang-undang dan di sana ada manusia yang mengatasi undang-undang dan ada manusia yang mempermainkan undang-undang dan dia merasakan tidak ada apa-apa hukuman kepadanya sama ada di dunia ataupun di akhirat. Ini perkara yang pertama.

Yang kedua, dalam masalah saksi, Islam menetapkan bahawa saksi mestilah satu saksi yang adil. Yang dimaksudkan dengan saksi yang adil ialah seorang yang menjadi saksi bukan sahaja dia boleh bercakap, dia boleh mengemukakan keterangan-keterangan, mestilah seorang yang bermoral, seorang yang tidak mengerjakan perkara-perkara yang dianggap sebagai dosa besar dan tidak mengekali berterusan di dalam mengerjakan dosa kecil dan seorang yang tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah.

Setelah hukuman bunuh itu dikuatkuasakan, mengikut perundangan Islam hukuman bunuh itu boleh dibatalkan dan boleh digugurkan. Yang berhak untuk membatalkan hukuman itu ialah keluarga kepada mangsa pembunuhan. Keluarga kepada mangsa pembunuhan yang mempunyai hak untuk memaafkan dengan membatalkan hukuman sama ada dengan meminta "diah" yang dikenali sebagai gantirugi ataupun dengan memaafkan segala-galanya.

Mengikut undang-undang manusia, yang berhak menghapuskan ataupun membatalkan hukuman ialah Lembaga Pengampunan yang dilantik dari kalangan bangsawan dan berlakunya double standard, berlakunya diskriminasi, berlakunya berbagai-bagai hal. Kita melihat sekiranya seorang penjenayah itu jenis bangsawan, maka dia dimaafkan. Sekiranya yang melakukan jenayah itu rakyat yang lemah, yang daif, bukan daripada puaknya, bukan daripada kaumnya, maka dijatuhkan hukuman. Ini dalam hukuman qisas.

Dalam perkara hudud, apakah yang dimaksudkan dengan hudud? Hudud maknanya tegahan, halangan ataupun sekatan. Yang dimaksudkan hudud di dalam Islam ialah tiga perkara. Yang pertama, hudud dengan makna perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t. berdasarkan kepada Firman Allah s.w.t. yang bermaksud, "Itulah dia hudud—batas-batas dan sempadan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya". Yang dimaksudkan dengan hudud ini ialah perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam, seperti arak, judi, rasuah, berzina dan lain-lain lagi.

Kedua, hudud dimaknakan dengan hukum Allah s.w.t. Ianya dinyatakan oleh Firman Allah s.w.t. yang bermaksud, "Itulah dia hudud Allah s.w.t., maka janganlah kamu melampauinya". Yang dimaksudkan dengan hudud di sini ialah hukum syariat Allah s.w.t. bermula daripada hukum ibadah sehinggalah hukum yang berkait dengan ekonomi, politik, undang-undang jenayah, perlembagaan dan lain-lain dengan makna yang umum.

Yang ketiga, hudud dengan makna hukuman yang dihadkan kadarnya oleh agama Islam. Terdapat beberapa perkara sahaja yang dihadkan kadarnya oleh agama Islam iaitulah yang berkait dengan riba, yang berkait dengan pencurian, yang berkait dengan perzinaan, yang berkait dengan tuduhan perzinaan dengan tidak ada saksi dan bukti, yang berkait dengan rompakan. Ini adalah hukum hudud yang disebabkan oleh Islam yang berkait dengan meminum arak di mana hukuman ini diambil kira yang pertama, betapa besarnya jenayah dosa yang dilakukannya itu.

Yang kedua diambil kira orang yang melakukan kesalahan jenayah

Tuan Yim Chee Chong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seremban bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya tidak beri jalan. Belum habis lagi saya terangkan, saya beri kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Seremban duduk ya. Teruskan Marang.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Mesti diambil kira orang yang melakukan kesalahan dan diambil kira hakim yang menjatuhkan hukuman dan diambil kira suasana dan situasi yang ada di dalam masyarakat. Ini mesti dikaitkan dengan hukuman hudud. Kita tidak boleh menyatakan bahawa hukuman rejam yang dikenakan oleh Islam kepada pezina adalah suatu kekejaman, hukuman potong tangan adalah kejam, hukuman sebat adalah kejam dengan kita tidak memberi perhatian kepada kesalahan yang dilakukan adalah suatu kekejaman yang sangat besar. Perzinaan suatu kesalahan yang amat besar yang membawa kepada pembunuhan.

Tuan Chor Chee Heung: (*Bangun*)

Tuan Ong Tee Keat: Yang Berhormat, Alor Setar bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya tidak beri, nanti selepas habis saya terangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya? Alor Setar bangun atas apa?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak habis lagi saya terangkan Tuan Yang di-Pertua. Nanti putus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Di mana kesalahan yang dilakukan adalah satu dosa yang sangat besar. Perzinaan yang membawa pembunuhan bermula daripada pengguguran bayi dalam kandungan yang membawa kepada membuang anak di tong sampah dan seumpamanya dan membawa kepada membunuh anak kerana takut malu dan membawa kepada bagaimana kanak-kanak itu dibunuh moral dan maruahnyanya di dalam masyarakat apabila dia dianggap sebagai anak luar nikah. Dan bagaimana tersebarnyanya penyakit daripada dosa zina yang dikenali dengan penyakit AIDS yang berlaku dalam masyarakat dunia hari ini yang menyebabkan ada orang yang terpaksa memikul sakit hasil daripada kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. Kanak-kanak ada yang mengidap penyakit AIDS. Isteri yang tidak berdosa mengidap penyakit AIDS. Orang sakit yang memindahkan darah mengidap penyakit AIDS.

Ini merupakan satu jenayah yang sangat besar. Maka Islam menguatkuasakan undang-undang bagi mencegah dan menghalang. Begitu juga dengan undang-undang yang lain. Jangan kita gambarkan apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, maka ramailah orang yang direjam. Ramailah orang yang disebat. Ramailah orang yang dipotong tangannya dengan kita tidak mengambil kira bagaimana kesan psikologi apabila undang-undang itu dikuatkuasakan. Sehingga hakim tidak banyak kes di mahkamah kerana orang tidak berani melakukan kesalahan jenayah, tidak berani melakukan kerja-kerja yang membawa kepada hukuman hudud. Contoh berlaku di Arab Saudi sebagaimana yang saya sebut tadi dan berlaku di Arab Saudi apabila dikuatkuasakan undang-undang potong tangan dalam masa 24 tahun hanya 16 orang sahaja yang dipotong tangan. Di Amerika, dalam masa beberapa hari bukan tangan yang dipotong boleh menyebabkan pembunuhan berlaku.

Pencurian dan diikuti dengan rompak-an yang menggunakan senjata-senjata moden yang boleh membunuh manusia bukan sahaja boleh memotong tangan. Kita hendaklah mengambil kira hal-hal ini dan kita hendaklah menyedari apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, hendaklah diambil kira bagaimana untuk menyara hidup orang yang dijatuhkan hukuman itu. Sekiranya dia tidak mampu maka hendaklah ditanggung oleh negara. Ini merupakan satu jaminan dan kita hendaklah mengambil kira bagaimana hukuman sebat yang dijatuhkan tidak boleh disamakan dengan hukuman sebat yang ada sekarang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Islam tidak membenarkan sebat yang menyiatkan kulit. Sebat mengikut perundangan Islam dengan menggunakan kain, dengan menggunakan sepatu dan menggunakan alat yang sederhana sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama-ulama Fiqah hendaklah memegang alat sebat yang sederhana dan dipukul dengan sederhana yang tidak boleh mengangkat tangan yang terlalu tinggi dan memegang di tengah alat dan bukan diujungnyanya supaya tidak kuat dan hendaklah disebat dengan pakaian yang bersopan, bukan seperti yang digambarkan oleh akhbar atau filem, tetapi dengan pakaian yang bersopan. Sekiranya kita yang berkot melakukan jenayah ini dijatuhkan hukuman hudud, mungkin disebat dengan pakaian ini, dengan pakaian yang bersopan. Apa yang penting hukuman itu dilakukan di tengah khalayak bagi memalukan dan memberi kesan kepada orang yang melakukan kesalahan dan memberi kesan kepada orang-orang yang berhasrat untuk melakukan jenayah tersebut.

Dan hendaklah diambil kira bagaimana suasana dan keadaan hukuman hudud tidak boleh dilakukan dalam keadaan ekonomi meleset. Saidina Omar Ibnu Khatab r.a. tidak

menjatuhkan hukuman hudud bukan beliau membatalkan hukuman hudud tetapi kerana syaratnya tidak cukup. Undang-undang dikuatkuasakan. Macam income tax dikuatkuasakan kepada seluruh rakyat tetapi kepada orang yang tidak ada duit tidak dikenakan. Orang yang tidak cukup syarat tidak dikenakan kepadanya. Begitulah juga dengan hukuman hudud, mestilah diambil kira sekiranya seorang yang melakukan pencurian kerana majikan yang menindas, tidak memberi gaji yang tidak patut menyebabkan dia terpaksa mencuri tidak dipotong tangan tetapi dikenakan hukuman takzir, hukuman dera yang difikirkan mengikut kebijaksanaan pemerintah dan mestilah diambil kira bagaimana mensabitkan kes tersebut oleh hakim. Hendaklah dengan pengakuan daripada orang salah dengan saksi yang membuktikan, umpamanya dalam masalah perzinaan sekiranya saksi tidak boleh dibuktikan dengan empat orang saksi, maka orang yang menuduh itu dikenakan hukuman sebat.

Inilah dia perundangan Islam. Dan kita hendaklah mengetahui bagaimana mengikut kaedah perundangan Islam dan ini dipakai oleh orang-orang Barat, orang yang dibawa ke mahkamah, yang dituduh dianggap tidak bersalah dan orang yang menjadi hakim hendaklah mencari jalan bagaimana hendak membebaskan daripada hukuman hudud, bukan mencari jalan mesti menjatuhkan hukuman kepadanya.

Sekiranya terdapat pandangan-pandangan di kalangan ahli-ahli perundangan Islam, ada ahli perundangan yang mengatakan mesti dijatuhkan hukuman hudud kepadanya dan ada seorang ahli perundangan Islam yang menyatakan kes ini hendaklah digugurkan, maka hendaklah dipakai yang digugurkan.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda "kesilapan seorang hakim membebaskan seorang salah dengan tidak menjatuhkan hukuman adalah lebih baik daripada

kesilapan seorang hakim menjatuhkan hukuman kepada seorang yang tidak bersalah.”

Ini merupakan penelitian yang ada dalam Islam. Dan hukuman hudud hendaklah diambil kira kebebasan beragama kepada orang-orang yang bukan Islam. Di sana ada perkara yang berkait dengan kepentingan umum, perkara yang berkait dengan kepentingan umum sama-sama hendaklah berada di bawah hudud.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kami memang menghormati agama Islam, memang di dalam masyarakat majmuk ini adakah Yang Berhormat Marang menghormati kepada hak-hak asasi orang bukan Islam? Kalau dia menghormati hak-hak asasi bukan Islam, adakah pada ketika ini hukum hudud dapat dilaksanakan di dalam suasana yang terdapat sekarang? Dan adakah beliau sanggup menerima kalau ada hukum Buddha, hukum Hindu, hukum Kristian yang akan dilaksanakan di negara ini mungkin ke atas orang Islam juga. Adakah dia terima hukum seperti ini?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Quran ada satu ayat yang berbunyi: “tidak ada paksaan di dalam beragama”, dan ini merupakan satu hak yang umum yang diberikan kepada orang-orang yang bukan Islam. Pernah berlaku di zaman awal Islam, apabila seorang Yahudi yang bukan Islam membawa seorang pesalah yang bersabit dengan kes zina di mana di dalam kitab Taurat yang diamalkan oleh orang-orang Yahudi terdapat hukum hudud mereka sendiri dan Rasulullah s.a.w membenarkan orang-orang Yahudi itu menjatuhkan hukuman dengan

hukum hudud yang ada di dalam Kitab Taurat mereka, di mana orang-orang yang bukan Islam dibenarkan mereka melakukan perkara yang diizinkan oleh agama mereka, walaupun perkara itu diharamkan oleh Islam.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Marang. Baru-baru ini Menteri Besar Kelantan ada mengatakan bahawa hukuman hudud ini bukan sahaja dilaksanakan kepada orang-orang yang beragama Islam, tetapi juga dilaksanakan kepada orang-orang yang bukan Muslim. Hari ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Marang, adakah hukum hudud yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu bukan sahaja dilaksanakan kepada orang-orang Muslim, bahkan juga dilaksanakan kepada orang-orang yang bukan Muslim. Saya berharap semoga PAS akan menghormati agama-agama yang lain. Jangan paksa orang yang bukan Muslim menerima hukuman hudud, bukan sahaja di negeri Kelantan, tetapi juga di dalam Malaysia ini. Ia adalah tidak layak dan tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberhentikan ucapannya yang menanyakan soalan yang panjang. Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menjawab apa yang dipersoalkan, di mana termasuk di dalam kebebasan beragama dan memberi hak kepada orang-orang yang bukan Islam melakukan perkara-perkara yang

dibenarkan oleh agama mereka yang boleh disabitkan hukuman hudud mengikut perundangan Islam. Sekiranya agama mereka membenarkan minuman arak, kita tidak boleh menjatuhkan hukuman hudud yang bersabit dengan arak kepada orang yang bukan Islam tersebut. Sekiranya seseorang yang beragama Majusi, mengikut ajaran agama Majusi, dibenarkan perkahwinan sesama saudara, dibenarkan perkahwinan di antara bapa dan anak di mana ini merupakan suatu peraturan agama yang sangat jijik kepada penganut-penganut agama lain. Mengikut perundangan Islam itu adalah suatu penzinaan dan sekiranya dia melakukan demikian mengikut ajaran agamanya, kita tidak boleh menjatuhkan hukuman hudud kepadanya. Banyak lagi contoh-contoh yang lain di mana hukuman hudud tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan kita hendaklah menyedari bahawa dunia telah memberi peluang begitu lama dengan undang-undang yang bukan Islam dan terdapat banyak bukti kegagalan yang ada di hadapan kita dan sudah tiba masanya diberi peluang untuk mencuba undang-undang Islam dan kita melihat di mana kejayaan dan kegagalannya.

Terdapat di dalam undang-undang Islam perkara yang tidak boleh hendak diterangkan dari segi kesannya di mana kesannya dilihat apabila ianya diamalkan dan kalau tidak diamalkan, kita memandang dengan menggunakan akal, kita akan melihat ini suatu perkara yang sangat kejam. Apabila disebut masalah hukum potong tangan, kita gambarkan pencuri yang ramai yang berlaku pada hari, perompakan yang banyak berlaku dan kita gambarkan bagaimana ramainya orang yang dipotong tangan. Tetapi kita tidak menyedari apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, payah hendak berlaku rompakan dan payah hendak berlaku pencurian dan kita hendaklah menyedari sekiranya seorang doktor yang

mengambil keputusan kepada seseorang pesakit kencing manis mesti dipotong kakinya kerana hendak menyelamatkan anggotanya yang lain, hendak menyelamatkan nyawanya, tidak ada seorang di kalangan kita yang mengatakan bahawa doktor ini seorang yang zalim dan kejam.

Pencurian adalah penyakit masyarakat yang bukan melibatkan individu tetapi melibatkan masyarakat yang ramai. Di dalam undang-undang Islam, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kejayaan bagaimana kerasnya undang-undang yang lain dan bagaimana lembutnya undang-undang Islam. Islam dapat menyelesaikan masalah. Contohnya, masalah penjualan hamba abdi yang berlaku di Amerika, di mana Abraham Lincoln, salah seorang President Amerika, menguatkuasakan undang-undang mengharamkan penjualan hamba abdi dan orang yang menjual hamba abdi akan diambil tindakan.

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Seremban bangun pula Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak beri, sebab saya belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya belum habis cerita.

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, sila duduk.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Tuan Yim Chee Chong: Takutkah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Apabila Abraham Lincoln menguatkuasakan undang-undang mengharamkan hamba abdi dengan tindakan undang-undang dan menguatkuasakan undang-undang. Di dalam negara Islam, berdasarkan realiti yang berlaku di mana terdapat tawanan-tawanan perang dari negara Islam yang diabdikan oleh negara musuh, maka Islam membenarkan mengabdikan tawanan itu dengan syarat-syarat yang ketat. Seorang abdi tidak boleh diseksa, seorang abdi hendaklah diberi makan sebagaimana tuannya makan, diberi pakai sebagaimana tuannya pakai, diberi tempat tinggal yang baik dan tidak boleh diperlakukan penindasan dan kezaliman.

Sekiranya seorang Islam yang melakukan kesalahan, dan banyak kesalahan-kesalahan, seperti melanggar sumpah umpamanya, mestilah memerdekakan hamba abdi; dia melakukan persetubuhan di bulan Ramadhan, mesti memerdekakan hamba abdi; melakukan pembunuhan dengan tidak sengaja, mesti memerdekakan hamba abdi dan memerdekakan hamba abdi diberi ganjaran yang besar mengikut ajaran Islam. Dengan cara ini kita melihat bagaimana orang-orang yang menjadi hamba abdi dibebaskan di negara umat Islam dan tidak ada pengabdian di dalam negara umat Islam walaupun negara yang melaksanakan Islam secara menyeluruh tidak ada, hamba abdi tidak ada dan bagaimana kedudukan orang-orang yang bukan Islam di dalam negara Islam.

Walaupun undang-undang Islam tidak dilaksanakan secara menyeluruh sama ada di Malaysia, di Mesir atau di mana-mana sahaja, bagaimana layanan yang diberi oleh masyarakat Islam

kepada orang-orang yang bukan Islam. Ini adalah kesan daripada ajaran Islam dan kita melihat bagaimana keadaan orang-orang Negro di Amerika walaupun mereka tidak menjadi hamba abdi, tetapi mereka diperlakukan dengan tindakan yang sebegitu rupa. Ini adalah perbezaan di antara kesan daripada undang-undang Islam dengan undang-undang Barat. Di dalam masalah keamanan dan kestabilan, kita juga perlu mengambil kira perkara-perkara yang berkait dengan hal-hal luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah suasana ataupun keadaan ataupun syarat yang perlu wujud sebelum dilaksanakan ataupun dikuatkuasakan hukum hudud? Adakah keadaan itu di mana tidak ada orang fakir miskin dan semua syarat-syarat dan semua usaha telah diadakan untuk membolehkan semua orang yang miskin mencapai tahap hidup yang lebih baik dan sebagainya. Apakah syarat-syarat yang dikenakan ataupun perlu diadakan sebelum dilaksanakan hukum seperti itu?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada orang fakir miskin tetapi orang fakir miskin tidak mencuri, ada orang kaya tetapi orang kaya mencuri. Dengan sebab itu untuk melaksanakan hukum hudud bukan semestinya dihapuskan fakir miskin, tetapi hendaklah dilihat latar belakang orang yang melakukan kesalahan, hendaklah dilihat bagaimana barang itu disimpan. Kalau disimpan ditempat yang tidak patut, tidak boleh dijatuhkan hukuman hudud ataupun barang umum, umpamanya curi balak, saya sebut terang-terang, mencuri balak itu termasuk dalam pencurian, barang yang umum yang terdedah, ianya tidak termasuk dalam hudud tetapi dimasukkan dalam hukuman takzir yang

diserah kepada kebijaksanaan pemerintah untuk mengendalikannya. Ini termasuk orang yang mencuri barang dia sendiri, macam curi Lamborghini umpamanya, barang dia sendiri dia curi, itu tidak boleh dijatuhkan hukum hudud. Ini sebagai suatu contoh. Dan saya ingin untuk menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bangun pula yang itu.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya beri.

Tuan Yim Chee Chong: Saya harap akan beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri jalan.

Tuan Yim Chee Chong: Saya hendak tanya tentang curi. Jikalau seseorang ibu yang miskin mencuri untuk anak-anaknya yang lapar, jadi apakah hukuman terhadap ibu itu mengikut hukum hudud? Adakah tangannya dipotong atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Mengikut hukum hudud tidak dipotong kerana syaratnya tidak cukup.

Tuan Yim Chee Chong: You pandai dalam Islamic Law? Pandai atau tidak, kalau you pandai cakap pandai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bertanya sahajalah ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada hal yang lain, masalah luar negeri. Seorang ibu yang miskin,

yang anaknya lapar, yang anaknya tidak ada makanan, dia melakukan pencurian, tidak cukup syarat untuk dijatuhkan hukuman hudud, maka tidak dijatuhkan hukuman hudud kerana syaratnya tidak cukup bahkan majikan yang mesti dihukum oleh pemerintah ataupun suaminya yang mesti dihukum.

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban, minta kebenaran dahulu, jangan bercakap ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada masalah yang berlaku di peringkat antarabangsa, yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Malaysia, bagaimana kita melihat

Tuan Chor Chee Heung: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Alor Setar bangun pula di belakang itu.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri jalan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sahaja, sebab selama ini saya telah mendengar penjelasan oleh Yang Berhormat dari Marang tentang hukuman hudud, cuma saya hendak tanya sama ada pihak DAP salah satu anggota Gagasan Rakyat, telah memberi persetujuan atas cadangan Kerajaan PAS untuk mengimplementasikan hukuman hudud di Kelantan?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kalau Yang Berhormat membaca keputusan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan, tidak ada DAP, yang ada ialah PAS dengan Semangat 46.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada masalah luar negeri di mana berlakunya ketidakadilan di peringkat antarabangsa terutamanya kepada negara-negara yang tertindas, seolah-olah undang-undang antarabangsa menjadi undang-undang sarang labah-labah, hanya untuk lalat dan nyamuk yang kecil sahaja, kuasa-kuasa besar boleh melanggar undang-undang itu. Kita melihat bagaimana tindakan yang dilakukan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang meluluskan resolusi menghukum Libya kerana dua orang rakyatnya dituduh, yang belum lagi dibuktikan, seluruh rakyatnya telah dijatuhkan hukuman. Apabila Israel menembak kapalterbang jemaah haji Libya di awal tahun 70an, Bangsa-bangsa Bersatu tidak mengambil apa-apa tindakan. Apabila tentera laut Amerika membedil kapalterbang awam Iran, Bangsa-bangsa Bersatu tidak mengambil apa-apa tindakan. Dan kita melihat hal-hal yang lain berlaku sebagai suatu contoh, apabila orang-orang Kristian, Greek di Cyprus melakukan pembunuhan ke atas orang-orang Islam Turkey, Bangsa-bangsa Bersatu tidak mengambil tindakan. Apabila tentera Turkey mendarat untuk menyelamatkan masyarakat Turkey yang ada di Cyprus, dua jam selepas daripada itu Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan persidangan dan mengeluarkan keputusan.

Ini adalah di antara double standard yang berlaku di dalam hubungan antarabangsa dan kita mengharapkan Kerajaan Malaysia dapat memainkan peranan yang tidak boleh dipengaruhi oleh kuasa-kuasa besar, dengan dapat mempengaruhi negara-negara dunia ketiga dan negara-negara Islam. Banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia, masalah Bosnia, Yugoslavia, bagaimana penindasan berlaku, masalah pelarian Rohingya. Kita melihat adanya pelarian di Bangladesh, bukan sahaja pelarian, bagaimana dengan orang-

orang yang masih ada di Myanmar yang tidak boleh melarikan diri, bagaimana keadaan mereka. Tidak ada suatu jaminan dari Bangsa-bangsa Bersatu, dari masyarakat antarabangsa. Kita mengharapkan negara kita dapat memainkan peranan dalam masalah ini, dapat memberi sumbangan yang baik untuk menegakkan keadilan di peringkat antarabangsa.

Jadi, itulah beberapa perkara yang dapat saya ucapkan untuk persidangan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

5.35 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan ini mengambil bahagian dalam perbincangan Usul Terima Kasih ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kepada satu cerita mengenai dengan cerita katak lompat. Katak ini satu ketika berada dalam satu lubang, tetapi alhamdulillah, kerana kebijaksanaan dan katak ini ada otak, dia melompat keluar daripada lubang itu kerana di dalam lubang itu terlalu banyak binatang-binatang dan cakerawala yang cukup membahayakan dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih dan kita telah mendengar ucapan Ketua Pembangkang yang panjang lebar. Kalau tidak silap saya semalam lebih kurang 1 jam 30 minit, hari ini 1 jam lebih, maknanya hampir-hampir 3 jam Ketua Pembangkang mengambil kesempatan berucap membahaskan Usul Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seingatan saya berada di dalam Dewan yang mulia ini, tidak pernah Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri Kewangan yang membenteng Belanjawan negara mengambil masa yang begitu panjang. Tetapi walau apapun, itulah demokrasi yang dinikmati oleh negara kita Malaysia ini. Tetapi walau macam manapun mereka ini tentu tidak akan terus puas hati dengan masa dan kesempatan yang diberi. Saya percaya Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional tidak berkesempatan untuk mengambil masa yang begitu panjang sepertimana mereka ini mengambil masa.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi cukup bagi kita orang-orang yang mengetahui menghargai masa bercakap mengenai dengan perkara-perkara yang dikirakan penting dan pokok dan mengena kepada sasaran mengenai dengan tanggungjawab kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang banyak menyentuh, boleh dikatakan semua aspek dengan bermula masalah skandal Bank Pertanian mengikut Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk perkara ini dahulu, sebab saya hendak tahu niat Ketua Pembangkang ini dahulu. Dalam sidang Dewan Rakyat sebelum ini, perkara ini sudahpun dibangkitkan. Dan sebagai anggota PAC ataupun Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Wakil daripada Kota Melaka juga sebagai seorang anggota, dan pihak Ketua Audit Negara bersama dengan Ahli Jawatankuasa PAC telahpun bersidang dan dihadiri oleh Wakil Kota Melaka dan kita berbincang dan berbahas panjang lebar mengenai dengan Bank Pertanian ini. Dan akhirnya secara umum, secara sebulat suara kita menerima penjelasan yang dibuat oleh pihak Bank Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti dahulu, saya baru mukaddimah. Enjin tidak panas lagi ini, selepas ini saya beri.

Tuan Yang di-Pertua: Enjin dia tidak panas lagi, dia tidak benarkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang dibincangkan dalam PAC adalah sulit (confidential) dan sama ada sebelum laporan ini boleh dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, bolehkah seseorang Ahli memberitahu tentang isi kandungannya?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya mesti menjelaskan apakah yang sebenarnya berlaku dalam Mesyuarat PAC kerana apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas adalah satu fitnah, ini tidak berlaku sama sekali, ini satu perkara yang serius. Tetapi saya tidak mahu membawa perkara yang dibawa dalam PAC ke dalam Dewan yang mulia ini kerana ini adalah confidential. Oleh sebab itu saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu keputusan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa satu-satu keputusan ataupun satu-satu perkara yang dimesyuaratkan dalam Jawatankuasa Dewan boleh dibawa ke dalam Dewan. Yang dikatakan rahsia itu ialah rahsia kepada orang lain daripada Ahli-ahli Dewan. Sepatutnya begitu, kalau tidak maka Dewan ini tidaklah mempunyai hak membuat apa-apa keputusan di atas apa-apa yang berlaku di dalam jawatankuasa kecilnya.

Tuan Lim Guan Eng: Jadi, bermakna sama ada sebelum laporan ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini ia boleh dibawa dalam mesyuarat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, baik.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya dalam Dewan ini bukanlah kepada orang luar.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi dalam Dewan mesyuarat ini? Satu mesyuarat kepada keputusan yang telah dibuat kepada PAC tetapi laporannya belum dibentangkan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh, ya. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, manusia ini macam-macam ragam atau orang ini masuk lubang ini dia gali sendiri, ada juga. (*Ketawa*) Dia gali sendiri, tidak payah orang lain tolong gali. Dia gali sendiri, dia terjun ke dalam lubang. (*Ketawa*) Boleh tengok laporan daripada PAC nanti. Sejak berapa banyak Ahli Parlimen dari Kota Melaka bercakap, apa yang dia soal. Kalau boleh, tayang filem lebih baik. Tidak ada apa-apa, relax sendiri sahaja. Tidaklah segarang marah macam bapanya tadi.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit perkara ini kerana saya tanya tadi soal nawaitu atau soal niat di sebalik pendedahan ini. Kita tahu Bank Pertanian ini bank yang ditubuh untuk menolong para petani. Petani-petani ini kebanyakannya hampir 90% ataupun mungkin lebih adalah orang-orang Melayu di luar bandar. Memang ada "bad debts" pinjaman tidak boleh diselesaikan. Apa yang kita hendak memuflikan semua petani-petani seluruh negara akibat hutang-hutang

lapuk-lapuk ini? Mungkin Bank Pertanian boleh membuat demikian. Tetapi kita sebagai anak-anak Melayu akan mendesak pimpinan negara supaya mengatasi masalah-masalah kalaupun muflis ini berlaku.

Sebagaimana DAP pernah mendesak Kerajaan menyelesaikan masalah koporasi pengambilan deposit yang melibatkan orang-orang Cina. Apakah kita mahu perkara ini berlaku? Apakah kita mahu? Sebab itu saya bertanya dari segi soal niat. Kenapa dibangkitkan perkara ini? Apakah kerana orang Melayu mendapat banyak faedah atau menerima kemudahan daripada Bank Pertanian yang kita tahu petani-petani yang perlu pada pertolongan? Ini soalnya yang saya bangkit, Tuan Yang di-Pertua, dari segi keikhlasan tadi. Sebab kita tahu masalah yang dihadapi oleh Bank Pertanian.

Bank Pertanian bukan berfungsi sebagai sebuah bank komersil yang boleh membuat keuntungan seperti bank-bank lain. Kalau hendak diikuti dari segi "prudent banking" haram petani-petani tidak akan dapat kemudahan daripada Bank Pertanian. Saya hendak tanya DAP apa sikap, apa sumbangan dan apa sokongan DAP kepada orang-orang Melayu di luar bandar, terutamanya petani-petani yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ini persoalannya.

Jadi saya, Tuan Yang di-Pertua, meragui dan mempersoalkan niat dan nawaitu Ketua Pembangkang ini. Tetapi paling nyata, Tuan Yang di-Pertua, yang saya cukup seronok dan mungkin mengejutkan pihak parti PAS dan juga DAP, termasuk Semangat 46, semua orang apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa tidak ada halangan bagi beliau sebagai Perdana Menteri, seorang Islam khususnya, mengizinkan parti PAS menjalankan hukum hudud di Kelantan. Semalam kita dengar wakil daripada DAP

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin membetulkan sesuatu sebelum Yang Berhormat mengalihkan kepada perkara lain. Tadi beliau berkata bahawa dalam Mesyuarat PAC, PAC sudah terima dengan umum penjelasan yang diberikan oleh Bank Pertanian. Tetapi ini tidak benar kerana Yang Berhormat dari Pasir Mas telah meninggalkan mesyuarat dengan lebih awal lagi sebelum mesyuarat habis. Oleh sebab itu, dia tidak tahu apakah keputusan muktamad yang dibuat oleh Jawatankuasa PAC. Dan Jawatankuasa PAC belum membuat satu keputusan muktamad oleh kerana ketidak-puashatian ke atas penjelasan yang diberikan oleh Pengarah Bank Pertanian. Yang Berhormat dari Pasir Mas boleh mendapat pengesahan ini daripada Pengerusi Jawatankuasa PAC. Oleh sebab itu, saya ingin membetulkan tohmahan yang dikeluarkan oleh dia bahawa saya bersetuju dan menerima sepenuhnya penjelasan yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian. Saya hanya membetulkan perkara ini secara fakta. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kalau betul saya tinggal mesyuarat mengenai dengan Bank Pertanian dalam PAC, saya tinggalkan sebelum tamat perbincangan dengan Bank Pertanian, saya keluar, saya tidak ada waktu keputusan dibuat, saya cabar Yang Berhormat dari Kota Melaka letak jawatan sebagai Ahli Parlimen Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah. Kita

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak! Sebab ini satu tohmahan yang saya hendak minta check rekod balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, baiklah. Yang Berhormat boleh membetulkan

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh check balik.

Tuan Yang di-Pertua: membetulkan apa-apa perkataannya daripada segi pandangan Yang Berhormat. Janganlah

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak! Sebab dia kata saya tinggal mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Lim Guan Eng: Ini betul.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Betul tetapi saya tidak keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Waktu bincang Bank Pertanian

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila duduk!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Waktu bincang masalah Bank Pertanian, saya masih ingat saya ada sampai habis. Rekod ada. Kalau saya tidak betul, saya akan ambil tanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cuma saya hendak challenge. Kalau betul saya ada dalam itu sampai habis "you have to resign."

Tuan Lim Guan Eng: You resign.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat, cukuplah. Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: You resign.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: You resign.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka

Tuan Lim Guan Eng: You resign.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: You resign.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kita tengok nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Kita tengok

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, out of order itu. Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tengok, Tuan Yang di-Pertua, saya usik sedikit sudah melenting. Melenting.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau dia bercakap, kita usik dia, dia tidak boleh. Kita bercakap, kita beri peluang, sudah melenting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini saya katakan tadi perkara dalam lubang.

Tuan Yang di-Pertua, betul kita mengamalkan demokrasi, dalam Jawatankuasa PAC, saya telah

menjelaskan perkara ini ada Ketua Audit Negara, ada pegawai-pegawai Audit Negara, ada pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan. Jadi, apabila dibincang dapat consensus. Mungkin ada bersetuju, ada yang tidak bersetuju. Tetapi consensus kebanyakan majoritinya mengatakan boleh diterima. Jadi, bererti tidak ada masalah lagi. Itu yang saya maksudkan dan saya tegaskan sekali lagi. Saya ingat bahawa saya ada sampai habis waktu bincang Bank Pertanian. Saya minta supaya rekod itu disemak dan saya ulangi sebagaimana yang saya kata tadi.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada hukum hudud ini. Sudah riuhlah. Macam-macam persoalan timbul. Kalau kita baca kenyataan Menteri Besar Kelantan lain, dengar ucapan Ahli Parlimen Marang tadi, lain pula. Tetapi ini semua kita tidak kiralah. Yang penting Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah beri persetujuan. Yang mengejutkan termasuk pihak PAS oleh kerana selama ini mereka mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed tidak mahu kepada Islam. Kita sebagai orang Islam tidak mahu kepada Islam. Itulah isu yang dibawa di meratarata tempat. Jadi, soalnya selama ini sudah diberitahu bahawasanya bukan perkara-perkara yang menyentuh soal Islam itu tidak dipersetujui oleh Kerajaan Pusat ataupun oleh pimpinan UMNO.

Soal kaedah pendekatan untuk melaksanakan hukum hudud itu supaya diterima oleh semua masyarakat dan kita sudah tengok hari ini dan berlaku kelarutan. PAS tidak payah menghalakan, tidak payah sergah, tidak payah mempersoalkan lagi kesetiaan, kejujuran pemimpinan UMNO, ataupun tugas PAS sekarang ini memujuk DAP untuk menyokong hukum hudud. (*Tepuk*) PAS mesti menghalakan usaha, peranan dan tugasnya memujuk Presiden Semangat 46 menyokong hukum hudud ini. (*Tepuk*) *Semangat 46*

belum lagi membuat kenyataan PBS dan sebagainya kerana Presiden Semangat 46 lebih akrab dengan DAP untuk menjaga sentimen sokongan orang-orang Cina dari segi politik daripada PAS. Tetapi DAP pandai, hendak mengalihkan soal pakatan mereka dengan Semangat 46, dengan PAS tetapi menghalakan pula persoalan ini kepada MCA, MIC dan Gerakan. Ooi! Brilliant, very brilliant. Dengan hendak mengena pula MCA, untuk memberitahu orang Cinalah, MCA tidak menentang cadangan hukum hudud. Gerakan tidak menentang maka DAP akan mendapat mileage. Tetapi yang tidur sebantol dengan DAP ialah PAS. *(Ketawa) (Tepuk)*

Kita hendak tanya pula keikhlasan PAS oleh kerana UMNO sudah menyokong, Semangat 46 belum tentu dan Semangat 46 ada hubungan dengan DAP. Kalau betul, PAS ikhlas, PAS kena tinggal Semangat 46, tinggal DAP sertai UMNO dalam perjuangan menegakkan hukum ini. *(Tepuk)*

Jangan bercakap berbelit-belit, ini yang dikatakan kalau katak cerdik, dia cerdik juga. Ini persoalan yang mesti dihuraikan oleh PAS, kena jawab dari segi hipotesis dahulu. Persoalan yang berlaku di hadapan kita sekarang ini.

Saya dari awal-awal lagi dan saya percaya Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO, daripada mana-mana parti yang beragama Islam akan menyokong. Kita akan menyokong tetapi Ahli Parlimen Marang juga mengatakan bahawa dalam Islam tidak boleh paksa kerana hendak mengelakkan paksa inilah, kita kena buat berhati-hati. Dakwah Islamiah di kalangan masyarakat itu mesti didahulukan, menyediakan ruang ini dahulu sebelum sesuatu hukum atau sesuatu undang-undang hendak dikemukakan. Kalau tidak Islam itu sendiri akan rosak dan porak-peranda dan inilah yang ditakuti. Untuk membuat undang-undang ini kalau perlu pindaan

kepada undang-undang Persekutuan terpaksa bawa kepada Dewan Rakyat. Dewan Rakyat mesti berbincang dan mesti mendapat majoriti 2/3.

Saya tidak bersetuju kalau Perdana Menteri hendak memaksa MCA, Gerakan atau MIC sebab dalam agama tidak ada paksaan untuk mengundi dan menyokong usul ini. Saya tidak bersetuju sebab itu bertentangan dengan prinsip dan amalan kita sebagai orang Islam dalam menjalankan dakwah. Tidak mungkin kita akan dapat 2/3 kalau MCA, termasuk DAP kalau dia tidak menyokong. Macam mana hendak buat. Inilah masalahnya. Inilah yang dijelaskan oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini. Tetapi PAS kata dia hendak buat juga. Memang baik hendak buat hukum hudud. Saya ingat undang-undang sudah siap, bercakap berbelas-belas tahun. Waktu saya belum sekolah, hukum ini sudah ada PAS hendak buat. Rupa-rupanya belum ada lagi. Bila Perdana Menteri mengatakan PAS boleh buat, baru hendak menubuhkan jawatankuasa. Ertinya selama ini bercakap sahaja. Kalau sudah betul bersedia, sepatutnya bila Perdana Menteri berkata sila buat, besok siap. Baru ada kelas, baru ada standard. Sebab saya persoalkan perkara ini, hendak menimbulkan juga dari segi soal keikhlasan tadi, belum siap lagi, baru hendak buat, sudah kelam-kabut.

Di Kelantan sendiri setahu saya orang Islam sendiri pun kena didakwahkan dahulu untuk menerima hukum hudud ini. Kalau tidak kena gaya, usahkan orang bukan Islam. Memang betul dari segi melaksanakan hukum hudud, kita sudah dengar Ahli Parlimen Marang bercakap tadi. Bukan kita tidak tahu, kita pun tahu. Kita pun mengaji juga, bukan kita tidak tahu. Tetapi macam mana masyarakat boleh terima atau tidak. Hendak merejam di hadapan orang ramai, hendak potong tangan memang memerlukan kepada saksi yang berakhlak.

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu kita di Malaysia ini lain. Pada pandangan saya usah hendak potong tangan, masuk jel sehari pun kelam-kabut, sudah ribut. Saya sebagai Wakil Rakyat pernah berpengalaman di kawasan Pasir Mas. Ada yang menjadi penyeludup, melarikan beras dari Siam dan kena tahan oleh polis. Ibubapa malam menangis, tidak boleh tidur, takut anaknya kena penjara. Itu baru penjara sehari. Ini hendak kerat tangan dan rejam. Saya bersetuju sebagai seorang Islam. Tetapi saya juga tidak akan bersetuju kalau usaha pelaksanaan ini menimbulkan huru-hara kepada masyarakat.

Ini jangan pula PAS tulis dalam Harakah bahawa Ibrahim Ali tidak bersetuju, kacau nanti. Selepas itu edarkan di Kelantan. Saya kata saya setuju. Tetapi mesti memberi jaminan bahawa tidak timbul sebarang kekecohan yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan politik dalam negara, keamanan dalam negara dan kesediaan masyarakat Islam khususnya di Kelantan menerima sepenuhnya.

Timbalan Menteri Besar yang kedua di Kelantan jelas bercakap—kita belum tentu. Saya tidak tahu macam mana konsensus di antara PAS dengan Semangat 46. Ahli Parlimen Marang tidak jawab tadi, bila Menteri Besar Kelantan berkata bahawa hukuman hudud ini termasuk dengan Sultan-sultan sekali. Hari ini dijawab oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan mengatakan tidak termasuk Sultan. Hukum hudud di Kelantan tidak termasuk Sultan. Ini takut fasal ceriaa kerat tangan. Tetapi hari ini dikatakan termasuk untuk semua pihak. Jadi, yang mana satu.

Polemik terus berlarutan dan PAS tidak mampu hendak tampil ke hadapan mengolah perkara ini. Yang terjadinya masyarakat semakin keliru dan yang rosak ialah Islam. Tanya dahulu DAP, tanya dahulu Semangat 46, tanya PBS dan sebagainya. Saya pun hendak dengar

Presiden Semangat 46 menyokong hukum hudud ini. Saya ulang sekali lagi kalau dia tidak sokong hukum hudud secara terbuka, saya hendak bertanya PAS sama ada dia hendak berkawan dengan Semangat 46 atau hendak berkawan dengan UMNO.

Masyarakat orang-orang kaum Tionghua ataupun bukan Islam, rakan-rakan daripada MCA, Gerakan dan MIC jangan pula salah faham apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan kalau hendak buat, buat. Jangan salah faham. Saya yakin bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak prihatin, tidak tahu isi hati nurani di kalangan mereka yang bukan Islam. Perdana Menteri pun tidak mahu paksa tentang perkara ini. Tetapi Perdana Menteri terpaksa menunjukkan keikhlasannya kerana tidak tahan dengan PAS sebab PAS membawa cerita bahawa UMNO ini tidak Islam, UMNO ini bukan Islam. Jadi, Perdana Menteri juga sebagai seorang Islam yang boleh membabitkan soal aqidah, dicanangkan di merata tempat, tidak menyokong hukum hudud. Dia mesti menjelaskan dari segi consciencenya sebagai seorang pemimpin. Dia bersetuju dengan hukum hudud. Masyarakat bukan Islam jangan salah faham sebab dalam masyarakat kita, masyarakat majmuk, hendak jaga semua orang, bukan sahaja hendak jaga PAS, bukan sahaja hendak jaga DAP dan bukan sahaja hendak jaga MCA, multi-racial society. Masyarakat majmuk yang harus diambilkira semua perasaan masyarakat yang ada di dalam negara kita ini. Kalau hendak ikut PAS sahaja, itu lainlah.

Jadi, sekarang ini Perdana Menteri atau Kerajaan kena sasarannya. Mana PAS hendak bela, mengalu-alukan itu Wakil Marang kata. Dalam suratkhbar beberapa hari yang lepas, Timbalan Menteri Besar I berkata pengumuman Perdana Menteri ini belum tentu boleh pakai atau tidak. Jadi, benda-benda politik ini terus dipermain-mainkan. Malah Ahli Parlimen Nilam Puri

semalam bertanya kepada Ketua Pembangkang, dia kata yang takut kepada hukum hudud ini UMNO, MCA tidak takut. Dia tanya semalam soalan ini. Kalau manusia seumpama ini, saya anggap seorang pemimpin sangat serius, dia tidak bercakap macam ini. Leaders yang ada conscience yang bertanggung-jawab kepada agama, bertanggungjawab kepada bangsa dan negara dalam apa jua bentuk keadaan, dia tidak boleh main-main, hendak suka-suka saja tanya soalan. UMNO sudah bersetuju, Perdana Menteri sudah bersetuju. Boleh dituduh kononnya UMNO tidak bersetuju, MCA yang takut.

Ini yang berlaku di hadapan kita. Pada hari ini hipokrisi sudah terdedah dan Gagasan Rakyat pasti akan hancur, tidak mungkin boleh menjadi alternatif. Macam mana rakyat boleh percaya. Bukan main lagi DAP semalam sampaikan PAS pun ditalanya, sebab hendak menjaga pengundi Cina ini, hendak menjaga kaum Tionghua. Hendak melepaskan perkara ini kepada MCA dan Gerakan. Orang MCA, Gerakan dan MIC tidak usah risau, tidak perlu risau. Saya percaya perangkap yang dipasang oleh DAP tidak akan dimakan oleh masyarakat kaum Tionghua di negara kita ini. (*Tepuk*) Kepong tentu faham sebab dia orang mengaji sekolah. (*Ketawa*) Dia faham ini.

Banyaklah kalau kita ikut kecaman-kecaman yang dibuat dan satu lagi mengenai dengan Bukit Payung. Saya hendak jawab sebab saya pun ada perkara yang hendak disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini bersabit dengan usul ini. Tetapi hendak memberi pandangan hasil dari perbahasan yang dibuat oleh dua pemimpin Pembangkang ini. Orang penting-penting semua ini, disebut di Bukit Payung, diungkit soal Bukit Payung. Kenapa ada pilihanraya kecil? Kenapa ramai polis? Jadi, seolah-olah Ahli Parlimen Marang kesal pula ada pilihanraya kecil dan ramai polis di Bukit Payung.

Sebenarnya Bukit Payung ini, Tuan Yang di-Pertua, kawasan Ahli Parlimen Marang sebagai Timbalan Yang di-Petua Agung PAS. Mereka cukup yakin menang, semua orang tidak fikir bahawa PAS tidak boleh menang, malah pada masa penamaan calon 20,000 orang lebih berhimpun sehingga Polis tidak boleh kawal, kalau Polis tidak ada lebih kecoh. Apa hendak jadi kepada keselamatan negara? Dikerah seluruh Terengganu, seluruh Kelantan turun berbatu-batu jalan, tak perlu Poliskah dalam keadaan macam itu? Saya hendak tanya kalau kita menguruskan Kerajaan, kita perlu Polis dan kita ucapkan syabas kepada Polis kerana berjaya mengawal keselamatan dan keadaan serta keamanan yang wujud di Bukit Payung pada waktu itu. Tetapi dengan suasana yang wujud, dengan cara kempen yang dibuat oleh PAS, instigation yang disebut dalam ucapan, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, lebih cukup kepada pihak Polis hendak mengambil tindakan, sama juga dengan DAP.

Tadi Ketua Pembangkang cabar, katanya "saya kalau masuk ISA kali ketigapun oh! saya tidak ada masalah". Saya hendak minta Kerajaan please take note. Saya percaya Polis atau pihak Kerajaan tidak akan bertindak tanpa mengikut undang-undang, tetapi niat mencabar itu juga satu unsur yang boleh mengugat kestabilan politik negara. Boleh mengugat keamanan negara. Kalau Polis tidak tangkap dia, dia cabar pula, kalau tangkap nanti dia kata "apa tangkap, apa fasal tangkap saya?" Ada yang menangis.

Seorang Ahli: Siapa yang menangis itu?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Wallahualam. Begitulah apa yang berlaku di Bukit Payung. Suasana hampir tidak terkawal. Alhamdulillah nasib baik ada Polis, sekarang ini persoalannya kenapa pula Polis ramai, kerana PAS kira kalau tidak ada Polis mereka boleh jadi Polis.

Seorang Ahli: Menyamar Polis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak mengundi, Tuan Yang di-Pertua, hendak pergi ke kawasan mengundi.

Saya lihat dalam banyak pilihanraya kecil orang yang hendak mengundipun takut dengan pakaiannya, dengan hora-horenya, takbir sana, orang hendak masuk pun takut hendak mengundi, dikerumum di depan pintu. Ini masalahnya tetapi dibesarkan.

Sebenarnya Wakil Marang dia sebut tadi, membangkitkan perkara ini kerana dia hendak tutup malu, sebab Barisan Nasoinal menang dalam kawasan Timbalan Yang di-Pertua Agung PAS. (*Tepuk*) Dia tidak ada alasan lain, dia hendak tutup malu dia—389 undi, kerana terlalu malu dia mestilah beri alasan ini. Kenapa pula ada pilihanraya membazirkan wang rakyat, kalau betul membazirkan wang rakyat kenapa Ahli Parlimen Marang tidak menghalang sebagai Timbalan Yang di-Pertua Agung PAS daripada Dewan Undangan Negeri Kelantan mengadakan pilihanraya kecil di Sungai Pinang dan Limbongan, kenapa? (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Takut!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Seorang tokoh, seorang ulama, tidak perlu bercakap lidah bercabang. Inilah bezanya orang alim dengan orang beriman. Dia tahukah beza orang alim dengan orang beriman. Alim ini kalau kita pakai serban, begitu, begitu—nampak alim sebab mengaji di Al-Azhar, maka dia disebut sebagai orang alim. Tetapi beriman belum tentu, kalau pakai kot macam saya smart ini mungkin nampak tidak alim, tetapi beriman (*Ketawa*) ini bezanya, macam Tan Sri Speaker, bukan duduk pada pakaian, mengaji di Al-Azhar, belajar di Mesir. Nah! dia sendiri mendedahkan hipokrisinya.

Di Kelantan diadakan pilihanraya waktu kes itu dalam mahkamah dan saya bawa Usul tadi sebab saya kira perkara ini penting kerana tidak perlu kita adakan undang-undang kalau undang-undang itu tidak dihormati, injunction mahkamah dilanggar, proses undang-undang negara dilanggar.

Saya hendak menggesa Peguam Negara, Menteri Undang-undang supaya menyiasat perkara ini, kalau tidak dia akan menjadi precedent. Apabila menjadi precedent orang tidak hormat lagi kepada undang-undang, bila orang tidak hormat kepada undang-undang, apapun undang-undang yang kita buat tidak akan dipatuhi oleh rakyat—di langgar, berapa injunction sudah dilanggar, hina Hakim-hakim dalam mahkamah, dalam Dewan, kebetulan saya hadir hari itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak lihat sejauhmana demokrasinya Kerajaan PAS ini sehingga dia 100% di dalamnya, demokrasi juga, dua orang sahaja itupun mereka hendak buat. Saya hendak tengok sejauhmana mereka ini demokrasi atau tidak, bercakap sampai menyebut, boleh semak Hansard di Dewan Undangan Negeri Kelantan, Hakim tidak pakai, ada setengahnya itu bantai bahasa Kelantanlah dileknya pun susah hendak difahami, tetapi jelas mengatakan Hakim tidak pakai, mahkamah tidak pakai, tidak guna, hina. Ini yang berlaku. Jadi kalau mereka tidak boleh menghormati undang-undang macam mana hendak diberi tanggungjawab untuk memerintah kesejahteraan rakyat, dua injunction dan tidak cukup dengan setakat itu, mereka bawa pergi ke Bukit Payung mempersoalkan, ha! ini mahkamah UMNO, sedikit-sedikit mahkamah UMNO.

Saya semak rekod balik, Tuan Yang di-Pertua, pernahkah bila satu-satu mahkamah itu membuat keputusan dikatakan kalau menang kerana UMNO pengaruhi, perkara ini sudah banyak kali kita bincang.

Saya hendak beritahu kepada DAP, PAS, Semangat 46 dan sebagainya, baru sahaja sejarah ini berlaku. Di Tanjung Puteri dahulu pernah berlaku petisyen pilihanraya ingat tak? Yang dibawa oleh PSRM Razak Ahmad. Kalau Barisan Nasional mempengaruhi mahkamah kononnya sebagaimana tuduhan kalahlah Razak Ahmad. Kawasan Pendang—Hashim Endut, tempat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pernah berlaku kerana mufliis, kalau tidak silap saya. Kalau Barisan Nasional mempengaruhi mahkamah tidak mungkin kerusi Hashim Endut jatuh, sebab kerusi itu diwakili oleh Barisan Nasional. Kes Fan Yew Teng boleh dijadikan rujukan, banyak kes-kes mahkamah yang memihak kepada pembangkang, bila sekali memihak kepada pihak parti Kerajaan, nah! mahkamah tidak adil, sampai melanggar injunction ataupun membincangkan perkara-perkara yang subjudice dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Saya bagi pihak rakyat saya di Pasir Mas dan rakyat Kelantan bukan PAS semua, bukan DAP semua, PAS tidak boleh claim itu mandat dia 100%. Saya pun ada saham juga dahulu, kita belah dua—saya separuh, hendak minta pihak Kerajaan mengambil tindakan mengenai dengan perkara ini. Dan saya serius, kita boleh sebut beberapa nama yang terang-terang, lepas itu sudahlah bercakap menghina mahkamah dan kehakiman, boleh pergi ceramah ke kampung-kampung pula mengatakan “kami Ahli Dewan Undangan Negeri, kami lebih besar daripada mahkamah”, sampai begitu. Jadi kalau perkara ini berterusan bererti negara kita akan menjadi kucar-kacir dan Presiden Semangat 46 pun oleh kerana nasib, hendak buat macam mana.

Masalah yang berlaku dalam rumahtangga Gagasan Rakyat, walaupun belum didaftar lagi, DAP, PAS, Semangat 46, PBS ini pun tidak boleh selesai. Maknanya nasib baiklah, sayapun tidak tahu macam mana kemampuan dia mentadbir negara nanti.

Ini kelam-kabut depan-depan kita DAP telanjangkan PAS, PAS pula menjawab tadi jangan sampai kesepuluh bogel sudahlah, setakat itu cukup, cukup-cukup setakat itu sahaja supaya kita memahami keadaan dan situasi yang berlaku di sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya inginlah merujuk dalam perbincangan Usul Titah Ucapan Di-Raja ini di mana kita bersyukur kepada Allah s.w.t sekali lagi, kerana kita ditempatkan di sebuah negara yang subur dan dengan penggunaan akal sebagai suatu pemberian yang agung kepada manusia.

Kerajaan kita telah dapat menyusun program-program ekonomi dengan begitu berjaya dan negara kita mendahului dunia dalam pengeluaran getah asli, kayu balak, dan nenas. Semua usaha-usaha di dalam bidang pertanian yang dipelbagaikan bukan sahaja dapat mencukupkan keperluan negara, tetapi juga dapat menambah kekayaan negara dengan membangunkan ekonomi umat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memajukan projek-projek ini memerlukan tenaga manusia yang sihat dan akal yang cergas, hanya akan berhasil dengan berjayanya program kesihatan yang dilancarkan oleh Kerajaan.

Dengan adanya rancangan untuk mengimbangkan taraf kesihatan di dalam dan di luar bandar, maka anggota masyarakat kita menjadi bertambah sihat dan juga pada tubuh yang sihat inilah kita isikan ilmu pengetahuan melalui program Kerajaan yang mendidik anggota masyarakat bukan sahaja untuk melayakkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang akan menguntungkan negara, tetapi juga aktiviti yang akan memberi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan bantuan kepada pelajar-pelajar di peringkat bawahan untuk mendapatkan pelajaran yang minimum adalah dialu-

alukan, tindakan ini adalah perlu dan wajar dalam usaha kita hendak memberi peluang kepada setiap golongan rakyat bukan sahaja di bidang ekonomi, tetapi terus ke dalam bidang pendidikan memerlukan sokongan semua pihak. Rancangan Buku Teks Percuma menguntungkan seluruh rakyat. Dasar Pelajaran telah disusun dengan semangat Perlembagaan dan perhitungan sejarah. Sebarang usaha untuk mencabul dasar itu perlu ditentang oleh seluruh rakyat yang cintakan keamanan dan perpaduan.

Untuk semua ini kita memerlukan prasarana yang lengkap, dan yang baik. Kita memerlukan jalan-jalan yang menghubungkan kota-kota, antara kota dan desa dan antara desa ke desa. Sebelum merdeka ada kawasan pedalaman yang rakyatnya terpaksa mendayung ke hulu dan ke hilir kerana perjalanan dari satu tempat ke satu tempat, sementara di tempat-tempat yang dahulunya tidak pernah ada jalan sudah ada jalan di luar bandar.

Kita juga mempunyai sistem pos dan telekom yang cekap dan sentiasa bertambah cekap. Sistem penerbangan udara kita menjadi bertambah baik dan sistem pangangkutan di laut juga menjadi lebih tersusun, sementara untuk kawasan-kawasan yang prasarana belum lengkap, maka Kerajaan telah mengadakan rancangan secara revolusi dengan mendatangkan Rancangan Pembangunan Wilayah dan kita dapat lihat sendiri kawasan-kawasan yang dahulunya terbiar malah tertinggal sebagai hutan-belantara sudah membangun secara saintifik dan mengikut teknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang ekonomi, Kerajaan kita telah mengamalkan sistem ekonomi bebas. Bagaimanapun di bawah sistem ekonomi bebas tidak mungkin kaum bumiputera yang telah ditekan secara teratur oleh pihak penjajah dapat bangun untuk bersaing dengan bukan bumiputera di bidang ekonomi tanpa bantuan. Oleh itu,

selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru yang berjalan selama 20 tahun dan sudah tamat, Kerajaan telah melancarkan pula satu rancangan ekonomi ke arah tahun 2020 yang bertujuan untuk membawa negara ini ke tingkat yang lebih sofistikated lagi melalui Dasar Pembangunan Nasional. Walaupun di peringkat awal masyarakat menerima perancangan ini dengan penuh kecurigaan, dan ada pihak yang memandang secara menyindir tetapi sudah nyata sekarang peranan ini yang penting telah dimainkan oleh semua pihak bagi mencapai cita-cita ke arah sebuah masyarakat Malaysia yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini negara kita sudah sampai ke peringkat di mana kita sudah mempunyai berbagai-bagai mekanisme dan sistem yang akan menjamin masa depan negara. Apa yang membimbangkan ialah jika pembangunan kebendaan tidak seimbang dengan pembangunan rohaniah, prasarana untuk memudahkan kegiatan agama sudah lengkap dalam negara. Apa yang penting ialah sambutan rakyat. Semoga prasarana yang telah diadakan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Kerajaan tidak dapat menjamin semua umat Islam akan ditempatkan di dalam syurga, tetapi sekadar mengadakan prasarana. Kecuali Kerajaan PAS sahajalah yang boleh menjamin umatnya masuk syurga. Adalah mustahil melahirkan negara yang lebih Islam dari rakyatnya. Rasulullah s.a.w. sendiri tidak pernah berusaha mengislamkan negara terlebih dahulu, sebaliknya membimbing umatnya ke arah Islam yang sebenar. Setelah ketahanan umat benar-benar utuh baharulah gerakan ke arah pembentukan sebuah masyarakat dan negara Islam dijalankan. Inilah perbezaan pendekatan antara UMNO dan PAS. PAS hanya mahu bermegah dengan negara Islam meskipun mereka sendiri masih teraba-raba dengan corak dan cara pemerintahan Islam. Rupa-rupanya PAS yang bercakap seperti

guruh di langit untuk melaksanakan hukum hudud belum begitu lama, baru membentuk jawatankuasa untuk mengkaji dan membuat cadangan. Ini pun setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak ada halangan dan sedia memberi kerjasama di mana yang boleh. Inilah bezanya di kalangan orang yang dikatakan alim dan beriman.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat cadangan di sini iaitu jika pindaan di peringkat Perlembagaan Persekutuan mesti dibuat untuk membolehkan Kerajaan PAS melaksanakan hukum hudud di Kelantan, saya ingin mengesyorkan supaya Rang Undang-undang pindaan ini dibawa oleh PAS sendiri dalam Dewan Rakyat ini, bukan oleh pihak parti pemerintah. Sebab yang hendak buatnya di Kelantan, yang buat cadangan ialah PAS, dan kita hendak tengok Rang Undang-undang yang disediakan oleh PAS bukan sahaja hujah-hujah dari segi hukum hudud itu baik atau tidak baik yang kita semua sudah tahu, tetapi kita hendak tengok perincian dari segi undang-undang itu sendiri dan PAS mestilah dibenarkan. Dan saya mencabar PASlah yang membawa Rang Undang-undang itu di Dewan Rakyat ini, bukan pihak Kerajaan, kerana ini adalah tugas PAS. Kerajaan boleh menumpukan sepenuhnya kepada kerja-kerja lain. Jangan hendak membebankan pula kerja-kerja sendiri pada orang lain. Dan ini satu penghormatan kepada PAS, iaitu PASlah yang kita cadangkan membawa rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh secara akademik iaitu mengenai dengan politik Kerajaan APU. Menyentuh politik Kerajaan APU di Kelantan, terlebih dahulu perlu kita mengkaji dan mengenali apakah Kerajaan APU itu sendirinya dari segi entitinya, identitinya, komposisinya, strukturnya, bentuk dan keadaan. Penahavatan ini perlu memandangkan

APU sebagai satu gagasan atau fenomena politik baru yang belum jelas intisari sebenarnya. Hakikat fundamental ini perlu dijelaskan kerana ia mempunyai implikasi yang rapat dengan cara politik dan ekonomi yang mengalir darinya.

APU adalah kononnya satu gabungan parti-parti PAS, Semangat 46, HAMIM dan BERJASA, iaitu 4 buah parti yang bukan sahaja berbeza, tetapi bertentangan dalam keadaan biasa. Yang menggabungkan mereka ialah musuh bersama iaitu Barisan Nasional atau UMNO. APU hanyalah satu pakatan untuk menghadapi pilihanraya semata-mata, manakala DAP masuk bilik APU di waktu malam untuk tidur di celah PAS dan Semangat 46 serta meraba-raba di sana sini. Oleh sebab pakatan ini tidak genuine maka Kerajaan APU dalam erti kata sebenarnya tidak wujud. Yang wujud ialah sebuah Kerajaan proxy di Kelantan. Kerajaan APU sebenarnya ialah sebuah Kerajaan yang dilindungi konflik mendalam di antara parti-parti pendokong dengan Parti PAS yang paling dominan, cuba menonjol identitinya dan memonopoli kuasanya. Faktor-faktor inilah yang mendorong PAS cuba menubuhkan Kerajaan secara unilateral dan melahirkan satu anomali unik dengan dua Timbalan Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut hypothesis politik, Kerajaan APU tidak wujud. Yang mengambil tempat Kerajaan dan berfungsi sebagai Kerajaan ialah Parti PAS. Ertinya Kerajaan yang memerintah negeri Kelantan sebenarnya ialah Parti PAS dan bukan Kerajaan PAS. Oleh yang demikian, Kerajaan APU adalah jolokan pada nama dan lahir atas kertas sahaja sebagai saksi kepada sejarah pakatan dalam pilihanraya semata-mata untuk kepentingan politik pihak tertentu. Apabila parti yang menjelma di atas takhta Kerajaan naluri politik partilah yang menjadi kunci, nadi dan neraca dan bermaharajalela dalam segala urusan

dan pentadbiran Kerajaan. Sebab itulah di antara ciri-ciri yang paling ketara mengenai Kerajaan Kelantan hari ini ialah sikap dan amalannya yang bersifat partisan dan berat sebelah hingga menjejaskan tanggungjawabnya terhadap seluruh rakyat jelata. Pada hakikatnya ia berfungsi atas nama APU tetapi dikendalikan oleh Parti PAS dan hanya rakyat PAS. Sikap partisan inilah yang mendorong mereka sebagai langkah utama untuk menggantikan kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja dalam jabatan-jabatan dan institusi-institusi yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri dan penyokong-penyokong Parti PAS.

Tuan Yang di-Pertua, naluri untuk menjaga kepentingan parti juga memberanikan mereka menyalahgunakan kuasa Kerajaan untuk mengubah perlembagaan Negeri secara emosi walaupun terpaksa mencetus krisis perlembagaan yang menjejaskan kepentingan Kerajaan dan kepentingan umum. Gejala prejudice dan phobia yang menjadi amalan Kerajaan dikuasai oleh parti politiknya bila gejala ini diterjemahkan kepada sikap dan dasar ia menjadi tidak rasional, tidak konsisten, anti dan cemburu terhadap pihak-pihak lain terutama sekali pihak parti-parti lawan seperti Barisan Nasional dan UMNO. Sikap inilah yang melahirkan politik konfrantasi atau setidak-tidaknya politik of isolation ataupun pengasingan diri yang akhirnya membawa ketegangan di kalangan masyarakat, perpecahan dan pulau-memulau berasaskan perbezaan kefahaman politik. Inilah punca penyakit sosial politik yang amat tidak sihat dan terus-menerus merugikan agama, bangsa dan negara amnya. Trend politik inilah yang bersifat negatif lagi primitif.

Satu lagi manifestasi politik yang sedang merebak di Kelantan akibat Kerajaan bermain politik ialah kesesatan Kerajaan dalam kancah politiknya sendiri, lalu menggunakan sekatan dan kedudukan istimewa itu untuk

mempolitikkan segala-galanya. Rakyat dan masyarakat yang terdedah di bawah pemerintahan mereka disogok dengan politik parti menerusi propaganda dakwah dan tarbiah, melalui perjuangan PAS dari Kota Darul-Naim ke pejabat-pejabat, mesjid-mesjid sampailah ke pasar-pasar dan pelusuk kampung sebagai satu strategi untuk menutup kelemahan Kerajaan dalam menjalankan fungsi dan tanggungjawab biasa untuk mencapai matlamat kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bahan istimewa yang diadun untuk menempah sokongan rakyat ialah agama, iaitu sesuatu yang suci lagi murni yang sudah tentu menjadi matlamat mutlak hidup setiap insan. Lagi pun apa sahaja berkaitan dengan agama tidak boleh dipertikaikan melainkan mesti ditelan bulat-bulat oleh masyarakat kampung yang simple. Lebih malang lagi Kerajaan cuba sekutukan atau samakan ajaran Islam dengan politik PAS yang sempit. Korupsi politik yang syirik ini boleh merosakkan rakyat dan agama sekaligus. Dengan memeralatkan agama yang diadunkan dengan serapah dan mentera politik, Kerajaan cuba mengalihkan pandangan masyarakat, Kerajaan Negeri Kelantan cuba mengalihkan pandangan masyarakat daripada rutin kehidupan harian kepada akhirat agar mereka terlepas dari hukuman rakyat mengenai prestasi di dunia nyata ini. Politik helah atau escapism dari dunia ke akhirat semata-mata ini ditambah pula dengan politik taboo melanda masyarakat dengan begitu hebat dan mendadak hinggakan ramai yang keliru dan sesat diserang oleh satu political ad-hoc.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menimbulkan profile agama yang tinggi dalam politik PAS seluruh infrastruktur dan iklim politik diberi sentuhan agama. Sebagai contoh, Menteri Besar sebagai Chief Executive Kerajaan lebih berfungsi sebagai Tok Guru daripada Ketua Kerajaan. Dia berdakwah dan

berkhutbah, bukan membuat dasar dan merancang untuk melaksana tugas-tugas Kerajaan. Sebab itulah Kerajaan lebih ghairah untuk melarang pekerja-pekerja perempuan dari bekerja malam. Melarang perempuan dari menyertai Tilawah Al-Quran supaya tidak mendedahkan aurat suara dan sebagainya. Walaupun semua ini tidak sangat merupakan tugas-tugas Kerajaan tetapi ia dilakukan untuk mencari mileage agama dalam politik.

Kadang-kadang dalam keghairahan mencari mileage agama dalam politik inilah Kerajaan Negeri Kelantan terjebak dengan perkara-perkara yang agak janggal seperti menamakan satu tabung derma sebagai Serambi Mekah. Begitu juga pengisytiharan ibu negeri sebagai Kota Budaya yang belum tentu budayanya mencerminkan Islam.

Semalam kita dengar sudah bercanggah, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang melawat Kelantan dan keluar dalam interview Asia Weeks, kalau tidak silap saya, atau Far Eastern Economic Review. Saya baca, dia kata, "Saya melawat Kelantan, I can drink in the public, judi di sana tidak ada masalah bagi orang bukan Islam." Tetapi PAS bercakap di Bukit Payong, orang sudah tidak boleh minum arak. Jadi, yang mana satu betul? Ini yang sedang berlaku sekarang ini. Dengan menawarkan syurga dan kesejahteraan rakyat dicapai di akhirat menerusi politik PAS, komitmen terhadap politik PAS menjadi fanatik sebab ia disamakan dengan komitmen terhadap agama.

Jiwa dan pemikiran rakyat dieksploit dan dikuasai hingga ke tahap histeria di mana rakyat tidak akan terdaya untuk membezakan di antara kebenaran dan kepalsuan dan bahkan dalam keadaan itu, rakyat lebih senang menjadi mangsa eksploitasi propaganda, lebih-lebih lagi yang berbau agama yang biasanya ditelan bulat-bulat. Jika keadaan ini berlarutan, besar kemungkinan politik

Kelantan akan menuju ke arah kehancuran. Penuh dengan konflik dan perpecahan sesama sendiri. Polarisasi, pulau-memulau, kafir-mengkafir, kehilangan matlamat dan haluan dan akhirnya agama, bangsa dan negara menjadi mangsa sekaligus. Cabaran politik yang paling hebat menghadapi generasi kita hari ini ialah untuk menyelamatkan rakyat dari dikuasai terus menerus oleh politik histeria dan escapism ala akhirat semata-mata pada politik dunia dan akhirat yang diimbangi oleh ikhtiar dan takdir.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita berdaulat kerana kestabilan politik dan pembangunan ekonomi yang pesat. Kita kini telah dihormati oleh negara-negara luar. Dengan dasar bebas dan berkecuali yang dipelopori oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan dengan kerjasama dan dengan kesinambungan dinamik pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Malaysia kini telah menjadi sebuah negara yang dihormati. Bukan sahaja di peringkat ASEAN dan Komanwel tetapi juga di peringkat dunia. Tidak dapat dinafikan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui gaya dan cara tersendiri telah mengangkat maruah bangsa Melayu dan negara Malaysia di mata dunia sebagai sebuah negara yang mampu bersaing dalam setiap bidang dengan negara-negara lain yang telahpun maju ke hadapan.

Bagaimanapun terdapat pihak-pihak yang tidak senang dengan pencapaian-pencapaian yang telah ditunjukkan oleh Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Mereka telah membuat berbagai perancangan untuk cuba menghalang Malaysia dari terus melangkah ke hadapan. Selain dari percubaan-percubaan sabotaj di bidang ekonomi dan politik seperti penentangan terhadap gerakan EAEC dan Kumpulan 15 yang dipelopori oleh Malaysia, gerakan-gerakan anti negara membangun yang baru muncul seperti di

Malaysia telah mengalih pandangan dunia kepada soal-soal alam sekitar sebagai batu loncatan untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti sabotaj terhadap negara-negara membangun yang baru muncul.

Persoalan alam sekitar, Tuan Yang di-Pertua, hanya sekadar satu escapism kepada masalah yang dihadapi oleh negara-negara maju dalam usaha mereka untuk menekan negara seperti Malaysia yang dilihat berpotensi untuk bersaing dengan kedudukan mereka khususnya di bidang ekonomi.

Bercakap mengenai alam sekitar ini, saya telah menghadiri Persidangan Ahli-ahli Parlimen Asia ke 8 bersabit soal kependudukan dan pembangunan pada 29 Februari 1992, di Tokyo, Jepun. Sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab, Malaysia tetap berperanan dan mempertahankan kualiti dan perlindungan alam sekitar. Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang mempunyai rasa tanggungjawab untuk memastikan suasana hidup yang selesa dan sihat di kalangan rakyatnya. Bagaimanapun, seperkara yang perlu ditekankan ialah Malaysia adalah sebuah negara membangun. Oleh itu keutamaan kita ialah alam sekitar dan pembangunan.

Sementara kita mengakui pentingnya suasana sekitar yang bersih dan sihat, kita juga bertanggungjawab memastikan yang rakyat negara ini tidak dinafikan hak mereka untuk hidup dengan segala keperluan asas. Kita percaya memenuhi keperluan asas rakyat adalah lebih utama dan sejajar dengan kehendak kehidupan yang sihat kerana tanpanya bukan sahaja pengeluaran negara terbantut tetapi ianya akan menggalakkan wujudnya berbagai masalah dan ketidakstabilan sosial yang sekaligus memburukkan lagi keadaan persekitaran.

Malaysia telah mengalami hal ini melalui pengalaman. Kita sedar hanya melalui pembangunan di mana peluang-

peluang dan pembangunan baru wujud sahaja dapat meningkatkan sosio-ekonomi rakyat. Kita sedar pembangunan yang pesat yang tidak mengambil kira kepentingan alam sekitar tidak mempunyai nilai tetapi persekitaran yang sihat dan bersih tanpa sebarang pembangunan langsung tidak mempunyai nilai dan makna. Oleh itu kita di Malaysia menganggap pembangunan alam sekitar perlu berjalan seiring. Konsep ini adalah sejajar dengan matlamat pembangunan yang kita jalankan sekarang. Pembangunan dan perancangan adalah integrasi antara keadaan persekitaran dan dasar-dasar pembangunan yang memenuhi kriteria pengawalan pencemaran alam sekitar.

Dalam konteks yang lebih luas, perancangan pembangunan bererti bukan sahaja keperluan-keperluan sekarang dipenuhi tanpa prejudis kepada peluang-peluang masa hadapan tetapi juga keperluan negara-negara kaya dapat dipenuhi dengan tidak menghalang keperluan-keperluan negara-negara membangun dan negara-negara miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini kita maksudkan seperti yang sering ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara-negara kaya mesti bersedia untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar dalam usaha melindungi keadaan alam sejagat. Di dalam dunia ini di mana wujud jurang di antara kaya dan yang miskin, isu alam sekitar mestilah juga mengambil pengiraan keperluan ekonomi. Buat masa sekarang, golongan negara kaya yang hanya berjumlah 25% penduduk dunia menggunakan 3/4 daripada sumber hasil bumi. Ini bererti, pihak negara miskin mesti bersaing dalam menggunakan sumber hasil bumi yang berkurangan dalam usaha untuk survive. Sudah tentulah dalam usaha untuk mencapai matlamat hidup, jalan yang lebih penting masalah persekitaran bukan menjadi pilihan penting pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah menjadi tuan rumah kepada persidangan kedua Menteri-menteri negara yang sedang membangun mengenai alam sekitar dan pembangunan semalam. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Ucapan perasmian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita nyata berani dan mengkagumkan para perwakilan termasuk negara-negara maju. Beberapa orang perwakilan yang sempat saya bertukar pendapat di masa persidangan ini secara terbuka mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah berjaya menggerak dan menangani tipu helah negara maju dalam soal alam sekitar dan pembangunan. Ini sedang berlaku di Kuala Lumpur sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum ini banyak pihak meragui akan prestasi yang akan dicapai di Sidang Kemuncak Bumi di Rio nanti. Tetapi semalam negara yang begitu kritikal terhadap Malaysia termasuk Australia, kalau kita lihat dalam wawancara press conference dalam TV semalam, Menteri Alam Sekitarnya berkata dengan terus terang, sebelum dia datang ke Kuala Lumpur untuk Persidangan ini, beliau sendiri tidak menaruh harapan dengan prestasi ataupun pencapaian di Sidang Rio nanti tetapi dengan adanya Persidangan Menteri-menteri Alam Sekitar di kalangan negara-negara membangun yang membawa 55 buah negara yang sedang membangun dan semua negara-negara membangun turut hadir, kita dapati bahawa keputusan di Sidang Pleno mencapai kata sepakat bahawa negara membangun telah menentukan sikap bersama untuk menghadapi Sidang Rio ini.

Ketua Pembangkang hanya sibuk supaya Perdana Menteri turut hadir ke Sidang Rio. Kenapa Ketua Pembangkang menyebut demikian? Kerana

Ketua Pembangkang sudah sedar dan sudah tahu kejayaan yang dicapai melalui persidangan yang sedang berlangsung sekarang ini. Jadi, bila Perdana Menteri Malaysia hadir ke Sidang Rio, dia akan mengatakan dalam Raket ataupun suara DAP, "DAPlah yang mencadangkan supaya Perdana Menteri pergi". Lagi hendak cari political mileage. Saya percaya Perdana Menteri dan Kabinet boleh memikirkan sama ada perlu hadir ataupun tidak.

Tetapi yang penting, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya hendak beritahu, perkara ini baru berlaku. Saya makan bersama dengan wakil-wakil dari negara Afrika, Nigeria, Senegal, Mali—orang-orang kulit hitam. Saya duduk hendak makan, dia pun cuit saya. Dia kata, "Sir, your Prime Minister is very good". Saya pun mengangguk-angguk, saya pun tumpang seronoklah sebab dunia luar mengatakan begitu. Yang tidak mengatakan tidak bagus ialah dia orang inilah. Hampir lima enam kali mereka mengatakan "your Prime Minister is very good. This meeting really gives us a great impact. We are very excited." Dia kata kita sudah tentu akan menghadiri Sidang Rio dengan azam yang lebih kuat, sebabnya sebelum ini dia kata sudah banyak kali gagal. Persiapan pre-com, preparatory committee untuk Sidang Rio yang dibuat di New York dan sebelum ini di New Delhi, sudah dua tiga tempat tidak berjaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Kita boleh sambung esok.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Oh, saya tidak sedar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat di tangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.